



**SURUHANJAYA
KOPERASI**
Malaysia

LAPORAN EKONOMI SEKTOR KOPERASI TAHUN

KELESTARIAN KOPERASI MEMPERKASA EKONOMI MADANI

LAPORAN EKONOMI SEKTOR KOPERASI TAHUN 2023



KANDUNGAN

PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF	VII
RINGKASAN EKSEKUTIF	XII

BAB 1

● LANDSKAP EKONOMI GERAKAN KOPERASI 2023

Ekonomi Dunia 2023	3
Ekonomi Malaysia 2023	5
Ekonomi Sektor Koperasi Tahun 2023	7
Bilangan Koperasi di Malaysia	7
Bilangan Koperasi mengikut Negeri	9
Analisis Tren Bilangan Koperasi mengikut Negeri	10
Bilangan Keanggotaan Koperasi di Malaysia	11
Analisis Tren Bilangan Keanggotaan Koperasi mengikut Negeri	12
Sisipan Indeks Kesejahteraan Anggota Koperasi (IndeKA) dan Indeks Gerakan Koperasi (IGK)	13
Prestasi Perolehan Sektor Koperasi	14
Prestasi Perolehan Sektor Koperasi mengikut Negeri	15
Prestasi Aset Sektor Koperasi	16
Prestasi Aset Sektor Koperasi mengikut Negeri	17
Prestasi Syer/Yuran Sektor Koperasi	18
Prestasi Syer/Yuran Sektor Koperasi mengikut Negeri	19
Sisipan Perusahaan Sosial (SE)	20
Perangkaan Koperasi mengikut Parlimen	23
Kesimpulan	33

BAB 2

● AKTIVITI EKONOMI KOPERASI

Pengenalan	37
Aktiviti Kredit dan Perbankan	38
Sisipan Aktiviti Kredit – Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia (Koop Sahabat) Berhad	39
Aktiviti Perkhidmatan	41
Sisipan Aktiviti Perkhidmatan – Koperasi Peserta-Peserta Felcra Malaysia Berhad (KPFB)	41
Aktiviti Perdagangan Borong dan Runcit	45
Sisipan Aktiviti Perdagangan Borong dan Runcit – Koperasi Jabatan Penjata Malaysia Berhad (KOPEN)	47

Aktiviti Pertanian	48
Sisipan Aktiviti Pertanian – Koperasi Jurukur Tanah Berlesen (KOJUTA)	48
Aktiviti Pengangkutan	49
Sisipan Aktiviti Pengangkutan – Koperasi Peserta-Peserta Rancangan Felcra Gugusan Lakai Negeri Sembilan Berhad	49
Aktiviti Perumahan	51

BAB 3

● PRESTASI EKONOMI KOPERASI	53
Sorotan Penting	55
Pendahuluan	57
Ekonomi Sektor Koperasi di Tahun 2022	58
Tinjauan Ekonomi Sektor Koperasi 2023	68
Kesimpulan	70

BAB 4

● MODEL PERNIAGAAN KOPERASI	71
Pengenalan	73
Rantainya Bekalan dalam Aktiviti Perdagangan Borong dan Runcit	74
Kemudahan Kredit Koperasi dalam Aktiviti Kewangan	80
Aktiviti Pertanian dan Industri Asas Tani	84
Aktiviti Pelancongan	86
Pemeriksaan Perniagaan Koperasi melalui Koperasi Menengah	90
Sisipan Koperasi Menengah Fungsi Pengguna di Negara Jepun	92
Pendigitalan Koperasi	93

BAB 5

● DASAR DAN PROSPEK 2024	99
Dasar-Dasar Pemangkin Gerakan Koperasi	101
Dasar Koperasi Malaysia (DaKoM) 2030	101
Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) 2021-2025	103
Pembangunan Pelan Pendigitalan Koperasi	106
Inisiatif dan Insentif	109
Melangkah ke Hadapan	113
Pemeriksaan Koperasi sebagai Perusahaan Sosial	113
Pemerdayaan Ekonomi Golongan Rentan	114
Sinergi Industri	114
Pengukuhan Peranan Badan Berautoriti	115
Penutup	115

Perutusan

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

SURUHANJAYA KOPERASI

MALAYSIA



Perutusan

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

Assalamualaikum, Salam sejahtera dan Salam Malaysia Madani

Alhamdulillah, bersyukur kepada Allah S.W.T. atas izin-Nya, buku Laporan Ekonomi Sektor Koperasi Tahun 2023 telah berjaya diterbitkan. Laporan ini bertujuan untuk memberikan gambaran mengenai prestasi ekonomi Gerakan Koperasi sepanjang tahun tahun 2023, serta meninjau prospek dan peluang yang ada di masa hadapan.

Perkembangan koperasi dari perspektif ekonomi menunjukkan bahawa sektor ini memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada keadaan ekonomi di Malaysia. Ini mencerminkan bahawa kekuatan anggota boleh diperkukuhkan melalui pengagihan kemakmuran dan manfaat yang diperolehi daripada kerjasama. Selain itu, dengan mengintegrasikan elemen Ekonomi Madani, koperasi juga dapat memupuk nilai-nilai keadilan, solidariti, dan tanggungjawab sosial, menjadikannya bukan hanya sebagai model perniagaan, tetapi juga sebagai platform untuk membangunkan masyarakat yang lebih sejahtera dan berdaya saing dalam melaksanakan aktiviti sosioekonomi.

Saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada sidang pengarang atas sumbangan idea penulisan dan seterusnya kejayaan menerbitkan Laporan Ekonomi Sektor Koperasi Tahun 2023, Semoga penerbitan buku ini memberi manfaat kepada semua pihak yang terlibat dalam Gerakan Koperasi.

Salam hormat.



DATUK RUSLI BIN JAAFAR
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA



Ringkasan

EKSEKUTIF





RINGKASAN EKSEKUTIF

Laporan Ekonomi Sektor Koperasi 2023 memberikan gambaran menyeluruh tentang prestasi dan perkembangan sektor koperasi di Malaysia. Dalam menghadapi cabaran ketidakpastian ekonomi global, sektor koperasi menunjukkan ketahanan yang signifikan dalam menyokong ekonomi negara, selaras dengan prinsip Ekonomi Madani yang menekankan keadilan, solidariti, dan tanggungjawab sosial.

Prestasi ekonomi koperasi mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan, dengan penyumbang utama adalah aktiviti kewangan yang mencatatkan 87.61% daripada keseluruhan perolehan. Di samping itu, sektor pertanian dan perdagangan juga menunjukkan pertumbuhan yang positif, mencerminkan keberkesanan model perniagaan koperasi dalam memenuhi keperluan anggotanya. Sektor koperasi secara keseluruhan telah menunjukkan peningkatan dalam aktiviti dan perolehan, dengan penekanan kepada keupayaan untuk beradaptasi dengan keadaan

ekonomi yang berubah-ubah, seiring dengan matlamat untuk membangunkan masyarakat yang lebih sejahtera.

Koperasi telah mengambil inisiatif dalam memperkukuh model perniagaan, termasuk dalam aktiviti perdagangan borong dan runcit, yang terus diperkukuh melalui pelbagai program pembangunan. Melalui program-program ini, koperasi berupaya meningkatkan daya saing mereka dalam pasaran dan menyumbang kepada kemakmuran bersama.

Dasar-dasar pemangkin Gerakan Koperasi dan prospek masa depan turut diambil kira, termasuk pelan tindakan untuk digitalisasi yang dilancarkan pada 2023. Pelan ini bertujuan untuk menetapkan hala tuju pendigitalan dalam menghadapi norma baharu. Inisiatif dan pakej rangsangan ekonomi dirancang untuk menyokong koperasi dalam memperkukuh peranan mereka dalam pembangunan ekonomi negara.

Laporan ini menggariskan pencapaian dan cabaran yang dihadapi oleh sektor koperasi, termasuk prestasi positif dan potensi untuk pertumbuhan dalam tahun-tahun akan datang, sambil mengukuhkan komitmen terhadap prinsip-prinsip Ekonomi Madani.

BAB 01

LANDSKAP EKONOMI GERAKAN KOPERASI 2023

LANDSKAP EKONOMI GERAKAN KOPERASI 2023

Ekonomi Dunia 2023

Ekonomi Malaysia 2023

Ekonomi Sektor Koperasi Tahun 2023

Bilangan Koperasi di Malaysia

Bilangan Koperasi mengikut Negeri

Analisis Tren Bilangan Koperasi mengikut Negeri

Bilangan Keanggotaan Koperasi di Malaysia

Analisis Tren Bilangan Keanggotaan Koperasi
mengikut Negeri

Sisipan Indeks Kesejahteraan Anggota Koperasi
(IndeKA) dan Indeks Gerakan Koperasi (IGK)

Prestasi Perolehan Sektor Koperasi

Prestasi Perolehan Sektor Koperasi mengikut Negeri

Prestasi Aset Sektor Koperasi

Prestasi Aset Sektor Koperasi mengikut Negeri

Prestasi Syer/Yuran Sektor Koperasi

Prestasi Syer/Yuran Sektor Koperasi mengikut Negeri

Sisipan Perusahaan Sosial (SE)

Perangkaan Koperasi mengikut Parlimen

Kesimpulan

BAB 01 | LANDSKAP EKONOMI GERAKAN KOPERASI 2023

EKONOMI DUNIA 2023

Walaupun terdapat beberapa tahun kejutan negatif, kedudukan ekonomi global pada tahun 2023 semakin stabil. Walaupun ketegangan geopolitik dan kadar faedah yang tinggi, pertumbuhan global dijangka bertahan stabil pada 2.6% pada 2023, sebelum meningkat kepada 2.7% pada 2025 dengan pengembangan pelaburan dan perdagangan yang sederhana. Inflasi global adalah pada kadar sederhana, tetapi lebih perlahan dalam kadar purata 3.5%. Bank pusat dalam kedua-dua kategori Ekonomi Maju (*Advance Economies*) dan Pasaran Baru Muncul dan Ekonomi Membangun (EMDE) mungkin kekal berhati-hati apabila melaksanakan dasar pelonggaran. Akibatnya, kadar faedah adalah lebih tinggi daripada sebelum wabak COVID-19 dan akan bertahan untuk tempoh masa yang lebih lama. Pertumbuhan EMDE dijangka sederhana daripada 4.2% pada 2023 kepada 4.0% pada 2024.

Di tengah konflik dan keganasan yang memuncak, prospek ekonomi kekal hambar terutamanya dalam sektor yang terdedah. Ketegangan geopolitik yang semakin memuncak boleh menyebabkan harga komoditi tidak menentu. Dalam konteks ketidakpastian dasar perdagangan yang meningkat, pemecahan perdagangan selanjutnya berisiko memberi gangguan tambahan kepada rangkaian perdagangan. Inflasi yang lebih berterusan boleh membawa kepada kadar faedah yang lebih tinggi pada tempoh lebih lama.

Pembuat dasar menghadapi kesukaran dalam membuat keputusan kerana keadaan ekonomi sedemikian. Keselamatan perdagangan, pelepasan hutang, keselamatan makanan, peralihan digital dan perniagaan hijau semuanya memerlukan usaha global. Dasar monetari EMDE mesti menekankan kestabilan harga kerana risiko inflasi yang masih tinggi. Pembuat dasar EMDE perlu mengimbangi keperluan pelaburan yang tinggi dengan kemampunan fiskal kerana hutang yang tinggi dan kos pembayaran hutang.

JADUAL 1.1

KDNK DUNIA

KDNK (% setahun)	2022	2023	2024e	2025f
DUNIA	3.5	3.3	3.2	3.3
EKONOMI NEGARA MAJU	2.6	1.7	1.7	1.8
Amerika Syarikat	1.9	2.5	2.6	1.9
Kawasan Euro	3.4	0.5	0.9	1.5
PASARAN BARU MUNCUL & EKONOMI MEMBANGUN (EMDE)	4.1	4.4	4.3	4.3
China	3.0	5.2	5.0	4.5
Malaysia	8.7	3.6	4.3	4.4
Indonesia	5.3	5.0	5.0	5.1
Thailand	2.5	1.9	2.9	3.1
Filipina	7.6	5.5	6.0	6.2

Nota: ^e anggaran ^f unjuran

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO)

Berdasarkan unjuran IMF, Ekonomi dunia berkembang sederhana pada kadar 3.3 pada tahun 2023 berikutan pertumbuhan ekonomi negara maju yang rendah terutama di Kawasan Euro. IMF menganggarkan pertumbuhan ekonomi dunia pada kadar 3.2% pada tahun 2024 berikutan anggaran pertumbuhan yang perlahan bagi negara membangun terutama di China berikutan krisis pasaran hartanah yang semakin meruncing dan kesan limpahan daripada geopolitik di Eropah Timur. Pertumbuhan ekonomi maju dijangka terus menyederhana kepada 1.7% manakala pertumbuhan KDNK dalam EMDE diunjur stabil pada 4.4%.



EKONOMI MALAYSIA 2023

Dalam menuju Malaysia MADANI, Kerajaan telah menggariskan anjakan besar yang perlu dilaksanakan melalui kerangka MADANI bagi membolehkan negara bangkit semula sebagai Harimau Asia. Di bawah kerangka ini, Kerajaan akan melaksanakan pendekatan yang komprehensif untuk menggalakkan perpaduan dalam kepelbagaian serta ketelusan dan tadbir urus yang baik dalam semua aspek pembangunan negara. Kerangka ini akan memberikan tumpuan kepada pembinaan Malaysia sebagai sebuah negara berdaya tahan dan makmur berpandukan dasar yang berpandangan jauh untuk menggerakkan sumber manusia, teknologi dan sumber asli dengan cekap. Enam tonggak MADANI terdiri daripada keMampunan, kesejAhteraan, Daya cipta, hormAt, keyakiNan dan Ihsan. Kesemua tonggak ini akan memacu negara ke arah kestabilan, pemulihan ekonomi, kesejahteraan rakyat serta menegakkan integriti dalam masyarakat inklusif di bawah konsep Wahdatul Fikr (kesatuan fikiran) melalui sistem penyampaian perkhidmatan awam yang berkesan.

“Ekonomi MADANI: Memperkasakan Rakyat” yang dilancarkan pada 27 Julai 2023 merupakan satu wadah dalam mengangkat semula darjat dan martabat negara ini dengan menstruktur semula ekonomi ke arah Malaysia sebagai peneraju ekonomi di rantau Asia Tenggara. Ia memerlukan pendekatan rakyat (semangat perpaduan), Kerajaan (sistem penyampaian awam yang tangkas dan kolaboratif) dan industri (tatakelola yang baik) di mana ia bertujuan Menaikkan Siling agar Malaysia menjadi Peneraju Ekonomi Asia dan Menaikkan Lantai untuk Peningkatan Darjat Hidup Rakyat.

Ekonomi Malaysia mencatatkan prestasi sederhana apabila KDNK yang pada asalnya meningkat daripada 3.8% pada tahun 2021 meningkat kepada 9.0% pada tahun 2022. Namun, ia mengalami penguncupan pada tahun 2023 iaitu pada kedudukan 3.6%. Ketidaktentuan luaran yang berterusan menguji daya tahan ekonomi Malaysia. Ekonomi Malaysia berkembang secara sederhana meskipun berhadapan dengan cabaran persekitaran luar. Pada separuh pertama tahun 2023, pertumbuhan KDNK meningkat sebanyak 4.2% disokong oleh permintaan domestik yang kukuh terutamanya perbelanjaan swasta. Sektor perkhidmatan yang merupakan penyumbang terbesar ekonomi terus memacu pertumbuhan susulan pertambahan ketibaan pelancong dan peningkatan perbelanjaan pengguna. Sektor pembinaan terus berkembang selaras dengan penyegeraan pelaksanaan projek infrastruktur dan pelaburan yang direalisasikan bagi pembangunan bukan kediaman dan kediaman. Perkembangan tersebut telah mengimbangi impak negatif daripada sektor luar berikutan permintaan luar yang perlahan terutamanya daripada rakan dagang utama negara.

JADUAL 1.2

KNDK MALAYSIA DARI TAHUN 2021 HINGGA TAHUN 2023

% SETAHUN	2021				2022				2023			
	S1	S2	S3	S4	S1	S2	S3	S4	S1	S2	S3	S4
KDNK	-0.2	16.2	-4.2	3.5	5.1	8.9	14.4	7.4	5.5	2.8	3.1	2.9
	3.8				9.0				3.6			

Nota: Data keseluruhan terkini Sukuan Tahun ke-2 2024
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Peningkatan ketidaktentuan luar akan menimbulkan risiko kepada pertumbuhan ekonomi. Walaupun berhadapan pelbagai cabaran, ekonomi negara terus mendapat manfaat daripada dasar dan inisiatif yang dilaksanakan bagi meningkatkan daya tahan dan daya saing negara. Secara keseluruhannya, ekonomi diunjur

menyederhana pada separuh kedua 2023 terutamanya disebabkan oleh permintaan luar yang dijangka kekal lemah serta kesan asas yang tinggi pada tahun sebelumnya. Walau bagaimanapun, permintaan domestik akan terus memacu pertumbuhan.

JADUAL 1.3

SEKTOR EKONOMI MALAYSIA DAN KNDK

PENDUDUK ^b (juta)	2022 ^a		2023 ^e		2024 ^f	
	32.7		33.4		33.7	
PENGELUARAN DALAM NEGERI	RM JUTA	PERUBAHAN (%)	RM JUTA	PERUBAHAN (%)	RM JUTA	PERUBAHAN (%)
Keluaran Dalam Negeri Kasar (harga malar 2015)	1,510,939	8.7	1,569,247	-4.0	1,645,078	4.0 ~ 5.0
Pertanian	99,073	0.1	99,620	0.6	100,770	1.2
Perlombongan dan pengkuarian	96,199	2.6	95,448	-0.8	98,030	2.7
Pembuatan	364,131	8.1	369,359	1.4	384,727	4.2
Pembinaan	53,441	5.0	56,824	6.3	60,688	6.8
Perkhidmatan	881,310	10.9	930,125	5.5	981,990	5.6
Duti import	16,785	7.3	17,868	6.5	18,873	5.6
Keluaran Dalam Negeri Kasar (harga semasa)	1,791,358	15.7	1,850,102	~3.5	1,974,027	6.0 ~ 7.0

Nota: Awalan a Banci Penduduk dan Perumahan 2010 b Anggaran e Unjuran f
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Sektor perkhidmatan disumbangkan oleh subsektor perdagangan borong dan runcit, pengangkutan dan penyimpanan, serta makanan & minuman dan penginapan. Walau bagaimanapun, subsektor kewangan dan insurans menyusut dalam tempoh tersebut. Sektor ini berkembang pada separuh kedua 2023 dipacu oleh subsektor berkaitan pelancongan dan perjalanan berikutan peningkatan ketibaan pelancong dan perbelanjaan pengguna. Secara keseluruhan, sektor ini dijangka berkembang sebanyak 5.5% pada 2023 dengan hampir kesemua subsektor mencatat pertumbuhan positif kecuali subsektor kewangan dan insurans.

Sektor pembuatan disokong oleh industri berorientasikan domestik yang berdaya tahan dalam keadaan permintaan luar yang lemah. Pertumbuhan industri berorientasikan domestik yang stabil didorong oleh peningkatan permintaan untuk segmen barangan pengguna dan berkaitan pembinaan. Sementara itu, industri berorientasikan eksport meningkat secara marginal disebabkan oleh pengeluaran produk elektrik dan elektronik (E&E) yang lebih rendah berikutan penurunan kitaran industri semikonduktor global. Sektor ini diunjur meningkat pada separuh kedua 2023 dengan industri berorientasikan domestik kekal memacu pertumbuhan. Semua segmen dijangka berkembang terutamanya makanan & minuman serta peralatan pengangkutan. Segmen tersebut akan mendapat manfaat daripada pengukuhan aktiviti pelancongan dan peningkatan permintaan kenderaan penumpang serta alat ganti dan aksesori motor yang berkaitan. Di samping itu, penyegeraan dan realisasi projek dalam sektor pembinaan akan meningkatkan permintaan untuk segmen berkaitan logam. Bagi industri berorientasikan eksport, segmen E&E dijangka beralih kepada trend kitaran menaik sejajar dengan peningkatan secara berperingkat dalam permintaan global terutamanya bagi peranti pengkomputeran, elektronik dan semikonduktor. Peningkatan dalam segmen E&E turut disokong oleh permintaan domestik yang semakin meningkat untuk produk elektronik perindustrian,

kenderaan elektrik (EV) dan peranti teknologi perubatan. Tambahan pula, permintaan untuk segmen bahan kimia dijangka meningkat sejajar dengan kitaran E&E yang semakin pulih. Justeru, sektor pembuatan dianggar mencatat pertumbuhan sederhana sebanyak 1.4% pada 2023.

Sektor pembinaan mengukuh pada separuh pertama 2023 terutamanya didorong oleh subsektor kejuruteraan awam dan aktiviti pembinaan khas. Subsektor kejuruteraan awam kembali pulih disokong oleh penyegeraan projek infrastruktur dan utiliti yang sedang dalam pembinaan termasuk projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dan Projek Solar Berskala Besar. Subsektor bangunan bukan kediaman dan bangunan kediaman turut mencatat pertumbuhan positif sejajar dengan aktiviti ekonomi yang rancak. Subsektor bangunan kediaman kekal memberangsangkan hasil daripada inisiatif Kerajaan seperti i-MILIKI dan Skim Jaminan Kredit Perumahan dalam membantu pembeli rumah pertama sekali gus memacu permintaan bagi pemilikan rumah. Tambahan pula, subsektor bangunan bukan kediaman dijangka meningkat khususnya apabila pelaburan swasta yang diluluskan dapat direalisasikan. Kesyukuran pelaksanaan projek infrastruktur dan utiliti strategik akan terus menyokong subsektor kejuruteraan awam. Pada 2023, prestasi sektor pembinaan dijangka kekal stabil dan berkembang sebanyak 6.3%.

EKONOMI SEKTOR KOPERASI TAHUN 2023


BILANGAN KOPERASI DI MALAYSIA

Sektor koperasi negara telah berkembang dengan pesat sejak penubuhan SKM pada tahun 2008. Pelbagai kempen dan promosi pemasaran telah dianjurkan untuk mendidik rakyat Malaysia tentang Gerakan Koperasi. Pertumbuhan ini terus

RAJAH 1.1

Bilangan Koperasi berdaftar dalam tempoh lima tahun

BILANGAN KOPERASI BERDAFTAR



Sumber: Suruhanjaya Koperasi Malaysia

mengukuh berikutan pelaksanaan dasar kedua koperasi iaitu DKN II yang menetapkan sasaran untuk mencapai 16,000 koperasi menjelang tahun 2020.

Berdasarkan rajah 1.1, bilangan koperasi berdaftar mencatatkan peningkatan pada setiap tahun selama lima tahun berturut-turut. Tahun 2023 merekodkan bilangan koperasi yang terbanyak iaitu sebanyak 15,809 koperasi dengan 3.22% peningkatan daripada tahun sebelumnya. Pertambahan bilangan koperasi ini menunjukkan tahap “visibility” koperasi yang telah mendapat tempat di kalangan masyarakat sebagai sumber pendapatan di samping memenuhi keperluan bersama anggota. Polisi dan dasar Kerajaan semasa yang menyokong Gerakan Koperasi dengan menyediakan pelbagai insentif turut menjadi faktor yang menyumbang kepada pertumbuhan ini. Dari


segi perundangan pula, bilangan individu untuk mendaftarkan koperasi telah pun dikurangkan jumlah minimum daripada lima puluh (50) orang kepada dua puluh (20) orang melalui pindaan Akta Koperasi 1993 pada tahun 2021.

SKM turut komited mengambil inisiatif untuk menjalankan pelaksanaan kajian semula Akta Koperasi 1993 secara menyeluruh bertujuan bagi mengurangkan kerenah birokrasi dalam perjalanan Gerakan Koperasi sekali gus memudahkan tatakelola dan struktur koperasi sebagai satu entiti perniagaan. Sehubungan itu, berdasarkan pemerhatian dan faktor positif luaran mahupun dalaman, pertumbuhan bilangan koperasi dijangka akan terus meningkat seiring dengan peredaran masa.

BILANGAN KOPERASI MENGIKUT NEGERI

RAJAH 1.2

Bilangan Koperasi berdaftar dalam tempoh lima tahun

































Sumber: Suruhanjaya Koperasi Malaysia



ANALISIS TREN BILANGAN KOPERASI MENGIKUT NEGERI

JADUAL 1.4

BILANGAN KOPERASI MENGIKUT NEGERI

NEGERI	BILANGAN KOPERASI		PERATUSAN	TREN
	2022	2023		
IBU PEJABAT 	3	3	-	
JOHOR 	1,462	1,490	1.91%	
KEDAH 	971	1,003	3.19%	
KELANTAN 	946	974	2.95%	
MELAKA 	469	487	3.87%	
NEGERI SEMBILAN 	787	780	-0.89%	
PAHANG 	1,146	1,178	2.79%	
PERAK 	1,694	1,734	2.36%	
PERLIS 	239	249	4.18%	
PULAU PINANG 	795	809	1.63%	
SABAH 	1,707	1,798	5.33%	
SARAWAK 	1,159	1,190	2.67%	
SELANGOR 	2,010	2,115	5.22%	
TERENGGANU 	790	828	4.58%	
WILAYAH PERSEKUTUAN 	1,137	1,171	2.99%	
JUMLAH	15,315	15,809	3.22%	

Merujuk kepada Jadual 1.4, taburan koperasi di seluruh negara mencatatkan jumlah yang berbeza berdasarkan kepadatan penduduk di setiap negeri. Selangor dilihat mempunyai bilangan koperasi tertinggi iaitu sebanyak 2,115 koperasi, diikuti dengan Sabah sebanyak 1,798 koperasi, Perak sebanyak 1,734 koperasi, Johor sebanyak 1,490 koperasi, Sarawak sebanyak 1,190 koperasi, Pahang sebanyak 1,178 koperasi, Wilayah Persekutuan sebanyak 1,171 koperasi dan Kedah sebanyak 1,003 koperasi. Manakala negeri-negeri lain mempunyai kurang daripada 1,000 buah koperasi berdaftar.

Dari segi pencapaian peningkatan bilangan koperasi, Negeri Sabah merekodkan peratusan yang tertinggi iaitu sebanyak 5.33% pada tahun 2023 berbanding tahun 2022. Negeri lain yang turut mencatatkan peratusan peningkatan yang tinggi adalah Selangor (5.22%), Terengganu (4.58%), Perlis (4.18%), Melaka (3.87%), Kedah (3.19%), Wilayah Persekutuan (2.99%), Kelantan (2.95%), Pahang (2.79%), Sarawak (2.67%), Perak (2.36%) dan Johor (1.91%). Negeri Pulau Pinang pula mencatatkan peningkatan bilangan koperasi yang paling sedikit iaitu sebanyak 1.63%.

BILANGAN KEANGGOTAAN KOPERASI DI MALAYSIA


































Bilangan keanggotaan koperasi sepanjang tempoh lima tahun menunjukkan tren peningkatan yang positif. Jumlah anggota koperasi di seluruh negara untuk tahun 2023 adalah seramai 7.2 juta orang iaitu 24% daripada populasi warganegara Malaysia seramai 30.4 juta (Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia). Terdapat penurunan jumlah keanggotaan pada

tahun 2023 sebanyak 1.27% iaitu seramai 7.2 juta anggota berbanding tahun 2022 sebanyak 7.3 juta anggota. Namun demikian, peratusan yang kecil ini tidak memberikan impak yang signifikan memandangkan penurunan ini bukanlah disebabkan oleh ketidakmampuan koperasi namun lebih kepada tindakan pengukuhan Gerakan Koperasi itu sendiri.

ANALISIS TREN BILANGAN KEANGGOTAAN KOPERASI MENGIKUT NEGERI

JADUAL 1.5

BILANGAN KEANGGOTAAN KOPERASI MENGIKUT NEGERI

NEGERI	BILANGAN KEANGGOTAAN KOPERASI		PERATUSAN	TREN
	2022	2023		
IBU PEJABAT 	917,269	908,898	-0.91%	
JOHOR 	463,067	482,857	4.27%	
KEDAH 	285,487	285,302	-0.06%	
KELANTAN 	319,050	314,761	-1.34%	
MELAKA 	177,909	178,225	0.18%	
NEGERI SEMBILAN 	186,304	192,503	3.33%	
PAHANG 	302,884	305,721	0.94%	
PERAK 	357,390	356,685	-0.20%	
PERLIS 	63,216	62,621	-0.94%	
PULAU PINANG 	167,339	170,125	1.66%	
SABAH 	350,368	369,619	5.50%	
SARAWAK 	310,125	313,917	1.22%	
SELANGOR 	613,251	648,633	5.77%	
TERENGGANU 	238,844	242,009	1.33%	
WILAYAH PERSEKUTUAN 	2,560,209	2,388,288	-6.72%	
JUMLAH	7,312,712	7,220,164	-1.27%	

Berdasarkan kepada Jadual 1.5 di atas, terdapat sembilan (9) negeri yang telah mencatatkan peningkatan bilangan keanggotaan di mana yang tertinggi adalah di negeri Selangor sebanyak 5.77% iaitu seramai 35,382 orang anggota. Negeri-negeri lain yang turut mengalami pertambahan keanggotaan ini adalah negeri Sabah (5.50%), Johor (4.27%), Negeri Sembilan (3.33%), Pulau Pinang (1.66%), Terengganu (1.33%), Sarawak (1.22%), dan Pahang (0.94%).



SISIPAN INDEKS KESEJAHTERAAN ANGGOTA KOPERASI (IndeKA) DAN INDEKS GERAKAN KOPERASI (IGK)

Indeks bagi mengukur kesejahteraan anggota koperasi telah bermula sejak tahun 2018 dikenali sebagai Indeks Gerakan Koperasi Malaysia (IGKM). Ia kemudian

telah dijenamakan semula pada tahun 2021 sebagai Indeks Kesejahteraan Anggota Koperasi (IndeKA). Indeks ini merupakan penanda aras kepada tahap kesejahteraan anggota berkoperasi.

IndeKA mengukur tiga aspek utama yang mempengaruhi kesejahteraan anggota iaitu ekonomi, sosial dan persekitaran. Enam domain yang mewakili tiga aspek tersebut adalah Domain Ekonomi Anggota, Pembangunan Kendiri, Keberkesanan Pengurusan, Kawal Selia dan Tadbir Urus, Hubungan Sosial dan Penggunaan Teknologi.

Skor IndeKA bagi tahun 2021 ialah 74.6 iaitu berada di tahap memuaskan. Skor ini menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2018 iaitu pada tahap sederhana dengan skor 69.8. Jadual skor seperti berikut:

JADUAL 1.6

SKOR INDEKS KESEJAHTERAAN ANGGOTA KOPERASI BAGI TAHUN 2018 DAN 2021

DOMAIN	NILAI SKOR	
	2018	2021
Ekonomi Anggota	65.4	70.3
Pembangunan Kendiri	68.0	75.1
Keberkesanan Pengurusan	71.5	76.5
Kawal Selia & Tadbir Urus	72.9	78.1
Hubungan Sosial	72.6	77.2
Penggunaan Teknologi	68.5	74.8
SKOR KESELURUHAN	69.1	74.6

Sumber: Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Merujuk kepada Dasar Koperasi Malaysia (DaKoM 2030), sasaran Indeka pada tahun 2025 ialah pada skor 75 dan seterusnya pada skor 80 pada tahun 2030. Ia telah diletakkan dalam Teras Dasar 1: Mentransformasikan sokongan koperasi ke arah pembangunan ekosistem yang lebih holistik dan kondusif di bawah Strategi 2: Menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan koperasi dimana ia berfokus untuk menambahbaik indikator dalam Indeka untuk menilai kesejahteraan anggota koperasi.

Salah satu program yang ditetapkan sebagai salah satu KPI di bawah Bidang Tujahan 1 TransKoM adalah supaya Suruhanjaya Koperasi Malaysia membangunkan satu indeks bagi mengukur sumbangan dan impak koperasi terhadap pembangunan sosial dan alam sekitar dan ia dinamakan sebagai Indeks Gerakan Koperasi (IGK). Domain dan Indikator indeks ini perlu dibangunkan berdasarkan metodologi pembangunan indeks yang dapat diterima umum serta dapat mengukur indikator dengan tepat dan informatif.

Kajian ini akan melibatkan proses pembangunan domain dan indikator menerusi beberapa peringkat iaitu bengkel input kumpulan berfokus, sorotan literatur, membentuk kerangka teoritikal, konseptual dan operasional bagi domain dan indikator serta kutipan data bagi menentukan skor indeks.

IGK merupakan satu indeks yang bersifat holistik yang akan mengambilkira ekosistem dalam Gerakan Koperasi. Meskipun SKM telah membangunkan Indeks Kesejahteraan Anggota (Indeka), tetapi objektif Indeks tersebut adalah untuk mengukur kesejahteraan anggota berdasarkan persepsi daripada anggota sahaja.


Menerusi skor IGK, impak koperasi terhadap sosial dan persekitaran dapat ditentukan dan ini menjadi tanda aras keberkesanan dan kerelevanan Gerakan Koperasi. Pihak pemegang taruh dan pembuat polisi dapat merangka program intervensi yang bersesuaian sehingga ke akar umbi bagi memastikan kewujudan koperasi di negara ini tidak hanya menyumbang kepada kesejahteraan anggota dan seputar gerakan sahaja, tetapi turut memberi impak kepada sosioekonomi negara.

PRESTASI PEROLEHAN SEKTOR KOPERASI



RAJAH 1.4

Perolehan Sektor Koperasi pada tahun 2019 sehingga 2023


































Sumber: Suruhanjaya Koperasi Malaysia

PRESTASI PEROLEHAN SEKTOR KOPERASI MENGIKUT NEGERI

JADUAL 1.7

PRESTASI PEROLEHAN SEKTOR KOPERASI MENGIKUT NEGERI

NEGERI		PEROLEHAN 2022	PEROLEHAN 2023	% PRESTASI PEROLEHAN	TREN KOMPOSISI
		(RM' JUTA)			
IBU PEJABAT		34,405.52	51,895.69	50.84%	
JOHOR		714.89	836.67	17.03%	
KEDAH		322.61	425.96	32.04%	
KELANTAN		463.94	609.74	31.43%	
MELAKA		105.17	156.88	49.17%	
NEGERI SEMBILAN		164.34	190.05	15.64%	
PAHANG		970.17	1,072.76	10.57%	
PERAK		535.54	694.15	29.62%	
PERLIS		31.27	35.11	12.28%	
PULAU PINANG		361.47	517.58	43.19%	
SABAH		569.71	677.82	18.98%	
SARAWAK		392.59	368.97	-6.02%	
SELANGOR		464.43	706.31	52.08%	
TERENGGANU		498.61	699.90	40.37%	
WILAYAH PERSEKUTUAN		5,502.05	5,673.27	3.11%	
JUMLAH		45,502.33	64,560.87	41.88%	


Sumber: Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Pada tahun 2023, perolehan koperasi mula menunjukkan pertumbuhan yang positif. Meskipun pada tahun 2021, perolehan koperasi menyusut sebanyak 9% dengan nilai perolehan RM37.9 bilion, tahun 2022 telah menunjukkan pertumbuhan yang lebih baik dengan perolehan sebanyak RM45.5 bilion iaitu peningkatan pada kadar 20%. Seterusnya pada tahun 2023, perolehan koperasi menunjukkan peningkatan yang lebih agresif dengan perolehan sebanyak RM64.5 bilion iaitu peningkatan pada kadar 42%. Rajah 1.4 menunjukkan trend perolehan koperasi dalam tempoh 5 tahun iaitu bermula pada 2019 sehingga 2023. Pakej rangsangan

Ekonomi Madani yang diperkenalkan oleh Kerajaan telah menunjukkan hasil yang positif menyebabkan perolehan koperasi juga meningkat seiring dengan pertumbuhan ekonomi negara.

Prestasi perolehan sektor koperasi pada tahun 2023 menunjukkan peningkatan pada kadar 42% (2023: RM64.5 bilion) berbanding tahun sebelumnya (2022: RM45.5 bilion). Peningkatan perolehan koperasi didorong oleh peningkatan aktiviti perniagaan seperti aktiviti kredit, perladangan, hartanah yang memberi sumbangan besar kepada perolehan secara keseluruhan.

PRESTASI ASET SEKTOR KOPERASI



BAB 01
16 Prestasi Aset sektor koperasi pada tahun 2023 menunjukkan peningkatan pada kadar 3.94% (2023: RM165.8 bilion) berbanding tahun sebelumnya (2022: RM159.6 bilion).

PRESTASI ASET SEKTOR KOPERASI MENGIKUT NEGERI

JADUAL I.8

Prestasi Aset Sektor Koperasi Mengikut Negeri


NEGERI	ASET 2022	ASET 2023	% PRESTASI Aset	TREN KOMPOSISI
				(RM' JUTA)
IBU PEJABAT	125,212.07	129,622.81	3.52%	
JOHOR	1,355.22	1,397.76	3.14%	
KEDAH	755.52	754.00	-0.20%	
KELANTAN	2,027.16	2,185.64	7.82%	
MELAKA	514.12	557.78	8.49%	
NEGERI SEMBILAN	365.73	400.72	9.57%	
PAHANG	1,653.28	1,560.16	-5.63%	
PERAK	1,564.08	1,549.20	-0.95%	
PERLIS	131.71	137.50	4.40%	
PULAU PINANG	1,019.65	1,054.55	3.42%	
SABAH	915.25	945.48	3.30%	
SARAWAK	647.49	651.40	0.60%	
SELANGOR	2,315.82	2,692.26	16.26%	
TERENGGANU	633.37	738.53	16.60%	
WILAYAH PERSEKUTUAN	20,497.34	21,647.31	5.61%	
JUMLAH	159,607.79	165,895.10	3.94%	

Sumber: Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Berdasarkan prestasi aset sektor koperasi mengikut negeri, negeri Kedah menunjukkan penurunan daripada RM755.52 juta ke RM754.00 juta iaitu sebanyak 0.20%. Negeri Pahang turut menunjukkan penurunan daripada RM1.65 bilion ke RM1.56 bilion iaitu bersamaan 5.63%. Negeri Perak juga menunjukkan penurunan daripada RM1.56 bilion ke RM1.54 bilion iaitu bersamaan 0.95%. Antara faktor yang

menyebabkan penurunan aset sektor koperasi negeri berkenaan adalah pengurangan aset koperasi atas faktor perniagaan, susut nilai aset koperasi, penjualan dan pelupusan aset koperasi. Peningkatan aset bagi lain-lain negeri disebabkan peningkatan penambahan aset didorong oleh kenaikan pertambahan keanggotaan, perolehan dan keuntungan koperasi.

PRESTASI SYER/YURAN SEKTOR KOPERASI


































Prestasi syer/yuran sektor koperasi pada tahun 2023 menunjukkan peningkatan pada kadar 2.75% (2023: RM17.44 bilion) berbanding tahun sebelumnya (2022: 16.98 bilion).

PRESTASI SYER/YURAN SEKTOR KOPERASI MENGIKUT NEGERI

JADUAL 1.9

PRESTASI SYER/YURAN SEKTOR KOPERASI MENGIKUT NEGERI

NEGERI		Syer/Yuran 2022	Syer/Yuran 2023	% PRESTASI Syer/Yuran	TREN KOMPOSISI
		(RM' JUTA)			
IBU PEJABAT		3,971.46	4,248.28	6.97%	
JOHOR		330.25	321.02	-2.79%	
KEDAH		362.43	357.98	-1.23%	
KELANTAN		434.63	436.44	0.42%	
MELAKA		107.50	109.25	1.63%	
NEGERI SEMBILAN		118.67	123.24	3.85%	
PAHANG		443.59	448.95	1.21%	
PERAK		563.44	563.27	-0.03%	
PERLIS		66.88	68.46	2.36%	
PULAU PINANG		246.55	260.74	5.76%	
SABAH		232.08	256.07	10.34%	
SARAWAK		224.38	228.24	1.72%	
SELANGOR		744.52	785.83	5.55%	
TERENGGANU		282.51	290.54	2.84%	
WILAYAH PERSEKUTUAN		8,852.56	8,950.33	1.10%	
JUMLAH		16,981.46	17,448.65	2.75%	

Sumber: Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Berdasarkan prestasi syer/yuran sektor koperasi mengikut negeri, negeri Johor menunjukkan penurunan daripada RM330.25 juta ke RM321.02 juta iaitu sebanyak 2.79%. Negeri Kedah turut menunjukkan penurunan daripada RM362.43 juta ke RM357.98 juta iaitu bersamaan 1.23%. Negeri Perak juga menunjukkan penurunan daripada RM563.44 juta ke RM563.27 juta iaitu bersamaan 0.03%. Antara faktor yang menyebabkan penurunan syer/yuran sektor koperasi negeri berkenaan adalah kerana SKM melaksanakan aktiviti pemutihan bagi koperasi-koperasi yang berstatus dorman dan penebusan syer bonus pada jumlah yang besar. Peningkatan syer/yuran pula didorong oleh pendaftaran koperasi baru iaitu sebanyak 15,809 koperasi pada tahun 2023 berbanding tahun 2022 iaitu sebanyak 15,351 koperasi.



SISIPAN PERUSAHAAN SOSIAL (SE)

Perusahaan Sosial adalah entiti yang berdaftar di bawah undang-undang bertulis di Malaysia, didorong oleh matlamat sosial dan mempunyai model perniagaan yang berdaya maju dari segi kewangan bagi menangani cabaran sosial dan/atau alam sekitar, serta bertujuan untuk menghasilkan impak yang positif kepada penerima manfaat dan ekonomi. Manakala Keusahawanan Sosial merujuk kepada proses usahawan menyediakan penyelesaian kepada cabaran sosial dan alam sekitar yang mendesak.



CIRI-CIRI PERUSAHAAN SOSIAL

Berdaftar di bawah undang-undang bertulis di Malaysia





DIDORONG OLEH MATLAMAT


CIRI 01

Tidak hanya mementingkan keuntungan semata-mata; dan

CIRI 02

Menyelesaikan masalah sosial dan alam sekitar melalui keuntungan/pendapatan yang dijana.

MODEL PERNIAGAAN BERDAYA MAJU BAGI MENANGANI CABARAN SOSIAL/ALAM SEKITAR



Mempunyai sumber kewangan yang mampan; dan



Menjana pendapatan daripada aktiviti perniagaan



Membawa perubahan transformatif kepada masyarakat dan alam sekitar

JADUAL 1.10

KRITERIA PENARAFAN PERUSAHAAN SOSIAL

Tunas Perusahaan Sosial (Aspiring)	<ul style="list-style-type: none"> ● Didorong oleh matlamat sosial untuk menangani isi sosial atau alam sekitar ● Mempunyai Kumpulan sasar yang jelas ● >25% ahli koperasi terdiri daripada Kumpulan sasar atau Koperasi membantu komuniti Kumpulan sasar ● >10% keuntungan disalurkan bagi mencapai misi sosial/alam sekitar atau >10% kos operasi perniagaan disalurkan bagi mencapai misi sosial/alam sekitar
Perusahaan Sosial Asas (SE.B)	<ul style="list-style-type: none"> ● >51% ahli koperasi terdiri daripada Kumpulan sasar atau koperasi membantu komuniti Kumpulan sasar. ● >25% hasil pendapatan diperolehi daripada aktiviti perniagaan. ● >30% keuntungan disalurkan bagi mencapai misi sosial/alam sekitar atau 30% kos operasi perniagaan disalurkan bagi mencapai misi sosial/alam sekitar
Perusahaan Sosial Diakreditasi (SE.Ac)	<ul style="list-style-type: none"> ● 75% ahli koperasi terdiri daripada Kumpulan sasar atau koperasi membantu komuniti Kumpulan sasar ● >51% hasil pendapatan diperolehi daripada aktiviti perniagaan ● >51% daripada keuntungan disalurkan kepada misi sosial dan/atau alam sekitar ● Mempunyai laporan pengukuran impak sosial dan/atau alam sekitar yang jelas

JADUAL 1.11

STATUS SEMASA PENARAFAN PERUSAHAAN SOSIAL (SEMy2030) UNTUK KOPERASI SEHINGGA DISEMBER 2023

Aspiring	SE.B	SE.Ac
-	92 koperasi	1 koperasi



GAMBAR 1.1



Koperasi Komuniti Kampung Kilim Langkawi Berhad

Koperasi Komuniti Kampung Kilim Langkawi Berhad merupakan koperasi yang menjalankan aktiviti pelancongan agro dimana aktiviti perusahaannya merangkumi menjaga kawasan paya bakau dan memulihkan infrastruktur bagi

mengekalkan status tapak warisan UNESCO. Dari segi matlamat keusahawanan sosialnya, koperasi membantu membasmi kemiskinan komunitinya dari golongan miskin dan miskin tegar.

PERANGKAIAN KOPERASI MENGIKUT PARLIMEN


PERANGKAIAN KOPERASI MENGIKUT PARLIMEN

NO.	PARLIMEN	BILANGAN KOPERASI	ANGGOTA	SYER/YURAN	ASET	PERDLEHAN
				RM JUTA		
IBU PEJABAT						
1	Lembah Pantai	1	802,822	2,986.03	118,409.81	46,413.32
2	Subang	1	11,113	-	341.91	139.01
3	Titivangsa	1	94,963	1,262.25	10,871.09	5,343.36
		3	908,898	4,248.28	129,622.81	51,895.69
JOHOR						
NO.	PARLIMEN	BILANGAN KOPERASI	ANGGOTA	SYER/YURAN	ASET	PERDLEHAN
				RM JUTA		
1	Ayer Hitam	24	10,068	2.62	13.98	2.84
2	Bakri	35	15,963	9.24	19.70	9.48
3	Batu Pahat	86	29,316	27.51	70.94	40.03
4	Iskandar Puteri	98	30,367	17.02	41.53	14.98
5	Johor Bahru	106	33,460	56.28	211.23	139.42
6	Kluang	102	24,228	19.85	251.79	65.02
7	Kota Tinggi	94	22,843	11.81	49.17	54.46
8	Kulai	56	18,688	2.61	12.60	12.71
9	Labis	21	5,415	0.75	4.66	7.76
10	Ledang	40	13,254	1.68	7.93	6.54
11	Mersing	65	20,491	6.28	36.69	32.14
12	Muar	53	15,121	15.46	41.50	15.90
13	Pagoh	53	8,812	5.56	25.25	15.38
14	Parit Sulong	33	11,508	1.06	4.70	6.55
15	Pasir Gudang	80	46,589	15.47	42.35	33.58
16	Pengerang	54	17,033	10.44	91.88	118.29
17	Pontian	56	20,603	10.68	37.39	23.90


PERANGKAIAN KOPERASI MENGIKUT PARLIMEN


LAPORAN
EKONOMI
SEKTOR KOPERASI TAHUN 2023

NO.	PARLIMEN	BILANGAN KOPERASI	ANGGOTA	SYER/YURAN	ASET	PEROLEHAN
				RM JUTA		
18	Pulai	86	30,759	54.97	132.04	30.43
19	Segamat	78	19,779	10.41	25.13	14.20
20	Sekijang	14	5,330	5.32	16.95	31.54
21	Sembrong	45	12,529	6.84	26.52	67.70
22	Simpang Renggam	38	8,981	1.95	9.50	12.65
23	Sri Gading	32	13,314	2.67	168.21	21.59
24	Tanjung Piai	29	9,548	0.46	3.10	1.63
25	Tebrau	69	28,248	21.65	41.69	43.09
26	Tenggara	43	10,610	2.40	11.33	14.85
JUMLAH / TOTAL		1,490	482,857	321.02	1,397.76	836.67

NO.	PARLIMEN	BILANGAN KOPERASI	ANGGOTA	SYER/YURAN	ASET	PEROLEHAN
				RM JUTA		
	KEDAH					
1	Alor Star	139	50,249	202.74	358.66	202.51
2	Baling	71	20,235	29.31	54.39	30.75
3	Jerai	62	10,970	4.15	10.73	3.56
4	Jerlun	19	5,895	0.61	3.65	2.32
5	Kuala Kedah	67	14,649	9.43	53.26	11.12
6	Kubang Pasu	92	30,807	27.82	60.44	22.52
7	Kulim-Bandar Bahru	78	24,749	13.67	53.36	56.32
8	Langkawi	74	16,109	4.52	21.45	37.97
9	Merbok	67	18,976	2.42	12.87	6.11
10	Padang Serai	25	14,297	1.03	5.47	3.34
11	Padang Terap	51	9,323	3.56	14.83	12.16
12	Pendang	51	14,099	1.41	6.78	4.80
13	Pokok Sena	53	7,919	1.89	6.50	3.59
14	Sik	53	15,030	7.96	25.13	9.40
15	Sungai Petani	101	31,995	47.46	66.48	19.48
JUMLAH/TOTAL		1,003	285,302	357.98	754.00	425.96


PERANGKAIAN KOPERASI MENGIKUT PARLIMEN


NO.	PARLIMEN	BILANGAN KOPERASI	ANGGOTA	SYER/YURAN	ASET	PEROLEHAN
				RM JUTA		
	KELANTAN					
1	Bachok	49	13,514	2.51	3.22	5.13
2	Gua Musang	48	13,663	5.07	26.87	54.90
3	Jeli	29	5,424	0.67	3.13	1.29
4	Ketereh	56	17,092	9.80	18.79	8.10
5	Kota Bharu	197	104,593	347.40	1,766.06	346.92
6	Kuala Krai	51	18,480	2.19	1,766.06	10.40
7	Kubang Kerian	120	25,049	18.92	68.55	24.67
8	Machang	68	26,518	31.12	210.65	68.92
9	Pasir Mas	63	10,832	1.81	9.40	5.24
10	Pasir Puteh	57	15,964	1.36	10.99	12.67
11	Pengkalan Chepa	66	12,089	3.87	13.50	11.49
12	Rantau Panjang	38	16,840	3.03	11.28	13.56
13	Tanah Merah	54	17,915	5.70	18.49	32.45
14	Tumpat	78	16,788	2.98	14.48	14.01
	JUMLAH/TOTAL	974	314,761	436.44	2,185.64	609.74

NO.	PARLIMEN	BILANGAN KOPERASI	ANGGOTA	SYER/YURAN	ASET	PEROLEHAN
				RM JUTA		
	MELAKA					
1	Alor Gajah	57	13,283	1.41	5.43	7.35
2	Hang Tuah Jaya	106	70,904	44.29	366.85	68.09
3	Jasin	129	26,540	6.56	20.50	20.85
4	Kota Melaka	79	39,489	52.03	117.32	32.97
5	Masjid Tanah	69	15,187	3.31	39.18	17.89
6	Tangga Batu	47	12,822	1.65	8.49	9.72
	JUMLAH/TOTAL	487	178,225	109.25	557.78	156.88

PERANGKAIAN KOPERASI MENGIKUT PARLIMEN

LAPORAN
EKONOMI
SEKTOR KOPERASI TAHUN 2023

NO.	PARLIMEN	BILANGAN KOPERASI	ANGGOTA	SYER/YURAN	ASET	PEROLEHAN
				RM JUTA		
	NEGERI SEMBILAN					
1	Jelebu	56	12,726	5.53	18.83	61.00
2	Jempol	110	25,638	9.51	45.03	37.44
3	Kuala Pilah	82	14,753	3.00	10.09	7.60
4	Port Dickson	70	20,639	8.43	46.75	9.57
5	Rasah	118	29,859	53.28	112.04	26.49
6	Rembau	122	24,959	12.02	57.48	13.84
7	Seremban	156	47,462	27.22	88.07	21.32
8	Tampin	66	16,467	4.27	22.42	12.79
	JUMLAH/TOTAL	780	192,503	123.24	400.72	190.05


NO.	PARLIMEN	BILANGAN KOPERASI	ANGGOTA	SYER/YURAN	ASET	PEROLEHAN
				RM JUTA		
	PAHANG					
1	Bentong	71	16,519	8.29	30.32	33.42
2	Bera	66	14,089	4.72	26.72	74.62
3	Cameron Highland	31	5,656	7.27	19.14	58.02
4	Indera Mahkota	91	30,329	9.04	22.99	14.26
5	Jerantut	120	23,307	7.68	22.09	38.00
6	Kuala Krau	61	17,557	7.05	23.61	19.88
7	Kuantan	113	51,276	339.96	1,188.33	475.52
8	Lipis	74	16,483	4.66	19.46	30.24
9	Maran	53	13,334	2.69	6.95	11.93
10	Paya Besar	84	21,955	4.07	29.96	35.79
11	Pekan	95	24,309	6.03	28.32	53.69
12	Raub	90	18,368	4.22	17.84	57.03
13	Rompin	96	28,262	12.68	50.59	115.06
14	Temerloh	133	24,277	30.59	73.84	55.31
	JUMLAH/TOTAL	1,178	305,721	448.95	1,560.16	1,072.76


PERANGKAIAN KOPERASI MENGIKUT PARLIMEN

NO.	PARLIMEN	BILANGAN KOPERASI	ANGGOTA	SYER/YURAN	ASET	PEROLEHAN
				RM JUTA		
	PERAK					
1	Bagan Datok	63	11,142	7.46	56.90	20.02
2	Bagan Serai	43	11,147	2.69	8.93	2.29
3	Batu Gajah	57	7,868	5.67	15.53	5.46
4	Beruas	44	8,934	7.82	36.67	36.33
5	Bukit Gantang	58	6,395	1.30	11.72	2.60
6	Cameron Highland	1	109	0.04	0.19	0.00
7	Gerik	58	13,381	4.46	15.26	7.51
8	Gopeng	86	16,952	14.55	60.77	17.16
9	Ipoh Barat	108	35,742	241.14	375.00	126.50
10	Ipoh Timur	67	18,908	31.42	68.67	33.16
11	Kampar	30	5,578	2.66	11.51	6.38
12	Kuala Kangsar	80	15,400	24.07	78.64	33.48
13	Larut	56	10,767	3.56	13.73	20.63
14	Lenggong	40	8,111	1.60	6.31	4.38
15	Lumut	109	17,819	12.90	41.97	24.05
16	Padang Rengas	30	5,295	0.47	2.86	1.74
17	Parit	84	17,434	6.97	24.56	21.68
18	Parit Buntar	46	11,475	19.28	39.02	5.85
19	Pasir Salak	69	13,515	12.19	100.72	71.06
20	Sungai Siput	60	10,081	9.21	21.39	16.16
21	Taiping	157	26,271	63.84	293.92	75.84
22	Tambun	128	16,174	27.98	93.68	46.81
23	Tanjong Malim	92	38,040	9.29	37.09	29.98
24	Tapah	68	14,375	9.77	34.78	17.09
25	Telok Intan	100	15,772	42.91	99.36	67.98
	JUMLAH/TOTAL	1,734	356,685	563.27	1,549.20	694.15


PERANGKAIAN KOPERASI MENGIKUT PARLIMEN

LAPORAN
EKONOMI
SEKTOR KOPERASI TAHUN 2023

NO.	PARLIMEN	BILANGAN KOPERASI	ANGGOTA	SYER/YURAN	ASET	PEROLEHAN
				RM JUTA		
	PERLIS					
1	Arau	69	27,749	32.82	48.17	7.31
2	Kangar	110	23,751	28.45	61.78	19.23
3	Padang Besar	70	11,121	7.19	27.55	8.57
	JUMLAH/TOTAL	249	62,621	68.46	137.50	35.11

NO.	PARLIMEN	BILANGAN KOPERASI	ANGGOTA	SYER/YURAN	ASET	PEROLEHAN
				RM JUTA		
	PENANG					
1	Bagan	50	8,348	21.76	32.21	11.20
2	Balik Pulau	99	27,159	34.92	490.37	116.82
3	Batu Kawan	25	3,967	9.94	17.53	10.22
4	Bayan Baru	62	8,870	8.97	81.60	134.63
5	Bukit Bendera	24	4,248	6.02	13.43	4.46
6	Bukit Gelugor	32	6,233	4.96	24.43	7.24
7	Bukit Mertajam	92	18,028	8.15	38.99	120.27
8	Jelutong	57	9,732	2.27	5.82	2.66
9	Kepala Batas	102	18,866	3.16	14.53	9.80
10	Nibong Tebal	79	15,604	4.02	27.84	13.90
11	Permatang Pauh	56	13,220	1.66	9.29	5.01
12	Tanjong	54	24,273	149.64	266.07	56.24
13	Tasek Gelugor	77	11,577	5.28	32.46	25.14
	JUMLAH / TOTAL	809	170,125	260.74	1,054.55	517.58

PERANGKAIAN KOPERASI MENGIKUT PARLIMEN


NO.	PARLIMEN	BILANGAN KOPERASI	ANGGOTA	SYER/YURAN	ASET	PEROLEHAN
				RM JUTA		
	SABAH					
1	Batu Sapi	15	771	0.15	0.44	0.33
2	Beaufort	62	8,125	1.87	7.05	12.32
3	Beluran	40	5,393	0.36	4.43	4.10
4	Kalabakan	42	10,108	1.01	9.21	11.55
5	Keningau	123	22,637	2.31	12.25	17.47
6	Kimanis	36	7,843	0.19	5.25	21.72
7	Kinabatangan	46	9,206	0.77	19.36	33.72
8	Kota Belud	111	10,715	1.59	4.98	7.74
9	Kota Kinabalu	205	97,638	201.45	554.54	164.08
10	Kota Marudu	78	5,853	0.73	5.84	30.69
11	Kudat	64	7,896	0.45	2.61	5.15
12	Labuan (WP)	46	8,856	0.42	5.35	12.11
13	Lahad Datu	83	20,288	2.31	12.36	21.80
14	Libaran	31	12,981	2.78	72.77	30.67
15	Papar	48	9,147	0.38	3.09	1.69
16	Penampang	86	13,385	3.91	22.04	3.63
17	Pensiangan	57	6,621	0.38	3.09	3.48
18	Putatan	64	4,315	4.62	12.11	4.31
19	Ranau	76	9,231	1.22	6.54	12.27
20	Sandakan	71	20,703	13.14	49.79	30.40
21	Semporna	62	17,631	0.85	13.64	4.47
22	Sepanggar	88	12,514	3.93	22.36	8.03
23	Sipitang	35	5,646	0.34	2.37	5.41
24	Tawau	115	24,734	9.33	87.59	218.97
25	Tenom	27	5,704	0.62	2.56	7.08
26	Tuaran	87	11,678	0.94	3.87	4.61
	JUMLAH/TOTAL	1,798	369,619	256.07	945.48	677.82

PERANGKAIAN KOPERASI MENGIKUT PARLIMEN

LAPORAN
EKONOMI
SEKTOR KOPERASI TAHUN 2023


NO.	PARLIMEN	BILANGAN KOPERASI	ANGGOTA	SYER/YURAN	ASET	PEROLEHAN
				RM JUTA		
	SARAWAK					
1	Bandar Kuching	68	46,257	132.47	297.60	79.40
2	Baram	59	11,610	0.78	6.43	11.96
3	Batang Lupar	25	4,639	0.26	1.75	2.92
4	Batang Sadong	18	5,539	0.14	1.57	1.71
5	Betong	37	7,403	0.51	2.94	5.18
6	Bintulu	79	23,905	5.31	14.80	21.50
7	Hulu Rajang	22	3,890	0.46	1.60	0.65
8	Igan	22	4,676	0.28	1.18	0.80
9	Julau	15	3,055	0.23	1.57	0.93
10	Kanowit	14	3,390	0.12	0.84	0.56
11	Kapit	26	6,310	0.64	2.65	0.69
12	Kota Samarahan	43	9,319	2.86	14.39	16.92
13	Lanang	28	10,556	1.68	5.23	1.70
14	Lawas	60	4,568	0.41	4.84	1.70
15	Limbang	25	3,449	0.36	5.70	8.34
16	Lubok Antu	12	2,204	0.12	1.22	2.80
17	Mas Gading	34	9,380	1.39	9.50	17.61
18	Miri	90	22,175	8.29	32.18	10.75
19	Mukah	32	11,140	1.49	7.95	8.76
20	Petra Jaya	112	30,718	40.63	122.41	48.00
21	Puncak Borneo	25	10,807	1.13	5.32	5.04
22	Santubong	51	8,485	14.76	31.88	18.31
23	Saratok	51	8,464	1.43	4.47	6.42
24	Sarikei	35	9,138	1.50	6.64	11.23
25	Selangau	12	1,576	0.17	1.52	6.79
26	Serian	46	11,048	0.78	11.40	24.57
27	Sibu	54	11,992	4.70	14.96	7.27
28	Sibuti	30	10,888	2.06	9.32	20.62
29	Sri Aman	19	4,548	0.18	2.90	4.24
30	Stampin	28	10,609	2.97	25.99	20.34
31	Tanjong Manis	18	2,179	0.14	0.67	1.27
	JUMLAH/TOTAL	1,190	313,917	228.24	651.40	368.97

PERANGKAIAN KOPERASI MENGIKUT PARLIMEN

NO.	PARLIMEN	BILANGAN KOPERASI	ANGGOTA	SYER/YURAN	ASET	PERLEHAN
				RM JUTA		
	SELANGOR					
1	Ampang	96	29,229	137.20	1,040.67	104.13
2	Bangi	64	12,484	32.45	102.51	48.78
3	Damansara	48	11,309	3.21	17.50	12.67
4	Gombak	153	96,348	155.60	220.10	34.16
5	Hulu Langat	206	76,258	40.56	141.59	89.09
6	Hulu Selangor	69	25,791	2.94	19.33	21.02
7	Kapar	42	14,172	2.73	43.09	5.87
8	Klang	134	54,129	56.87	159.69	85.72
9	Kota Raja	19	16,150	0.79	2.96	3.08
10	Kuala Langat	108	30,413	13.35	55.95	39.22
11	Kuala Selangor	132	29,349	14.95	35.11	28.39
12	Pandan	12	4,105	0.03	0.72	0.88
13	Petaling Jaya	129	29,547	92.59	236.97	36.39
14	Puchong	118	34,732	57.58	182.29	51.21
15	Sabak Bernam	50	11,578	9.39	26.54	5.15
16	Selayang	75	15,881	2.18	5.03	3.65
17	Sepang	81	23,761	3.45	66.98	8.44
18	Shah Alam	330	77,118	127.59	251.34	87.53
19	Subang	90	22,001	3.91	10.40	5.83
20	Sungai Besar	63	15,779	10.19	28.27	10.59
21	Sungai Buloh	8	6,493	12.27	27.84	18.35
22	Tanjung Karang	88	12,006	5.98	17.37	6.15
	JUMLAH/TOTAL	2,115	648,633	785.83	2,692.26	706.31

PERANGKAIAN KOPERASI MENGIKUT PARLIMEN

LAPORAN
EKONOMI
SEKTOR KOPERASI TAHUN 2023

NO.	PARLIMEN	BILANGAN KOPERASI	ANGGOTA	SYER/YURAN	ASET	PEROLEHAN
				RM JUTA		
	TERENGGANU					
1	Besut	116	31,507	20.00	39.68	25.27
2	Dungun	83	34,502	11.24	45.60	100.70
3	Hulu Terengganu	74	22,304	4.75	18.43	64.27
4	Kemaman	101	28,392	13.35	77.26	103.18
5	Kuala Nerus	113	27,707	9.69	32.82	15.30
6	Kuala Terengganu	211	68,200	224.86	497.01	340.16
7	Marang	83	17,043	2.49	11.86	12.32
8	Setiu	47	12,354	4.16	15.86	38.69
	JUMLAH/TOTAL	828	242,009	290.54	738.53	699.90
NO.	PARLIMEN	BILANGAN KOPERASI	ANGGOTA	SYER/YURAN	ASET	PEROLEHAN
				RM JUTA		
	WILAYAH PERSEKUTUAN					
1	Bandar Tun Razak	29	7,728	5.35	26.65	10.01
2	Batu	34	81,216	238.69	598.54	817.61
3	Bukit Bintang	46	307,751	401.35	2,372.51	530.74
4	Cheras	56	71,901	54.97	210.72	37.00
5	Kepong	675	735,826	1,370.79	3,537.26	899.42
6	Lembah Pantai	59	188,821	718.54	1,864.76	280.93
7	Putrajaya (WP)	50	11,750	10.96	41.03	14.77
8	Segambut	19	22,614	51.99	122.41	71.04
9	Seputeh	18	95,860	221.11	1,106.76	235.46
10	Setiawangsa	25	26,904	66.03	420.46	228.15
11	Titiwangsa	117	778,345	5,663.99	10,981.54	2,506.99
12	Wangsa Maju	43	59,572	146.58	364.68	41.15
	JUMLAH/TOTAL	1,171	2,388,288	8,950.33	21,647.31	5,673.27

KESIMPULAN

Situasi ekonomi dunia pada tahun 2023 menunjukkan perkembangan yang sederhana berikutan pertumbuhan ekonomi negara maju yang rendah, terutama di kawasan Euro. Perdagangan dunia mengalami kemerosotan disebabkan oleh ketegangan geopolitik, gangguan rantaian bekalan global, dan halangan perdagangan. Walau bagaimanapun, prospek perdagangan dijangka pulih akibat permintaan terhadap barangan modal dan barangan pengguna, serta peningkatan aktiviti ekonomi akibat lonjakan permintaan daripada rantau Asia, terutama dalam sektor perkhidmatan.

Ekonomi Malaysia juga menghadapi cabaran tersendiri, terutama dalam menghadapi peningkatan kos sara hidup dan tekanan

inflasi. Golongan yang mudah terjejas semakin meningkat, di samping penyusutan mata wang ringgit. Kedudukan kewangan Kerajaan juga turut mengalami kesan akibat cabaran ini.

Namun, sektor koperasi masih berada di kedudukan baik dengan perolehan yang menunjukkan peningkatan signifikan walaupun terdapat penurunan dalam jumlah keanggotaan. Aset, syer dan yuran, serta bilangan koperasi terus meningkat. Peningkatan ini sering berkait rapat dengan kualiti koperasi itu sendiri. Koperasi yang mempunyai pengurusan yang jitu dan penyeliaan dari pegawai yang rapi juga memberi kesan ke atas tatakelola yang baik dan pengurusan aktiviti koperasi yang lestari.

BAB 02

AKTIVITI EKONOMI KOPERASI

AKTIVITI EKONOMI KOPERASI

Pengenalan

Aktiviti Kredit dan Perbankan

Sisipan Aktiviti Kredit – Koperasi Sahabat Amanah
Ikhtiar Malaysia (Koop Sahabat) Berhad

Aktiviti Perkhidmatan

Sisipan Aktiviti Perkhidmatan – Koperasi
Peserta-Peserta Felcra Malaysia Berhad (KPFB)

Aktiviti Perdagangan Borong dan Runcit

Sisipan Aktiviti Perdagangan Borong dan
Runcit – Koperasi Jabatan Penjaja Malaysia Berhad
(KOPEN)

Aktiviti Pertanian

Sisipan Aktiviti Pertanian – Koperasi Jurukur Tanah
Berlesen (KOJUTA)

Aktiviti Pengangkutan

Sisipan Aktiviti Pengangkutan – Koperasi
Peserta-Peserta Rancangan Felcra Gugusan Lakai
Negeri Sembilan Berhad

Aktiviti Perumahan



BAB 02 | AKTIVITI EKONOMI KOPERASI

PENGENALAN

Pembangunan Gerakan Koperasi di Malaysia telah berjaya mencapai pelbagai kejayaan dalam tempoh lebih 10 tahun, termasuk menceburi

sektor-sektor ekonomi yang berjaya meningkatkan pengumpulan modal syer dan yuran kepada RM17 bilion. Perolehan sektor koperasi pada tahun 2023 disumbangkan oleh tiga (3) aktiviti ekonomi utama yang mewakili 95.67% atau sebanyak RM61.76 bilion iaitu aktiviti kewangan dan insuran/takaful, aktiviti perkhidmatan dan aktiviti perdagangan borong dan runcit.

JADUAL 2.1

Jumlah perolehan mengikut aktiviti ekonomi utama bagi tahun 2023

BIL.	AKTIVITI EKONOMI UTAMA	JUMLAH (RM BILION)	PERATUSAN
1.	Kewangan	56.56	87.61%
2.	Perkhidmatan	3.42	5.30%
3.	Perdagangan Borong Dan Runcit	1.78	2.76%
4.	Aktiviti Lain	2.80	4.33%
	JUMLAH	64.56	

Aktiviti Kewangan merupakan penyumbang utama, iaitu sebanyak 87.61% daripada keseluruhan perolehan koperasi dengan jumlah RM56.56 bilion. Kedua tertinggi ialah aktiviti Perkhidmatan yang telah menyumbang sebanyak 5.3% diikuti oleh Aktiviti Perdagangan Borong Dan Runcit menyumbang sebanyak 2.76%. Walaupun ekonomi semasa dunia dan negara meningkat

dengan perlahan namun sektor koperasi masih mampu meningkatkan perolehan tahunannya.

Aktiviti ekonomi lain turut menyumbang sebanyak 4.33% kepada perolehan koperasi di negara ini dengan jumlah RM2,795.79 juta iaitu aktiviti pertanian, pengangkutan, perumahan, pembinaan dan perindustrian.

JADUAL 2.2

Jumlah perolehan mengikut aktiviti ekonomi lain bagi tahun 2023

BIL.	AKTIVITI EKONOMI	JUMLAH (RM JUTA)	PERATUSAN
1.	Pertanian	1,664.94	2.58%
2.	Pengangkutan	837.01	1.30%
3.	Perumahan	182.64	0.28%
4.	Pembinaan	90.31	0.14%
5.	Perindustrian	20.89	0.03%
JUMLAH		2,795.79	4.33%

AKTIVITI KREDIT DAN PERBANKAN

Pertumbuhan dan perubahan sektor kewangan sejak sekian lama telah membantu menambah baik taraf kehidupan dan mata pencarian kebanyakan penduduk di Malaysia. Selaras dengan arus pembangunan ekonomi negara, pertumbuhan Gerakan Koperasi di Malaysia dipacu oleh aktiviti kewangan iaitu perbankan dan kredit. Pada tahun 2023, sebanyak 553 koperasi atau 3.5% dari keseluruhan (2023: 15,809 koperasi) menjalankan aktiviti ini.

Koperasi perbankan adalah Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) dan Koperasi Co-opbank Pertama Malaysia Berhad

(Co-opbank Pertama). Bank Rakyat telah menyumbang pendapatan sebanyak RM6.49 bilion dengan jumlah pembiayaan yang dikeluarkan pada tahun 2023 adalah sebanyak RM39.43 bilion. Koperasi Co-opbank Pertama pula menjana pendapatan sebanyak RM505.70 juta dengan jumlah pembiayaan dikeluarkan berjumlah RM4.72 bilion.

Koperasi kredit terbahagi kepada dua jenis iaitu koperasi yang menjalankan aktiviti kredit sebagai aktiviti utama koperasi dan koperasi bukan kredit yang menjalankan aktiviti kredit sebagai sampingan. Perangkaan koperasi yang menjalankan aktiviti kredit pada tahun 2023 adalah seperti di Jadual 2.3.

JADUAL 2.3

Perangkaan Koperasi Yang Menjalankan Aktiviti Kredit dan Perbankan 2023

AKTIVITI KREDIT	BILANGAN KOPERASI	PEMBIAYAAN DIKELUARKAN (RM JUTA)
Koperasi Fungsi Kredit	364	3,025.09
Koperasi Bukan Fungsi Kredit	187	1,640.87
JUMLAH	551	4,665.97

Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad (Koperasi Tentera) merupakan koperasi jimat cermat dan pinjam meminjam (*thrift and loan*). Pada tahun 1975, Koperasi Tentera telah bertukar menjadi koperasi serbaguna (*multipurpose*) yang menyediakan pelbagai jenis produk pembiayaan, insurans dan takaful kepada anggotanya.

Koperasi ini mempunyai keanggotaan seramai 155,732 dengan modal syer terkumpul berjumlah RM15.91juta. Bagi prestasi pada tahun 2023, Koperasi Tentera mencatatkan keuntungan selepas cukai dan zakat sebanyak RM128.25 juta berbanding tahun sebelumnya sebanyak RM156.63 juta.



SISIPAN AKTIVITI KREDIT

KOPERASI SAHABAT AMANAH IKHTIAR MALAYSIA (KOOP SAHABAT) BERHAD

Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia (Koop Sahabat) Berhad atau dikenali sebagai Koop Sahabat ditubuhkan pada 30 Ogos 2012. Sasaran keanggotaan Koop Sahabat memfokuskan Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Ahli Lembaga dan kakitangan AIM serta kakitangan Koop Sahabat. Koop Sahabat melaksanakan

pelbagai aktiviti perniagaan dengan mensasarkan pulangan ekonomi dan bukan ekonomi kepada anggota. Antara aktiviti yang dijalankan oleh koperasi ini adalah pelbagai jenis pembiayaan mengikut keperluan anggota, pemborongan dan peruncitan, sewaan bangunan dan aktiviti pelaburan. Dalam memasuki tahun 2023, dengan kekuatan sebanyak 115 kakitangan koperasi, didapati berlaku peningkatan anggota dan kemajuan terhadap jumlah syer, jumlah aset dan jumlah dana anggota Koop Sahabat dengan butiran seperti di Jadual 2.4.

JADUAL 2.4		Prestasi Modal Syer dan Dividen Koop Sahabat bagi tempoh 2022 dan 2023		
TAHUN	JUMLAH ANGGOTA	JUMLAH SYER (RM)	JUMLAH ASET (RM)	KUMPULAN WANG ANGGOTA (RM)
2023	452,728	96,876,283.00	888,239,327.00	805,959,561.00
2022	448,782	78,414,913.00	852,532,345.00	749,821,479.00
PERATUSAN PENINGKATAN	0.9 %	24 %	4 %	7 %

Pada tahun 2023, Koperasi telah menjana pendapatan sebanyak RM62.16 juta dan menunjukkan peningkatan sebanyak 33% berbanding tahun sebelumnya (2022: RM46.53 juta). Peningkatan pendapatan ini membolehkan koperasi mengisytiharkan pemberian dividen

sebanyak 10% kepada anggotanya. Dengan prestasi aktiviti yang memberangsangkan saban tahun, Koperasi ini telah berjaya memperoleh tempat ketiga dalam 100 Koperasi Terbaik Malaysia bagi tahun 2023.



Gambar 2.1 Jualan emas terpakai oleh Koperasi



Gambar 2.2 Program Agihan Zakat dan Sumbangan Duit Raya sempena Program Meriah Raya Koop Sahabat

AKTIVITI PERKHIDMATAN

Aktiviti Perkhidmatan merupakan kerja yang dilakukan untuk memberi manfaat kepada pihak lain. Ini termasuk memberikan tenaga, kemahiran, kepakaran dan pengalaman kepada orang lain. Kebanyakan aktiviti berasaskan perkhidmatan bagaimanapun memerlukan struktur fizikal dan peralatan yang bersesuaian dalam menyampaikan perkhidmatan yang dibekalkan.

Pada tahun 2023, aktiviti perkhidmatan telah menyumbang kedua tertinggi kepada perolehan koperasi selepas aktiviti kewangan iaitu sebanyak 5.30% dengan jumlah RM3.42

bilion. Koperasi-koperasi yang terlibat dengan aktiviti perkhidmatan ini terdapat sebanyak 4,605 jumlah entiti koperasi dan sebanyak 1,488,397 jumlah keanggotaan. Jumlah keanggotaan ini menyumbang sebanyak RM4,412.17 juta syer.

Penyumbang terbesar perolehan koperasi di dalam aktiviti perkhidmatan adalah Koperasi Peserta-Peserta FELCRA Malaysia Berhad bagi tahun 2023 iaitu sebanyak RM638 juta disusuli oleh Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad dengan jumlah perolehan sebanyak RM407 juta. Manakala penyumbang perolehan terbesar yang ketiga adalah Koperasi Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia Berhad dengan jumlah perolehan sebanyak RM386 juta.



SISIPAN AKTIVITI PERKHIDMATAN

KOPERASI PESERTA-PESERTA FELCRA MALAYSIA BERHAD (KPFB)

Koperasi Peserta-Peserta FELCRA Malaysia Berhad (KPFB) telah didaftarkan pada 18 Oktober 1980 dengan keanggotaan memfokuskan Koperasi Peserta Rancangan (KPR) FELCRA. KPFB telah mendapat kerjasama daripada Bahagian Peneroka FELCRA dan keanggotaan koperasi meningkat kepada 155 KPR yang terdiri daripada 51,404 anggota individu.

Aktiviti yang dijalankan oleh Koperasi adalah pembangunan tapak semaian dan benih kelapa sawit, pembekalan racun, baja kimia serta input pertanian, kontrak perladangan, pembinaan, dan aktiviti mengangkut dan membeli sawit serta sewaan bangunan.

Koperasi yang ditubuhkan dengan hasrat membina sebuah institusi berbentuk entiti perniagaan berorientasikan kebajikan dan komersil bagi membantu meningkatkan taraf sosioekonomi komuniti peserta, koperasi ini menunjukkan peningkatan dalam pemberian dividen kepada anggota.

JADUAL 2.5

Rekod pemberian dividen koperasi kepada anggota

TAHUN KEWANGAN	2022	2023
Jumlah modal syer (RM)	11,635,053	11,745,053
Kadar dividen (%)	5%	6%
JUMLAH DIVIDEN (RM'000)	673,753	704,703

Selain daripada menjaga kebajikan kepada anggota KPFB, Koperasi turut mengutamakan kebajikan kepada kakitangan Koperasi dengan mewujudkan Tabung Persaraan Kakitangan Koperasi khusus dalam membantu kakitangan-kakitangan Koperasi dalam urusan persaraan. Dalam hal ini, Koperasi mencatat peningkatan dana daripada tahun 2021 dan 2023 seperti berikut:

JADUAL 2.6 Rekod peningkatan Tabung Persaraan Kakitangan Koperasi	
TAHUN	RM
2021	RM202,332.00
2022	RM982,954.00
2023	RM1,460,197.00

Seterusnya bagi tahun 2023, Koperasi telah mewujudkan dua (2) tabung bagi anak-anak anggota iaitu Tabung Pemberian Derma Pelajaran dengan jumlah dana sebanyak RM37,856.00 dan Tabung Kumpulan Wang Biasiswa/Dermasiswa dengan jumlah dana sebanyak RM73,255.00.

AKTIVITI PERDAGANGAN BORONG DAN RUNCIT

Aktiviti perdagangan borong dan runcit merupakan salah satu daripada tunggak utama dalam operasi koperasi yang memberikan impak yang signifikan terhadap perolehan tahunan koperasi. Pada tahun 2023, sebanyak 3,823 koperasi telah aktif terlibat dalam pelaksanaan pelbagai aktiviti perdagangan, borong, dan runcit, mencakupi pelbagai sub aktiviti yang dirancang dengan teliti. Ini menunjukkan betapa pentingnya sektor ini dalam menyumbang kepada kemakmuran ekonomi koperasi.



Gambar 2.3

Projek Tapak Semaian Kepala Sawit Ladang PKPP Paloh Inai di Pekan, Pahang.



Gambar 2.4

Urusan Pemasaran Hasil Ladang di Projek Chepor, Perak.

Jadual 2.7 memperincikan lapan sub aktiviti yang berada di bawah payung perdagangan, borong, dan runcit, di mana setiap satu daripadanya memberikan impak positif terhadap keseluruhan perolehan sektor ini. Antara sub aktiviti yang paling menonjol adalah kedai runcit, yang merangkumi pasar mini, Coop Community Mart, Kedai Runcit TUKAR, serta Kedai COOP

1Malaysia. Kumpulan kedai runcit ini mencatatkan peratusan tertinggi dalam pendapatan, dengan jumlah keseluruhan yang membanggakan sebanyak RM109.44 juta. Kejayaan ini jelas menunjukkan keefektifan dan daya saing model perniagaan koperasi dalam pasaran, serta peranan pentingnya dalam memenuhi keperluan masyarakat setempat.

JADUAL 2.7

Sub aktiviti di bawah aktiviti perdagangan, borong dan runcit

BIL.	AKTIVITI	JUMLAH PENDAPATAN (RM) (juta)	PERATUS
1.	KEDAI RUNCIT (termasuk pasar mini, Coop Community Mart, Kedai Runcit TUKAR & Kedai COOP (Malaysia))	109.44	31%
2.	Stesen Minyak/Peruncitan Minyak/Jual Runcit Bahan Api	97.87	28%
3.	Jual runcit buku, Majalah, surat khabar dan alat tulis	79.93	23%
4.	Pasaraya, stor serbaneka & jual runcit melalui gerai	22.80	7%
5.	DC/SUB-DC & Lesen Borong/Runcit	25.91	7%
6.	Produk Coop	7.48	2%
7.	Jual runcit tekstil, linen, tuala, selimut dll	2.92	1%
8.	Lain-Lain	1.90	1%
	JUMLAH	348.23	

SKM komited untuk terus memperkasakan penglibatan koperasi dalam aktiviti perdagangan borong dan runcit bagi membantu Kerajaan menangani kenaikan kos sara hidup. Program Jualan MADANI yang telah diperkenalkan secara menyeluruh pada tahun 2020 sehingga kini telah membantu merancakkan semula ekonomi koperasi terutama sektor pemborongan dan peruncitan yang terjejas sebelum ini dengan

menggalakkan anggota dan orang ramai agar membuat pembelian barangan keperluan asas/harian seperti gula, tepung, beras, telur, minyak masak serta produk makanan dan minuman keluaran koperasi pada harga yang lebih murah sehingga 15% daripada harga pasaran tempatan. Pada tahun 2023, sebanyak 184 koperasi telah dilantik sebagai operator jualan.

Program Jualan MADANI ini adalah bertujuan untuk meringankan beban masyarakat yang terdiri dikalangan B40 terutamanya warga koperasi yang terkesan dalam mendepani cabaran ekonomi yang dilaksanakan di premis perniagaan koperasi

serta kawasan-kawasan terbuka. Program Jualan MADANI juga dapat meningkatkan pendapatan koperasi seterusnya dapat meningkatkan taraf sosioekonomi anggota dengan faedah yang diterima daripada koperasi.

JADUAL 2.8

Program Jualan Madani pada Tahun 2023

NAMA PROGRAM	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH JUALAN (RM)	BILANGAN PENERIMA MANFAAT
Jualan MADANI	1,060,500.00	3,711,750.00	42,000 orang

Tahun 2023 sebanyak 86 Program Jualan MADANI telah diadakan di 46 kawasan parlimen yang telah memberi manfaat kepada 496,837 di kalangan anggota koperasi dan masyarakat setempat. Program ini merekodkan pendapatan jualan

sebanyak RM7,154,900 kepada 184 koperasi yang dilantik sebagai pengurus jualan. Penganjuran program jualan ini telah memberi penjimatan harga sebanyak RM1,824,500.

JADUAL 2.9

Prestasi Program Jualan di seluruh Malaysia pada tahun 2023

BIL.	NEGERI	JUMLAH PROGRAM JUALAN	JUMLAH PENGURUS JUALAN	JUMLAH	JUMLAH JUALAN (RM)
				INSENTIF (SUBSIDI) (RM)	
1.	Johor	5	5	34,000.00	240,879.06
2.	Kedah	2	2	14,000.00	46,500.00
3.	Kelantan	5	12	64,000.00	211,999.30
4.	Melaka	4	5	109,500.00	485,066.88
5.	Negeri Sembilan	1	2	40,000.00	209,109.50
6.	Pahang	5	7	120,000.00	452,495.10
7.	Perak	8	11	150,000.00	365,688.54
8.	Perlis	3	5	35,000.00	160,947.94
9.	Pulau Pinang	6	12	119,500.00	520,663.70
10.	Sabah	19	23	329,000.00	717,625.30
11.	Sarawak	4	4	60,000.00	217,883.72
12.	Selangor	6	23	139,000.00	440,675.20
13.	Terengganu	5	11	47,500.00	126,439.00
14.	Wilayah Persekutuan	1	4	40,000.00	120,000.00
15.	Ibu Pejabat	12	58	523,000.00	2,838,927.51
JUMLAH		86	184	1,824,500.00	7,154,900.75



Gambar 2.5 Program Jualan Madani Koperasi yang telah disempurnakan oleh YB Menteri KUSKOP



SISIPAN AKTIVITI PERDAGANGAN BORONG DAN RUNCIT

KOPERASI JABATAN PENJARA MALAYSIA BERHAD (KOPEN)

Koperasi Jabatan Penjara Malaysia Berhad (KOPEN) menjalankan aktiviti pemborongan dan peruncitan yang memfokuskan institusi Jabatan Penjara di Malaysia dan juga penduduk setempat. Aktiviti pemborongan dan peruncitan merupakan penyumbang terbesar kepada pendapatan KOPEN iaitu sebanyak RM7,406,983.53 (44.7%) berbanding aktiviti perniagaan lain.

JADUAL 2.10

Pendapatan Aktiviti Pemborongan dan Peruncitan KOPEN tahun 2023

AKTIVITI	JUMLAH PENDAPATAN (RM)
KOPENMART	6,724,017.77
Pemborongan (SG COOP)	682,965.76
JUMLAH	7,406,983.53

KOPENMART menjalankan aktiviti pembekalan barang dan perkhidmatan meliputi di 11 institusi Jabatan Penjara yang terlibat di seluruh negara. Pendapatan KOPENMART bagi tahun 2023 adalah RM6,724,017.77. Pada tahun 2023 sebanyak 10 Program Jualan MADANI telah dilaksanakan dengan jumlah insentif sebanyak RM104,208.40. Aktiviti pemborongan koperasi di bawah SG COOP memfokuskan kepada barangan kawalan seperti beras (5kg dan 10kg), minyak masak (1kg), gula pasir (1kg), gula pasir (1kg), tepung gandum (1kg) dan barang keperluan asas sahaja.



Gambar 2.6 Program Jualan Madani KOPEN di Shah Alam, Selangor



Gambar 2.7 Program Jualan Madani KOPEN di Arena Usahawan, Dataran Nilai, Negeri Sembilan.



Gambar 2.8 Produk COOP KOPEN

SG COOP bekerjasama dengan Federasi Koperasi Pemborongan dan Peruncitan Malaysia Berhad yang ditubuhkan untuk menjadi pengedar utama barangan COOP yang mana mengeluarkan produk COOP seperti gula, beras, biskut dan beberapa barang bagi memperkasakan koperasi dalam aktiviti pemborongan dan peruncitan.

Bagi mengukuhkan perniagaan koperasi, KOPEN melalui anak syarikat KOPEN Maju Sdn Bhd (KMSB) telah memperkenalkan tiga (3) produk baru iaitu 3in1 instant soya, 3in1 teh tarik dan sambal kicap KOPEN pada tahun 2023. Produk ini mula dipasarkan pada penghujung tahun 2023. Sehingga kini, KMSB mempunyai 90 jenis

produk yang berjenama KOPEN dan dibekalkan kepada semua institusi penjara di Malaysia.



Gambar 2.9 Produk baru KMBS anak syarikat KOPEN

pemodelan dan perkembangan sektor bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat selain mengutamakan sekuriti serta nutrisi makanan negara.

Gerakan Koperasi terus mengambil langkah pelarasan sebagai usaha mempercepatkan daya saing sektor ini dalam usaha menyahut hasrat Kerajaan. Pada tahun 2023, sebanyak 3,634 koperasi telah menjalankan aktiviti pertanian dengan perolehan RM1.66 bilion, iaitu 2.5% dari perolehan keseluruhan (2023: RM64.56 bilion). Jumlah perolehan terkumpul ini meningkat sebanyak 5% berbanding tahun sebelumnya (2022: RM1.57 bilion).

Aktiviti utama dalam bidang pertanian merangkumi aktiviti perladangan, estet getah, estet kelapa sawit, penanaman buah-buahan, sayur-sayuran dan penanaman lain-lain serta penternakan dan akuakultur. Penyumbang terbesar dalam aktiviti pertanian ialah Koperasi Peserta-Peserta Felcra Malaysia Berhad dengan pendapatan sebanyak RM637.7 juta pada tahun 2023. Penyumbang kedua tertinggi adalah Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad dengan pendapatan sebanyak RM298.1 juta dan diikuti Koperasi Serbausaha Makmur Berhad dengan pendapatan sebanyak RM192.3 juta.

AKTIVITI PERTANIAN

Sektor pertanian di Malaysia berfungsi sebagai pembekal utama sumber makanan dan juga bahan mentah untuk industri berasaskan sumber. Pengeluaran padi dan beras sebagai makanan ruji misalnya berupaya memenuhi 70 peratus keperluan negara. Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 atau dikenali sebagai DAN 2.0 telah digubal dalam membangunkan sektor agromakanan yang memfokuskan kepada

JADUAL 2.11

Senarai Koperasi Utama dalam Bidang Pertanian

BIL.	NAMA KOPERASI	PENDAPATAN (RM)	KUMPULAN WANG ANGGOTA (RM)	ASET (RM)
1.	Koperasi Peserta Felcra Malaysia Berhad	637,729,824	17,028,764	138,111,953
2.	Koperasi Permodalan Felda Malaysia Berhad	298,152,000	2,446,937	4,137,183
3.	Koperasi Serbausaha Makmur Berhad	192,369,357	590,961,039	851,984,326
4.	Koperasi Ladang Berhad	86,120,182	78,669,577	113,090,023
5.	Koperasi Peserta Felcra Paloh Berhad	21,347,231	4,347,572	7,593,033



SISIPAN AKTIVITI PERTANIAN

KOPERASI JURUKUR TANAH BERLESEN (KOJUTA)

Koperasi Jurukur Tanah Berlesen Berhad (KOJUTA) didaftarkan pada 10 November 2000 dengan keanggotaan mensasarkan jurukur berlesen seluruh Malaysia. KOJUTA kini mempunyai 261 anggota dan 22 orang kakitangan. Dalam mendepani cabaran globalisasi masa kini serta kemajuan ekonomi serantau, KOJUTA mengorak langkah dalam mengembangkan aktiviti pembangunan perniagaan yang berdaya saing dan mengikut arus semasa. Antara aktiviti yang dijalankan kini adalah projek penternakan ayam pedaging secara kontrak, perkhidmatan ar rahn, pembiayaan kepada anggota, jualan buku dan peralatan ukur dan sewaan bangunan.

KOJUTA telah menggembelng aset sedia ada bernilai lebih RM29.21 juta bagi merancakkan

aktiviti perniagaan dalam usaha menjana pendapatan. Projek penternakan ayam pedaging secara kontrak merupakan aktiviti utama koperasi yang diusahakan sejak tahun 2008 di Batang Kali, Selangor. Kawasan seluas 4 hektar ini memuatkan 8 reban dengan kapasiti pengeluaran ayam sejumlah 180,000 ekor pada setiap pusingan. Aktiviti ini menyumbang kepada pendapatan koperasi sebanyak RM13.41 juta atau 85% dari keseluruhan pendapatan (RM15.61 juta).

Bagi meningkatkan kebolehpayaan pembekalan ayam dalam skala yang lebih besar, SKM turut memberikan geran bantuan berjumlah RM150,000 kepada KOJUTA pada tahun 2009 bagi pembinaan reban ayam tambahan. KOJUTA juga turut memperoleh subsidi ayam pedaging daripada Jabatan Veterinar pada tahun 2023 berjumlah RM572,412.00. Atas pencapaian cemerlang koperasi ini setiap tahun, KOJUTA telah tersenarai dalam Profil 100 Koperasi Terbaik Malaysia Tahun 2023 di kedudukan nombor 74.



Gambar 2.10

Reban milik Koperasi Jurukur Tanah Berlesen Berhad di Batang Kali, Selangor



Gambar 2.11

Lawatan pegawai SKM ke reban ayam milik Koperasi yang memperoleh geran bantuan berjumlah RM150,000.00.



Gambar 2.12 Ruang dalam reban ternakan ayam milik koperasi

AKTIVITI PENGANGKUTAN

Sebahagian besar koperasi yang menjalankan aktiviti pengangkutan adalah terdiri daripada koperasi di Rancangan Pembangunan Tanah seperti FELDA, FELCRA, dan RISDA. Aktiviti pengangkutan yang dikendalikan oleh koperasi Rancangan Pembangunan Tanah ini adalah mengangkut hasil pertanian ke kilang pemrosesan.

Penyumbang terbesar perolehan koperasi di dalam aktiviti pengangkutan adalah Koperasi Felcra Tersang Dua Berhad bagi tahun 2023 iaitu sebanyak RM45 juta disusuli oleh Koperasi Peserta Felcra Paloh Berhad dengan jumlah perolehan sebanyak RM36.5 juta. Manakala penyumbang perolehan terbesar yang ketiga adalah Koperasi Peserta-Peserta Felcra Seri Bandi Kemaman Berhad dengan jumlah perolehan sebanyak RM35.7 juta.



SISIPAN AKTIVITI PENGANGKUTAN

KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN FELCRA GUGUSAN LAKAI NEGERI SEMBILAN BERHAD

Koperasi Peserta-Peserta Rancangan Felcra Gugusan Lakai Negeri Sembilan Berhad didaftarkan pada 24 Mei 1990 beralamat daftar di Simpang Durian, Negeri Sembilan. Koperasi ini menjalankan aktiviti pengangkutan yang mengangkut buah tandan segar (BTS) dan aktiviti ini dikelaskan sebagai pengangkutan muatan melalui jalan raya. Koperasi ini mempunyai kekuatan sebanyak sembilan (9) anggota lembaga koperasi dan tujuh (7) kakitangan dalam memastikan operasi koperasi berjalan dengan sempurna. Prestasi koperasi secara keseluruhannya berlaku peningkatan berbanding tahun sebelumnya (2022) seperti di Jadual 2.12.


JADUAL 2.12

Prestasi Dana Anggota Koperasi Peserta-Peserta Rancangan Felcra Gugusan Lakai Negeri Sembilan Berhad bagi tahun 2022 dan 2023

TAHUN	JUMLAH ANGGOTA	JUMLAH SYER (RM)	JUMLAH ASET (RM)	JUMLAH DANA ANGGOTA (RM)
2023	240	497,008.00	2,585,631.00	1,771,378.00
2022	137	351,688.00	1,905,999.00	1,252,175.00
PERATUSAN PENINGKATAN	75 %	41 %	36 %	41 %

RAJAH 2.1

PERBANDINGAN JUMLAH SYER, ASET DAN DANA ANGGOTA KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN FELCRA GUGUSAN LAKAI NEGERI SEMBILAN BERHAD BAGI TAHUN 2022 DAN 2023
Jumlah Syer, Jumlah Aset dan Jumlah Dana Anggota (RM)



Pada tahun 2021, Koperasi ini telah menerima Tabung Modal Pusingan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (TMP-SKM) bagi pembelian lori berjumlah RM126,466.00 bagi tambahan jentera dalam melibatkan kerja-kerja pengangkutan

peladangan iaitu mengangkut buah tandan segar (BTS). Impak ekonomi dari pembiayaan ini dapat dilihat dari sudut pandangan pendapatan koperasi yang telah meningkat seperti di Rajah 2.2.

RAJAH 2.2

PESERTA-PESERTA RANCANGAN FELCRA GUGUSAN LAKAI NEGERI SEMBILAN BERHAD BAGI TAHUN 2021 HINGGA 2023
Pendapatan Koperasi Dari Tahun 2021 Hingga 2023





Gambar 2.13

Kakitangan Koperasi menguruskan BTS untuk diangkut, ditimbang dan dijual.



Gambar 2.14

Aset Koperasi iaitu dua (2) buah lori bagi tujuan mengangkut BTS.



Gambar 2.15

Lori Koperasi yang digunakan bagi tujuan angkut BTS.

AKTIVITI PERUMAHAN

Penglibatan koperasi dalam aktiviti perumahan dapat melengkapkan keperluan perumahan negara terutama kepada anggota masyarakat setempat khususnya. Aktiviti perumahan oleh koperasi dapat meringankan beban masyarakat dikalangan B40 dan M40 dengan penawaran harga yang lebih murah dari pasaran. Melalui koperasi, masyarakat berpeluang memiliki rumah dengan harga yang berpatutan.

Walaupun bilangan koperasi yang terlibat dengan aktiviti perumahan dan hartanah ini kecil iaitu

1.97% daripada jumlah koperasi di Malaysia, namun aktiviti perumahan dan hartanah ini menyumbang jumlah yang signifikan iaitu RM182.64 juta perolehan dengan pemilikan aset sebanyak RM1,085.32 juta dengan jumlah syer dan yuran sebanyak RM 159.74 juta. Penubuhan koperasi dengan aktiviti perumahan ini adalah bagi menjalankan projek perumahan untuk anggota dan ruang komersial. Projek perumahan koperasi lebih bertumpu kepada rumah berkos rendah dan sederhana. Harga jualan rumah adalah dalam lingkungan keupayaan anggota dan pada umumnya sekitar 20 hingga 30 peratus lebih rendah daripada harga yang lazimnya ditawarkan di pasaran.

JADUAL 2.13

Senarai koperasi utama dalam bidang perumahan dan hartanah tahun 2023

BIL.	NAMA KOPERASI	PENDAPATAN (RM)	KUMPULAN WANG ANGGOTA (RM)	ASET (RM)
1.	Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad	80,946,716	349,708,525.92	428,423,959.84
2.	Koperasi Kemajuan Tanah Negeri Johor Berhad	16,336,668	84,230,693.86	205,079,200.78
3.	Koperasi Sri Rejang Sibul Berhad	3,825,000	3,707,469.20	4,524,455.70
4.	Koperasi Perumahan Hilir Perak Berhad	2,100,000	5,780,325.31	5,651,227.10
5.	Koperasi Keluarga Tok Nor Mekong Jusoh Machang Berhad	1,985,100	1,775,739.94	3,309,157.69
6.	Koperasi Gabungan Negeri Pulau Pinang Berhad	1,876,977	5,999,473.21	19,430,655.54
7.	Koperasi Harta Johor Berhad	1,612,916	3,776,041.00	7,537,304.00
8.	Koperasi Anib Sarawak Berhad	1,303,295	2,266,509.00	7,589,758.00
9.	Koperasi Pasar Melayu Baling Berhad	1,294,470	5,785,773.68	16,022,677.55
10.	Koperasi Rumah Modular Melaka Berhad	1,261,114	136,107.00	153,003.00

BAB 03

PRESTASI EKONOMI SEKTOR KOPERASI

PRESTASI EKONOMI SEKTOR KOPERASI

Sorotan Penting

Pendahuluan


Ekonomi Sektor Koperasi di Tahun 2022

Tinjauan Ekonomi Sektor Koperasi 2023


Kesimpulan



Sorotan Penting



Sorotan Penting



BAB 03 | PRESTASI EKONOMI SEKTOR KOPERASI



PENDAHULUAN

Bab ini melaporkan prestasi ekonomi sektor koperasi pada tahun 2023 yang menunjukkan perubahan dalam struktur ekonomi sektor koperasi kesan daripada kewujudan aktiviti dan persekitaran ekonomi baru serta pacuan dari kemajuan teknologi dan digitalisasi. Perkembangan positif ini menunjukkan koperasi tetap terus berusaha untuk mengekalkan kedudukan sebagai penyumbang ketiga terpenting dalam ekonomi negara.

Ekonomi sektor koperasi di Malaysia telah menunjukkan perkembangan yang seiring dengan pertumbuhan ekonomi negara dan juga di peringkat global, walaupun menghadapi pelbagai cabaran yang ditimbulkan oleh pandemik COVID-19, serta ketegangan geopolitik dan pengetatan dasar monetari yang sedang berlaku. Semua faktor ini menambahkan risiko terhadap kelembapan ekonomi global, yang memberi impak kepada ekonomi negara secara keseluruhan, termasuk sektor koperasi.

Walaupun dalam keadaan yang tidak menentu ini, Gerakan Koperasi telah membuktikan ketahanan dan keupayaannya untuk beradaptasi. Pelbagai langkah yang diambil, termasuk pengukuhan dasar dan pelan tindakan yang dipacu oleh kerangka Ekonomi MADANI yang diperkenalkan oleh kerajaan, telah memainkan

peranan penting dalam menyokong pertumbuhan sektor ini. Inisiatif pragmatik yang dilaksanakan juga membantu memastikan bahawa ekonomi Gerakan Koperasi bukan sahaja dapat mengekalkan kekuatan tetapi juga bergerak ke arah pertumbuhan yang lebih stabil.

Dari segi pengurusan dan operasi, koperasi telah berusaha untuk memperbaiki daya saing mereka dengan mengeksplorasi peluang baru, meningkatkan inovasi, dan memperkukuhkan jaringan kerjasama di antara ahli-ahli koperasi. Ini menunjukkan bahawa Gerakan Koperasi tidak hanya bertahan dalam krisis tetapi juga bersedia untuk mengambil langkah proaktif bagi memastikan kelangsungan dan kemapanannya dalam ekonomi yang semakin mencabar.



EKONOMI SEKTOR KOPERASI DI TAHUN 2023

Pada tahun 2023, perolehan sektor koperasi berjumlah RM64.5 bilion, meningkat 41% ketimbang tahun sebelumnya (2022: RM45.5 bilion), iaitu positif dan lebih tinggi berbanding pertumbuhan pada tahun 2021 (20%) . Secara puratanya, pertumbuhan perolehan sektor koperasi dalam tempoh 10 tahun (2013 – 2023) adalah 7% (CAGR).

RAJAH 3.1 Prestasi Perolehan Sektor Koperasi Tahun 2013 hingga 2023 (RM Bilion)




Perolehan Sektor Koperasi

Perolehan sektor koperasi disumbangkan oleh dua aktiviti utama iaitu daripada aktiviti kewangan dan aktiviti bukan kewangan. Komposisi perolehan sektor koperasi pada tahun 2023 semakin

didominasi oleh aktiviti kewangan iaitu sebanyak 91% berbanding tahun sebelumnya (2022 : 89%). Manakala sumbangan aktiviti bukan kewangan kepada perolehan sektor koperasi semakin berkurangan iaitu sebanyak 9% berbanding tahun sebelumnya (2022: 11%).


RAJAH 3.2 Pecahan Perolehan Sektor Koperasi Tahun 2022 dan 2023



Prestasi Perolehan Sektor Koperasi

Prestasi peningkatan perolehan dipacu oleh pertumbuhan dalam setiap aktiviti utama sektor koperasi iaitu aktiviti kewangan dan aktiviti bukan kewangan koperasi yang semakin mengukuh berbanding tahun sebelumnya. Pertumbuhan dalam aktiviti kewangan pada tahun 2023 meningkat sebanyak 43% berbanding tahun sebelumnya (2022: RM40 bilion, 2023: RM58 bilion) yang menunjukkan prestasi berbelanja semakin meningkat dalam kalangan anggota

koperasi selaras dengan kerancakkan aktiviti ekonomi negara yang semakin pesat membangun. Keadaan ini mencerminkan bahawa aktiviti ekonomi anggota koperasi semakin meningkat. Selain itu, pertumbuhan dalam aktiviti bukan kewangan koperasi pada tahun 2023 semakin meningkat sebanyak 12% berbanding tahun sebelumnya (2022: RM5.28 bilion, 2023: RM5.89 bilion) yang mencerminkan aktiviti dalam kalangan koperasi semakin meningkat dan terus berkembang selaras dengan pemulihan dan peralihan ekonomi negara.




Aktiviti Utama Sektor Koperasi

Aktiviti Kewangan

Dalam sektor koperasi, perolehan digembleng oleh aktiviti kewangan dan aktiviti bukan kewangan. Pada tahun 2023, komposisi perolehan dalam ekonomi sektor koperasi kekal di dominasi dan semakin meningkat disumbangkan oleh aktiviti kewangan iaitu sebanyak 91%, berbanding tahun sebelumnya (2022: 89%). Sub aktiviti yang

menyumbang terhadap peningkatan dalam aktiviti kewangan ialah aktiviti perbankan sebanyak 77%, berkurangan sumbangannya berbanding tahun sebelumnya (2022: 79%). Seterusnya adalah aktiviti ar-rahnu sebanyak 10% dan semakin meningkat sumbangannya berbanding tahun sebelumnya (2022: 3%). Selain itu, sub aktiviti lain yang menyumbang kepada aktiviti kewangan ialah aktiviti kredit sebanyak 8% berkurangan berbanding tahun sebelumnya (2022: 11%), dan aktiviti pelaburan 5% berkurangan berbanding tahun sebelumnya (2022: 7%)

RAJAH 3.4 Pecahan Aktiviti Kewangan Tahun 2022 dan 2023




Aktiviti Bukan Kewangan

Merujuk kepada aktiviti bukan kewangan yang menyumbang sebanyak 9% daripada keseluruhan perolehan sektor koperasi adalah disumbangkan oleh aktiviti perkhidmatan bukan kewangan sebanyak 64% meningkat berbanding

tahun sebelumnya (2022: 60%). Seterunya sub aktiviti yang menyumbang kepada aktiviti bukan kewangan ialah aktiviti pertanian sebanyak 32% berkurangan berbanding tahun sebelumnya (2022: 37%). Selain itu, sub aktiviti lain yang menyumbang dalam aktiviti bukan kewangan juga melibatkan aktiviti pembinaan sebanyak 4% dan aktiviti pembuatan sebanyak 0.4%, masing-masing telah meningkat berbanding tahun sebelumnya (2022: 3% dan 0.2%).

RAJAH 3.5 Pecahan Aktiviti Bukan Kewangan Tahun 2022 dan 2023




Aktiviti Perkhidmatan

Sub aktiviti yang terlibat dalam aktiviti perkhidmatan koperasi antara lain adalah aktiviti perkhidmatan pengguna, aktiviti perkhidmatan pengangkutan, serta aktiviti perkhidmatan lain. Pada tahun 2023, sub aktiviti perkhidmatan pengguna merupakan aktiviti major dalam aktiviti perkhidmatan koperasi iaitu menyumbang sebanyak 59%, meningkat sumbangannya berbanding tahun sebelumnya (2022: 58%).

Seterusnya sub aktiviti perkhidmatan lain yang terdiri daripada aktiviti pembersihan, insurans/takaful, pelancongan, pendidikan, kesihatan dan kecantikan serta lain-lain perkhidmatan menyumbang sebanyak 34%, berkurangan sumbangannya berbanding tahun sebelumnya (2022: 35%). Sub aktiviti yang turut menyumbang kepada aktiviti perkhidmatan ialah sub aktiviti perkhidmatan pengangkutan (7%) sama sumbangannya seperti tahun sebelumnya (2022: 7%).

RAJAH 3.6 Sub Aktiviti Bukan Kewangan (Aktiviti Perkhidmatan) Tahun 2022 dan 2023




Aktiviti Pertanian

Aktiviti pertanian dikenalpasti sebagai penyumbang kedua terbesar (32%) kepada aktiviti bukan kewangan sektor koperasi yang merangkumi aktiviti perladangan, pertanian, penternakan serta perikanan dan akuakultur. Sebanyak 87% pendapatan aktiviti pertanian sektor koperasi adalah daripada sub aktiviti perladangan menurun sumbangannya berbanding tahun sebelumnya (2022: 88%). Koperasi memperoleh hasil daripada jualan sub aktiviti perladangan seperti tanaman sawit, dan pengurusan ladang sawit. Seterusnya

penyumbang kedua dalam sub aktiviti pertanian ialah aktiviti pertanian merangkumi, aktiviti padi, getah dan hasil singkat; seperti sayur-sayuran, buah-buahan dan tanaman lain sebanyak 11% meningkat berbanding tahun sebelumnya (2022: 10%). Manakala aktiviti ternakan serta aktiviti perikanan dan akuakultur masing-masing menyumbang sebanyak 2% dan 0.4%. Koperasi amat penting bagi peringkat komuniti dengan mewujudkan inisiatif perladangan, pertanian, penternakan dan perikanan yang akan membantu penduduk setempat mendapat bekalan yang lebih mudah, cepat dengan harga yang jauh lebih murah dengan mengoptimalkan sumber semulajadi sedia ada.

RAJAH 3.7

Sub Aktiviti Bukan Kewangan (Aktiviti Pertanian) Tahun 2022 dan 2023



Prestasi Aktiviti Utama Sektor Koperasi

AKTIVITI UTAMA	(RM Bilion)		% Perubahan
	2022	2023	
Aktiviti Kewangan	40.3	58.2	43
Aktiviti Bukan Kewangan	5.2	5.8	12

Seiring dengan pertumbuhan ekonomi negara serta kekukuhan matawang negara, kerancakkan aktiviti perdagangan dan perniagaan menyumbang ke arah kestabilan dalam semua aktiviti ekonomi. Fenomena kerancakkan ini turut dirasai oleh ekonomi sektor koperasi yang disokong dengan pertumbuhan dalam aktiviti kewangan dan aktiviti

bukan kewangan. Aktiviti kewangan mengalami peningkatan yang drastik sebanyak 43%, (2023: RM58.2 bilion), ketimbang tahun sebelumnya (2022: RM40.3 bilion). Manakala aktiviti bukan kewangan meningkat sebanyak 12%, (2022: RM2.2 bilion), berbanding tahun sebelumnya (2022: RM5.8 bilion).

Prestasi Aktiviti Kewangan

AKTIVITI KEWANGAN	Pendapatan (RM Bilion)		% Perubahan
	2022	2023	
Perbankan	32.1	44.8	39.6
Ar-Rahnu	1.2	5.6	370.6
Kredit	4.3	4.6	6.8
Pelaburan	2.9	3.1	4.8

Aktiviti kewangan sektor koperasi terus menunjukkan daya tahan dalam tahun 2023 dan peningkatan berbanding dengan tahun sebelumnya sebanyak 43%. Dengan didorong oleh sentimen positif dalam kalangan koperasi dan anggota dalam semua aktiviti ekonomi negara, prestasi koperasi-koperasi kredit menunjukkan pertumbuhan kukuh.

Sumbangan aktiviti kewangan kepada perolehan sektor koperasi sebanyak RM58 bilion secara keseluruhannya disumbangkan oleh sub aktiviti kewangan iaitu aktiviti perbankan, Ar-Rahnu, kredit dan pelaburan. Sub aktiviti perbankan merupakan penyumbang majoriti aktiviti kewangan, meningkat dengan drastik pada

tahun 2023 sebanyak 39.6% (2023: RM 44.8 bilion) berbanding tahun sebelumnya (2022: RM 32.1 bilion). Seterusnya sub aktiviti kewangan yang bertumbuh kukuh adalah aktiviti Ar-Rahnu meningkat sebanyak 370% (2023: RM 5.6 bilion) berbanding tahun sebelumnya (2022: RM 1.2 bilion). Manakala aktiviti kredit dan pelaburan turut mengalami peningkatan berbanding tahun sebelumnya iaitu 6.8% (2023: RM4.6 bilion, 2022: RM 4.3 bilion) dan 4.8% (2023: RM3.1 bilion, 2022: RM 2.9 bilion).

Koperasi-koperasi yang menjalankan aktiviti kewangan terus memastikan aktiviti kewangan kekal menjadi sumber kekuatan bagi ekonomi sektor koperasi Malaysia. Biarpun berdepan

dengan persekitaran yang sangat mencabar, aktiviti kewangan terus didokong oleh tahap permodalan yang kukuh. Kekuatan modal serta kemudahan mudah tunai yang teguh membolehkan koperasi perbankan dan kredit meneruskan pemberian pinjaman kepada koperasi lain, dan pada masa yang sama, menawarkan bantuan kepada anggota yang masih menghadapi kesukaran. Kekuatan ini kekal penting untuk memelihara daya tahan koperasi perbankan dan kredit serta keyakinan anggota. Dalam menghadapi *volatility* pasaran yang semakin meningkat, koperasi perbankan dan kredit terus kekal fokus untuk memelihara

keadaan pasaran yang teratur dan memastikan pasaran kewangan anggota terus menyerap kejutan dan bukan meningkatkannya. Bagi tujuan ini, koperasi perbankan dan kredit telah memastikan tahap mudah tunai yang mencukupi dalam pasaran kewangan anggota serta mengambil langkah untuk mengurangkan volatiliti yang berlebihan yang akan mengganggu aktiviti perniagaan dan pelaburan sektor Koperasi. Aktiviti kewangan pada tahun 2024 dijangka terus berkembang dipacu oleh antara lain strategi digitalisasi dalam sektor kewangan serta meningkatkan kesejahteraan kewangan anggota dan koperasi.

Prestasi Aktiviti Bukan Kewangan

AKTIVITI BUKAN KEWANGAN	Jualan (RM Juta)		% Perubahan
	2022	2023	
Aktiviti Perkhidmatan	3,162	3,778	19.5
Aktiviti Pertanian	1,945	1,873	-3.7
Aktiviti Pembinaan	158	215	35.8
Aktiviti Pembuatan	11	25	128.1

Aktiviti bukan kewangan sektor koperasi dipacu oleh peningkatan oleh beberapa sub aktivitinya iaitu, aktiviti perkhidmatan, aktiviti pertanian, aktiviti pembinaan dan aktiviti pembuatan. Aktiviti perkhidmatan mengalami peningkatan sebanyak 19.5%, (2023: RM3.77 bilion) berbanding tahun sebelumnya (2022: RM3.16 bilion). Walaupun terdapat pertumbuhan positif dalam aktiviti perkhidmatan, sub aktiviti pertanian mengalami bertumbuhan yang negatif. Sub aktiviti pertanian menunjukkan pengurangan sebanyak -3.7% (2023: RM1.87 bilion) berbanding tahun

sebelumnya (2022: RM1.94 bilion). Selain itu, Sektor pembinaan terus menokok kepada RM 215 juta pada tahun 2023, berbanding tahun sebelumnya RM 158 juta iaitu pertumbuhan sebanyak 35.8%. Seterusnya, aktiviti pembuatan terus meningkat sebanyak 128% pada tahun 2023 kepada RM 25 juta berbanding tahun sebelumnya RM 11 juta, berikutan pengukuhan permintaan dan pengembangan industri domestik yang terus menyokong aktiviti pengeluaran daripada sektor koperasi.

Prestasi Aktiviti Perkhidmatan

AKTIVITI PERKHIDMATAN	Jualan (RM Juta)		% Perubahan
	2022	2023	
Perkhidmatan Pengguna	1,844	2,242	21.5
Perkhidmatan Lain	1,113	1,291	16.0
Perkhidmatan Pengangkutan	203	245	20.4

Aktiviti perkhidmatan di sumbangkan oleh aktiviti perkhidmatan pengguna, perkhidmatan lain, dan perkhidmatan pengangkutan. Kesemua jualan sub aktiviti perkhidmatan meningkat berbanding tahun sebelumnya. Aktiviti perkhidmatan pengguna yang merangkumi aktiviti stesyen minyak, borong runcit dan lain-lain aktiviti pengguna telah meningkat sebanyak 21.5% kepada RM 2.2 bilion berbanding tahun sebelumnya (2022: RM 1.8 bilion). Seterusnya, aktiviti yang mengalami

peningkatan jualan ialah aktiviti perkhidmatan lain mencakupi aktiviti pembersihan, pelancongan, pendidikan serta kesihatan dan kecantikan, meningkat sebanyak 16% kepada RM 1.29 bilion berbanding tahun sebelumnya (2022: RM 1.11 bilion). Selain itu, aktiviti perkhidmatan pengangkutan turut mengalami peningkatan jualan yang tinggi sebanyak 20.4% kepada RM 245 juta berbanding tahun sebelumnya (2022: RM 203 juta).

Prestasi Aktiviti Perkhidmatan Pengguna

AKTIVITI PERKHIDMATAN PENGGUNA	Jualan (RM Juta)		% Perubahan
	2022	2023	
Borong dan Runcit	961	1,149	19.6
Stesyen Minyak	861	1,061	23.2
Restoran dan Gerai	21	31	43.3

Aktiviti perkhidmatan pengguna mencatat pertumbuhan sebanyak 21.5% pada 2023 di jana oleh aktiviti borong dan runcit, aktiviti stesyen minyak, serta aktiviti restoran dan gerai koperasi. Jualan bagi aktiviti stesyen minyak meningkat kepada RM 1,061 juta berbanding tahun sebelumnya (2022: RM 861 juta) iaitu pertumbuhan sebanyak 23.2%. Peningkatan ini menunjukkan bahawa aktiviti stesyen minyak berada pada landasan yang semakin pulih mencapai nilai jualan yang pernah dicapai oleh aktiviti ini sebelum pandemik berlaku iaitu

jualan berjumlah RM 1 bilion pada tahun 2018. Selain itu, jualan bagi aktiviti borong dan runcit turut meningkat sebanyak 19.6% kepada RM 1,149 juta berbanding tahun sebelumnya (2022: RM 961 juta). Peningkatan didalam aktiviti ini disokong oleh prestasi kukuh aktiviti kewangan berikutan peningkatan aktiviti pinjaman oleh anggota terutamanya disumbangkan oleh pasaran buruh yang bertambah baik. Kedua-dua aktiviti ini berkesinambungan dalam rantai ekonomi koperasi yang menunjukkan keutuhan aktiviti untuk terus relevan dalam apa jua keadaan

ekonomi. Ini didorong oleh keupayaan perniagaan stesen minyak serta borong runcit yang dapat memenuhi keperluan dan pembangunan komuniti setempat disamping meningkatkan

ekonomi koperasi. Selain itu, aktiviti restoran dan gerai koperasi turut meningkat sebanyak 43.3% kepada RM 31 Juta berbanding tahun sebelumnya (2022: RM 21 juta).

Prestasi Aktiviti Perkhidmatan Lain

AKTIVITI PERKHIDMATAN LAIN	Jualan (RM Juta)		% Perubahan
	2022	2023	
Lain-lain Perkhidmatan	1,000.5	1,137.3	13.7
Perkhidmatan Pembersihan	32.0	49.5	54.6
Perkhidmatan Insurans / Takaful	42.5	48.8	14.7
Perkhidmatan Pelancongan	18.3	32.2	75.5
Perkhidmatan Pendidikan	14.4	14.1	-2.2
Perkhidmatan Kesihatan dan kecantikan	5.9	9.4	59.5

Prestasi bagi aktiviti perkhidmatan lain mengalami peningkatan jualan 16% dari keseluruhan aktiviti perkhidmatan pada tahun sebelumnya (2022: RM1.13 bilion). Sub aktiviti ini mengalami peningkatan dalam semua sub aktivitinya kecuali aktiviti pendidikan yang mengalami penurunan sebanyak -2.2% kepada RM14.1 juta berbanding tahun sebelumnya (2022: RM14.4 juta). Aktiviti perkhidmatan pembersihan telah menunjukkan peningkatan sebanyak 54.6% berbanding tahun sebelumnya (2022 : RM32.0 juta). Seterusnya aktiviti perkhidmatan ejen insurans / takaful turut meningkat sebanyak 14.7% berbanding tahun sebelumnya (2022: RM42.5 juta). Aktiviti perkhidmatan pelancongan dan perkhidmatan kesihatan turut didefinisikan sebagai satu kegiatan multidimensi dan pelbagai yang menyentuh dalam aspek kehidupan dan aktiviti ekonomi. Dalam aktiviti perkhidmatan

lain, sebanyak RM41.6 juta disumbangkan oleh sub aktiviti ini. Aktiviti perkhidmatan pelancongan dan perkhidmatan kesihatan meningkat kepada RM32.2 juta dan RM9.4 juta, masing-masing mencatat peningkatan sebanyak 75.5% dan 59.5% pada tahun 2023 berbanding tahun sebelumnya (2022: RM18.3 juta dan RM5.9 juta). Sub aktiviti perkhidmatan ini memberi pulangan besar kepada sub aktiviti yang berkaitan seperti peruncitan dan pengangkutan dengan memperkukuh kedudukan ekonomi koperasi. Prestasi ini juga disumbangkan oleh peningkatan aktiviti berkaitan pelancongan susulan pembukaan semula sempadan antarabangsa, peningkatan perbelanjaan anggota, serta penerimgunaan digitalisasi yang lebih tinggi merentasi semua aktiviti.

Prestasi Aktiviti Perkhidmatan Pengangkutan

AKTIVITI PERKHIDMATAN PENGANGKUTAN	Jualan (RM Juta)		% Perubahan
	2022	2023	
Pengangkutan muatan melalui jalan raya	201.37	243.00	20.7
Perkhidmatan bas	1.05	1.25	18.4
Pengangkutan teksi, kereta sewa dan limosin	1.19	0.87	-27.2

Aktiviti perkhidmatan pengangkutan melonjak sebanyak 20.4% kepada RM245 juta pada tahun 2023 berbanding tahun sebelumnya (2022: RM203 juta), didorong oleh pertumbuhan ketara dalam aktiviti pengangkutan muatan melalui jalan raya iaitu aktiviti utamanya adalah mengangkutan buah tandan segar (BTS) kesan daripada peningkatan dalam aktiviti kelapa sawit berikutan kemasukan semula pekerja asing dalam industri perladangan secara beransur-ansur dan peningkatan hasil

buah tandan segar sawit. Iaitu peningkatan jualan sebanyak 20.7% kepada RM243 juta berbanding tahun sebelumnya (2022: RM201 juta). Seterusnya aktiviti pengangkutan yang turut meningkat adalah aktiviti perkhidmatan pengangkutan bas (perkhidmatan bas henti-henti, bas kilang, dan bas sekolah), sebanyak 18.4%, peningkatan jualan kepada RM1.25 juta berbanding tahun sebelum (2022 RM1.05 juta).

Prestasi Aktiviti Pertanian

AKTIVITI PERTANIAN	Jualan (RM Juta)		% Perubahan
	2022	2023	
Aktiviti Perladangan	1,701.58	1,618.91	-4.9
Aktiviti Pertanian	190.37	209.81	10.2
Aktiviti Penternakan	46.87	38.24	-18.4
Aktiviti Perikanan dan Akuakultur	6.71	6.85	2.0

Prestasi bagi aktiviti pertanian secara keseluruhan menunjukkan penurunan jualan sebanyak -3.7% dari keseluruhan aktivitinya kepada RM1.87 bilion berbanding tahun sebelumnya (2022: RM1.94 bilion). Keadaan ini, disebabkan oleh jualan daripada aktiviti perladangan menurun sebanyak -4.9% pada tahun 2023 berbanding tahun sebelumnya (2022 : RM1.7 bilion),

terutamanya aktiviti kelapa sawit berikutan berlakunya turun naik harga buah tandan segar sawit. Di samping itu, penurunan aktiviti ternakan turut berlaku sebanyak -18% kepada hasil jualan sebanyak RM38 juta berbanding tahun sebelumnya (2022: RM46 juta). Namun begitu, aktiviti pertanian (input pertanian, nurseri, padi, dan tanam kontan) telah menunjukkan

peningkatan sebanyak 10.2% berbanding tahun sebelumnya (2022 : RM190 juta). Sub aktiviti perikanan dan akuakultur turut menunjukkan berlaku peningkatan sebanyak 2% kepada RM6.8 juta berbanding tahun sebelumnya (2022: RM6.7 juta). Aktiviti pertanian ini perlu diperkukuhkan agar berpotensi sebagai penyumbang kepada transformasi ekonomi negara. Agenda keterjaminan makanan negara memerlukan penglibatan semua pihak dalam membuat perancangan dan hala tuju pembangunan industri agromakanan negara. Penyelidikan,

pembangunan dan pengkormersialan teknologi pertanian, penternakan dan biosekuriti perikanan dapat menyebarkan rangkaian dalam industri pertanian yang lengkap iaitu perikanan, penternakan, tanaman dan memproses makanan yang bersifat komuniti. Permintaan yang besar juga datang daripada pemborong-pemborong, pekedai runcit dan juga pengguna akhir seperti industri makanan; seperti kedai makan dan restoran yang menyumbang banyak kepada permintaan bekalan makanan terutama sayur-sayuran, penternakan dan perikanan.

Prestasi Aktiviti Pembinaan

AKTIVITI PEMBINAAN	Pendapatan (RM Juta)		% Perubahan
	2022	2023	
Aktiviti Perumahan	73.37	120.46	64
Aktiviti Pembinaan	85.15	94.79	11

Aktiviti pembinaan kembali pulih sebanyak 35.8% kepada RM215 juta pada 2023 berbanding tahun sebelumnya (2022: RM158 juta), disumbangkan oleh prestasi positif subaktiviti perumahan (pemilikan bangunan komersial dan kediaman

serta pelaburan hartanah) sebanyak 64% dan subaktiviti pembinaan (pembangunan daerah, industri pembinaan dan pembekalan bahan binaan) sebanyak 11%.

Prestasi Aktiviti Pembuatan

AKTIVITI PEMBUATAN	Pendapatan (RM Ribu)		% Perubahan
	2022	2023	
Aktiviti Pembuatan Pakaian	6,458.72	13,064.99	102.3
Aktiviti Pembuatan Kasut	4,693.37	12,394.12	164.1
Aktiviti Pembuatan Makaroni, mi dan produk serupa	93.25	198.41	112.8
Aktiviti Pemprosesan dan pengawetan	71.73	171.19	138.6
Aktiviti Pembuatan Biskit dan Cookies	61.39	123.75	101.6

Aktiviti pembuatan meningkat sebanyak 128% kepada RM25.95 juta pada 2023 berbanding tahun sebelumnya (2022: RM11.37 juta), berikutan pengukuhan permintaan domestik yang terus menyokong aktiviti pengeluaran. Aktiviti pembuatan yang berdaya maju membawa kepada lebih banyak penyelidikan dan pembangunan, inovasi, produktiviti, dan barangan eksport serta membantu meningkatkan taraf hidup dan menghasilkan lebih aktiviti ekonomi. Aktiviti pembuatan sektor koperasi berkembang bagi semua segmen pembuatan terutamanya didorong oleh segmen pembuatan berkaitan pakaian dan makanan.

TINJAUAN EKONOMI SEKTOR KOPERASI 2024

Berdasarkan unjuran Kementerian Kewangan Malaysia, Ekonomi Malaysia diunjurkan berkembang antara 4% hingga 5% pada tahun 2024, disokong oleh permintaan dalam negeri yang terus berkembang dan peningkatan permintaan luaran. Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh perbelanjaan dalam negeri yang berdaya tahan, dengan sokongan tambahan yang berpunca daripada pemulihan eksport yang dijangkakan. Pertumbuhan tenaga kerja dan upah yang berterusan akan terus menyokong perbelanjaan isi rumah. Ketibaan dan perbelanjaan pelancong dijangka semakin baik. Aktiviti pelaburan akan didorong oleh projek berbilang tahun yang terus dilaksanakan dalam sektor swasta dan awam, dengan sokongan daripada pelaksanaan inisiatif pemangkin di bawah pelan-pelan induk negara. Faktor positif ini yang disokong oleh kekukuhan dasar dan pelan tindakan bertunjangkan kerangka Ekonomi MADANI. Pelaksanaan langkah dan inisiatif pragmatik berterusan yang ditetapkan oleh Kerajaan akan memastikan ekonomi negara terus teguh dan kekal berdaya tahan.

Sementara itu, ekonomi sektor koperasi mencatat prestasi yang memberangsangkan pada

tahun 2023 dan dijangka menghadapi prospek pertumbuhan yang tinggi pada tahun 2024, diunjurkan berkembang 5% hingga 25%. Perkembangan ini dipacu oleh aktiviti kewangan dan aktiviti bukan kewangan sektor koperasi. Aktiviti kewangan dijangka kekal menggalakkan pada tahun 2024 berikutan pasaran modal yang berfungsi dengan baik dan kesediaan koperasi untuk terus memberikan pinjaman. Penampakan mudah tunai dan modal koperasi yang utuh juga akan membantu memastikan bekalan kredit yang mampan bagi membiayai aktiviti penggunaan dan pelaburan sektor koperasi. Dari segi permintaan, pengembangan aktiviti ekonomi yang berterusan dan keadaan guna tenaga yang bertambah baik dijangka menyumbang kepada permintaan terhadap pembiayaan yang berterusan, terutamanya untuk anggota dan koperasi.

Pertumbuhan ini juga, dijangka dipacu oleh aktiviti bukan kewangan. Aktiviti bukan kewangan meliputi aktiviti perkhidmatan, pertanian, pembinaan dan pembuatan. Aktiviti perkhidmatan dijangka akan disokong oleh kumpulan perkhidmatan perantara dan akhir yang akan terus meningkat. Subaktiviti perkhidmatan iaitu pemborongan dan peruncit, stesyen minyak, restoran dan gerai, serta perkhidmatan lain diunjurkan berkembang selaras dengan peningkatan trend penggunaan manakala subaktiviti pengangkutan akan menerima manfaat daripada aktiviti berkaitan pertanian yang lebih tinggi. Subaktiviti borong dan runcit akan kekal sebagai penyumbang utama sektor perkhidmatan pengguna. Pertumbuhan ini akan dipacu oleh pengembangan dalam aktiviti perdagangan runcit melalui penggunaan automasi yang lebih meluas, e-dagang dan pengalaman membeli-belah secara omnichannel yang membolehkan interaksi fizikal dan dalam talian yang lancar. Di samping itu, aktiviti berkaitan pelancongan yang rancak serta perbelanjaan pengguna yang berterusan dijangka terus memacu pertumbuhan aktiviti ini. Selain itu, program tahun melawat negeri bagi Melaka, Perak dan Perlis pada 2024 dijangka menyumbang kepada pertumbuhan subaktiviti ini.

Prospek aktiviti pertanian kekal positif disokong oleh pengeluaran yang lebih tinggi bagi minyak sawit mentah (MSM), pertanian lain dan ternakan. Aktiviti pertanian dijangka meningkat dan dipacu oleh pengembangan dalam kebanyakan subsektor terutamanya kelapa sawit, pertanian lain dan ternakan. Pengeluaran kelapa sawit diunjur meningkat berikutan fenomena El Niño yang dijangka memberikan kesan minimum dan keadaan tenaga buruh yang kembali ke paras prapandemik. Tambahan pula, peningkatan kawasan matang terutamanya di Semenanjung Malaysia dan kadar perahan minyak yang lebih tinggi berikutan pusingan penuaian yang lebih kerap juga dijangka menyokong pertumbuhan subsektor ini. Harga MSM diunjur meningkat dengan purata antara RM4,000 hingga RM4,500 setan metrik pada 2024 (2023: RM3,500–RM4,000 setan metrik) sebahagiannya disebabkan oleh jangkaan pengeluaran minyak sayuran lain yang rendah dan permintaan MSM lebih tinggi dari negara pengimport utama. Subsektor pertanian lain dan ternakan diunjur terus berkembang dipacu oleh usaha bersepadu bagi mengukuhkan keterjaminan makanan dan memodenkan sektor pertanian. Selain itu, subsektor getah dianggar kembali pulih disumbangkan oleh penawaran tenaga buruh yang lebih baik serta aktiviti penorehan oleh pekebun kecil yang lebih giat berikutan inisiatif Kerajaan bagi meningkatkan pendapatan. Aktiviti pembinaan dijangka

meningkat, disumbangkan oleh pengembangan merentasi semua subaktiviti. Aktiviti pembuatan turut dijangka berkembang pesat dan kekal menggalakkan sejajar dengan prestasi pelaburan dan penggunaan domestik yang kukuh.

KESIMPULAN

Usaha perlu dipergiat bagi meningkatkan keupayaan sektor koperasi pada tahun 2024 untuk beradaptasi dengan perubahan persekitaran yang pantas di samping memerlukan anjakan paradigma serta budaya inovasi untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi anggota dan gerakkan koperasi. Penerusan projek strategik, digitalisasi, peningkatan produktiviti dan teknologi pembuatan termaju akan terus merangsang pertumbuhan ekonomi dalam jangka masa sederhana. Semua sektor ekonomi dijangka mendapat manfaat daripada dasar yang baru diperkenalkan oleh kerajaan sejajar dengan kerangka Ekonomi MADANI seperti NETR, NIMP 2030 dan KSP RMKe-12. Melangkah ke hadapan, pelaksanaan dasar yang berkesan akan terus meningkatkan pertumbuhan dan daya tahan sektor koperasi dalam mendepani landskap ekonomi negara dan global yang mencabar.

BAB 04

MODEL PERNIAGAAN KOPERASI

MODEL PERNIAGAAN KOPERASI

Pengenalan

Rantainan Bekalan dalam Aktiviti Perdagangan Borong dan Runcit

Kemudahan Kredit Koperasi dalam Aktiviti Kewangan

Aktiviti Pertanian dan Industri Asas Tani

Aktiviti Pelancongan

Pemeriksaan Perniagaan Koperasi melalui Koperasi Menengah

Sisipan Koperasi Menengah Fungsi Pengguna di Negara Jepun

Pendigitalan Koperasi



MODEL PERNIAGAAN KOPERASI

PENGENALAN

Perniagaan koperasi kini menghadapi cabaran yang lebih besar akibat daripada landskap perniagaan dinamik, termasuk perniagaan tanpa sempadan selaras dengan ekonomi digital. Situasi ini menuntut koperasi untuk bertindak lebih proaktif bagi kelangsungan perniagaannya.

Secara umumnya, model perniagaan koperasi harus menggambarkan tujuan penubuhan koperasi dengan jelas, manfaat yang ditawarkan kepada anggota, struktur modal syer/yuran dan komponen tadbir urus koperasi. Selain itu, elemen lain seperti sumber dan aktiviti atau fungsi utama koperasi yang mana elemen-elemen ini diyakini dapat membantu koperasi untuk membentuk keunikan dan identiti tersendiri melalui kelebihan dalaman koperasi.

Koperasi bukan sahaja sebuah organisasi yang menjaga kebajikan anggota bahkan ia merupakan sebuah organisasi perniagaan yang mementingkan keperluan anggotanya dalam aspek ekonomi, sosial, budaya dan komuniti. Koperasi merupakan satu bentuk perniagaan yang diusahakan oleh sekumpulan masyarakat yang bermuafakat dalam mengendalikan satu jenis perniagaan yang boleh meningkatkan kedudukan ekonomi dan sosial anggotanya. Sebagai sebuah organisasi perniagaan, koperasi juga mahukan

keuntungan demi mencapai matlamat ekonomi dan sosialnya. Oleh yang demikian, koperasi perlu menceburkan diri dalam pelbagai jenis perniagaan bagi membolehkan ia terus berdiri setanding dengan perniagaan-perniagaan lain.

Uniknya perniagaan dalam sektor koperasi adalah melibatkan keterangkuman semua aktiviti perniagaan yang boleh menjana pendapatan kepada koperasi. Sesebuah koperasi boleh menjalankan pelbagai aktiviti perniagaan selagi mana ianya dinyatakan dalam Undang-Undang Kecil Koperasi itu sendiri dan tidak melanggar perundangan lain sedia ada yang berkuatkuasa.


Berdasarkan model perniagaan yang dilaksanakan oleh Koperasi pada tahun 2023, terdapat beberapa bidang yang mempunyai potensi besar untuk diterokai oleh koperasi. Ini termasuk perdagangan borong dan runcit, pembiayaan Ar-Rahnu, sektor pertanian serta industri asas tani dan juga aktiviti pelancongan.

Perdagangan borong dan runcit menawarkan peluang untuk memanfaatkan rangkaian bekalan dan permintaan dalam pasaran tempatan, sekaligus memberi manfaat kepada anggota dalam mendapatkan barangan keperluan harian. Seterusnya, pembiayaan Ar-Rahnu menyediakan alternatif kewangan yang patuh syariah kepada anggota, mengukuhkan kedudukan kewangan mereka dalam menghadapi keperluan mendesak. Dalam sektor pertanian dan industri asas tani, koperasi memainkan peranan penting dalam pengeluaran dan pengedaran produk tempatan, meningkatkan pendapatan petani serta menggalakkan amalan pertanian mampan.

Sementara itu, aktiviti pelancongan membuka peluang untuk mempromosikan destinasi tempatan dan produk budaya, menarik pelancong serta merangsang pertumbuhan ekonomi komuniti. Kesemua model perniagaan ini bukan sahaja dapat meningkatkan sumber pendapatan

koperasi tetapi juga memberi manfaat kepada anggota serta masyarakat umum melalui penciptaan pekerjaan, peningkatan kemahiran, dan penyampaian produk serta perkhidmatan berkualiti.

RANTAIAN BEKALAN DALAM AKTIVITI PERDAGANGAN BORONG DAN RUNCIT



Aktiviti perdagangan borong dan runcit merupakan antara aktiviti yang diberi tumpuan kerana peranannya dalam membantu Kerajaan dalam menangani isu kenaikan kos sara hidup rakyat. Sehingga 31 Disember 2023, terdapat sebanyak 2,611 COOP mart dengan 42 Pusat Pengedaran (DC) Koperasi yang telah beroperasi di seluruh negara.

Fokus kepada aktiviti ini adalah selaras Strategi 11 DaKoM 2030 iaitu Meningkatkan Pertumbuhan Industri Utama Koperasi. Dalam hal ini, bidang pengangkutan dan peruncitan/pengguna adalah merupakan dua (2) daripada sembilan (9) industri utama yang telah dikenal pasti dan akan bertindak sebagai pemacu utama pembangunan sektor koperasi.

Aktiviti pemborongan dan peruncitan koperasi menyumbang sebanyak RM2.20 bilion perolehan direkodkan pada tahun 2023. Aktiviti stesen minyak menyumbang sebanyak RM989.34 juta dan diikuti dengan aktiviti COOP mart menyumbang sebanyak RM746.63 juta.




Rantainya bekalan merupakan satu sistem yang terdiri daripada setiap koperasi yang terlibat untuk memastikan produk dan perkhidmatan sampai ke tangan pelanggan melalui saluran pengedaran. Ini termasuk proses pengumpulan bahan mentah, pembekal, pengeluar atau pengilang, syarikat

pengangkutan, gudang borong, bilik simpanan atau stok dan pengurusan sumber manusia.

Sistem ini juga melibatkan tugas dan fungsi yang terlibat dalam pemindahan produk tersebut, seperti kawalan kualiti, pemasaran, perolehan

serta sumber. Manakala, pengurusan rantaian bekalan adalah pengurusan produk atau perkhidmatan daripada permulaan hingga kepada pengguna akhir.

AKTIVITI INI TERUS DIPERKUKUH MELALUI PELBAGAI PROGRAM PEMBANGUNAN PERNIAGAAN, KHUSUSNYA DALAM RANTAIAN BEKALAN SEPERTI BERIKUT:

	i.	Program Pemerksaan Rantaian Bekalan Koperasi / <i>Supply Chain Empowerment For Co-operatives</i> (SCOPE);
	ii.	Pengeluaran dan Penedaran produk jenama “COOP Sejak 1922”; dan
	iii.	Program Peruncitan dan Pemborongan Barangan Asas (BA100) ANGKASA.

Model Perniagaan Melalui Program Pemerksaan Rantaian Bekalan Koperasi / *Supply Chain Empowerment For Co-operatives* (SCOPE)

Program Pemerksaan Rantaian Bekalan Koperasi (SCOPE) dilaksanakan untuk mengukuh dan memantapkan rantaian bekalan melalui pembangunan Pusat Penedaran (DC) baharu dan menaiktaraf Pusat Penedaran (DC) sedia ada. Program SCOPE ini akan memperksa rantaian bekalan koperasi dalam Aktiviti Perdagangan Borong dan Runcit dengan menyediakan

ekosistem dan landskap perniagaan yang kondusif dengan mengukuhkan DC sedia ada atau mewujudkan DC baharu di setiap negeri dengan objektif seperti berikut:

- (i) Meningkatkan *purchasing* dan *bargaining power* koperasi;
- (ii) Mengurangkan pemeringkatan (*tier*) orang tengah dan aktiviti manipulasi; dan
- (iii) Membantu mengurangkan kenaikan kos sara hidup.

Pada tahun 2023, sebanyak RM3,000,000.00 diperuntukkan bagi pelaksanaan program ini. Sebanyak 15 DC telah menerima peruntukan ini bagi menaik taraf infrastruktur dan peralatan DC atau mewujudkan DC Koperasi yang baharu. Melalui peruntukan ini, sebanyak 14 DC baharu telah diwujudkan dan satu (1) DC sedia ada telah dinaik taraf. Antara koperasi yang menerima dana ini pada tahun 2023 adalah Federasi Koperasi Pemborongan Dan Peruncitan Malaysia Berhad yang telah menerima peruntukan sebanyak RM246,000.00 bagi membiayai kos pembelian lori dan peralatan yang berkaitan supaya koperasi boleh melaksanakan aktiviti pengedaran kepada koperasi anggota.

Dengan adanya lori ini, Federasi Koperasi telah membekalkan barangan kepada 49 koperasi anggota dengan lebih cepat bagi memastikan koperasi anggota memperoleh stok barangan pada harga yang berpatutan. Sebelum memiliki lori sendiri, Federasi Koperasi menyewa lori daripada syarikat lain untuk mengedarkan barangan di mana keadaan ini mengakibatkan kos pengedaran menjadi lebih tinggi dan menjejaskan margin keuntungan. Dengan memiliki lori sendiri, Federasi Koperasi dapat mengurangkan kos dan meningkatkan efisiensi dalam proses pengedaran barangan.

Koperasi yang mempunyai COOP mart dan berpotensi untuk menjalankan aktiviti pengedaran/ pemborongan, boleh menjalankan aktiviti pengedaran/ pemborongan bagi meningkatkan pendapatan.



Gambar 4.1 Penyerahan Lori Bantuan oleh YB Timbalan Menteri KUSKOP

Model Perniagaan Melalui Pengeluaran dan Pengedaran Produk “COOP Sejak 1922”

Pengeluaran “Produk COOP Sejak 1922” dilaksanakan melalui Federasi Koperasi Pemborongan Dan Peruncitan Malaysia Berhad. Sehingga 31 Disember 2023, Federasi Koperasi telah mengeluarkan sebanyak sembilan (9) SKU barangan asas produk jenama “COOP Sejak 1922”. Model perniagaan ini adalah untuk memastikan pembekalan barangan keperluan asas di Pusat Pengedaran dan COOP Mart koperasi sentiasa terjamin. Jumlah jualan produk jenama “COOP Sejak 1922” pada tahun 2023 adalah sebanyak RM1,467,380.24 kepada koperasi.



Gambar 4.2 Logo COOP Food UK di London, England

Pengeluaran produk COOP Sejak 1922 ini adalah hasil lawatan penanda aras delegasi KUSKOP dan SKM ke COOP Food UK di London, England pada 23 Jun 2022. Koperasi tersebut menjalankan perniagaan *Baker's Street* yang mengeluarkan produk makanan jenama COOP. Bagi pelaksanaan di Malaysia, pengeluaran produk COOP Sejak 1922 adalah melibatkan barangan keperluan asas pada peringkat awal dan akan dikembangkan kepada produk-produk lain.

JADUAL 4.1

SKU Federasi Koperasi Pemborongan Dan Peruncitan Malaysia Berhad

 FEDERASI KOPERASI PEMBORONGAN DAN PERUNCITAN MALAYSIA BERHAD Tingkat 8, Menara SKM, Changkat Semantan, Off Jalan Semantan, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur			
GAMBAR			
PRODUK	GULA KRISTAL 1KG	MINYAK MASAK 2 KG	MINYAK MASAK 5 LITER (PASARAN SEMENANJUNG)
HARGA PASARAN	RM 2.85	RM 13.20	RM 27.90

 FEDERASI KOPERASI PEMBORONGAN DAN PERUNCITAN MALAYSIA BERHAD Tingkat 8, Menara SKM, Changkat Semantan, Off Jalan Semantan, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur			
GAMBAR			
PRODUK	MINYAK MASAK 5KG (PASARAN SABAH)	BERAS SUPER IMPORT 5% - 4KG (PASARAN SEMENANJUNG)	BERAS SUPER IMPORT 5% - 5KG (PASARAN SABAH)
HARGA PASARAN	RM 30.00	RM 17.50	RM 14.50

 FEDERASI KOPERASI PEMBORONGAN DAN PERUNCITAN MALAYSIA BERHAD Tingkat 8, Menara SKM, Changkat Semantan, Off Jalan Semantan, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur			
GAMBAR			
PRODUK	BERAS SUPER IMPORT 5% - 10KG	BISCUIT CREAM CRACKERS 400GRM	BISCUIT MILK MARIE 250 GRM
HARGA PASARAN	RM 38.00	RM 4.00	RM 4.10

Model Perniagaan Melalui Program Peruncitan dan Pemborongan Barangan Asas (BA100) ANGKASA

Program Peruncitan dan Pemborongan Barangan Asas (BA100) merupakan satu program bersepadu dalam usaha untuk menggerakkan perniagaan koperasi terutamanya dalam membantu dan menawarkan penjualan barangan asas dengan harga berpatutan, menaiktaraf kualiti hidup anggota koperasi, merangsang perniagaan koperasi dan menaiktaraf operasi koperasi peruncitan agar lebih kompetitif.


ANGKASA juga telah mengambil inisiatif membuat pembelian secara pukal daripada pembekal atau pengeluar dan dihantar secara terus kepada peruncit. Berasaskan kepada pendekatan tersebut, kedai-kedai koperasi dapat bergabung dengan menawarkan jualan barangan asas dengan harga yang berpatutan dan bukan bersifat sementara.


Program BA100 akan melibatkan penambahbaikan operasi dan penjualan di semua kedai koperasi

yang terlibat. Koperasi yang menyertai program ini akan dapat menambah baik pengurusan kedai terutamanya operasi jualan dan kawalan stok. Ianya juga dapat membuka peluang pekerjaan dan peluang keusahawanan kepada anggota. Program ini juga dapat membantu meningkatkan prestasi jualan dan keuntungan melalui pakej-pakej promosi yang sentiasa dikemaskini mengikut kesesuaian pasaran dan harga semasa. Melalui Program BA100 ini, ANGKASA telah melaksanakan dua (2) platform sokongan dalam membantu koperasi seperti berikut:

● Platform 'JiMAT Biz'

Platform ini membolehkan koperasi mendapatkan bekalan barangan keperluan dengan harga yang berpatutan melalui platform digital. Sehingga 31 Disember 2023, jumlah pengguna adalah sebanyak 3,217 dan bilangan koperasi yang membuat tempahan melalui JiMAT Biz adalah sebanyak 465 koperasi. Jumlah tempahan koperasi melalui JiMAT Biz pada tahun 2023 adalah sebanyak RM4.73 juta.





Gambar 4.3 Paparan Laman Sesawang JiMAT Biz


Platform 'JiMAT Shop'

Koperasi-koperasi boleh membuka kedai secara dalam talian melalui JiMAT Shop. Jumlah jualan melalui JiMAT Shop sehingga

31 Disember 2023 adalah sebanyak RM176 ribu melibatkan 691 koperasi. Melalui JiMAT Shop pelanggan boleh menempah barangan di kedai koperasi yang berhampiran secara atas talian.



Gambar 4.4 Paparan Laman Sesawang JiMAT Shop



Fasa Pelaksanaan Program BA100

JADUAL 4.2

Fasa Pelaksanaan Program BA100

FASA PELAKSANAAN	KETERANGAN
FASA 1 (Tahun 2022 - 2023)	Penglibatan 3,000 Kedai Koperasi sehingga akhir tahun 2023 di bawah Program Peruncitan dan Pemborongan Barang Asas (BA100)
FASA 2 (Tahun 2024 - 2025)	Sasaran pembukaan 2,000 kedai baharu milik koperasi dan bukan koperasi
FASA 3 (Tahun 2026 - 2027)	Melibatkan 5,000 kedai rangkaian BA100

KEMUDAHAN KREDIT KOPERASI DALAM AKTIVITI KEWANGAN

ekonomi negara secara berterusan. Oleh sebab itu, adalah semakin penting bagi industri perkhidmatan kewangan berkembang maju seiring dengan proses transformasi dan aspirasi Malaysia.

Merujuk kepada Perangkaan Koperasi Malaysia 2023, aktiviti perkhidmatan kewangan koperasi masih menjadi penyumbang terbesar kepada perolehan Gerakan Koperasi pada tahun 2023.

Industri perkhidmatan kewangan Malaysia telah berkembang maju sebagai tulang belakang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Industri ini menjadi sumber asas kepada sektor swasta dalam memperoleh dana untuk menjalankan aktiviti perniagaan, seterusnya memacu pertumbuhan

Di mana dua (2) co-opbank, 551 koperasi menjalankan aktiviti kredit dan 104 koperasi menjalankan aktiviti Ar-Rahnu dengan jumlah cawangan sebanyak 658 buah. Sektor ini menyumbang sebanyak RM56.56 bilion (87.5%) kepada perolehan Gerakan Koperasi yang berjumlah RM64.56 bilion bagi tahun 2023.

Perkembangan Aktiviti Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu) Koperasi

Aktiviti pajak gadai Islam atau Ar-Rahnu merupakan salah satu alternatif perkhidmatan kewangan patuh syariah yang semakin meningkat naik dan mendapat sambutan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Evolusi Ar-Rahnu di Malaysia telah membawa perubahan signifikan terhadap sektor koperasi terutama dalam usaha membangunkan ekonomi ummah yang mapan.

Berdasarkan artikel bertajuk Pelaksanaan Inovasi Ar-Rahnu Dalam sektor koperasi Di Malaysia oleh Fatimah Salwa Abd. Hadi dan Mohamad Azahari Ahmad (2021), perubahan tersebut bermula dengan pelaksanaan skim Ar-Rahnu yang pertama di Malaysia oleh institusi bukan kewangan iaitu Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) pada 23 Januari 1992, dan diikuti oleh Permodalan Kelantan Berhad (PKB) pada tahun yang sama. Pada 21 Ogos 1993, bermulalah penglibatan institusi kewangan iaitu Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) dengan kerjasama Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) dalam Ar-Rahnu. Sejak dari itu, aktiviti Ar-Rahnu terus rancak dan berkembang dalam pelbagai sektor termasuk koperasi.

Model Aktiviti Ar-Rahnu

Pelaksanaan Ar-Rahnu dalam Gerakan Koperasi mempunyai pelbagai peranan yang pelbagai. Selain menyediakan alternatif kepada skim pajak gadai konvensional, Ar-Rahnu turut menyediakan keperluan kewangan yang mudah dan cepat kepada peniaga-peniaga kecil untuk dijadikan modal pusingan. Selain itu, Ar-Rahnu juga

membolehkan individu memperoleh kewangan yang lebih efektif dari segi kos tanpa perlu meminjam daripada saluran yang mahal seperti syarikat peminjam wang atau ceti.

Aktiviti Ar-Rahnu dalam Gerakan Koperasi dilaksanakan mengikut syariah berdasarkan Garis Panduan Aktiviti Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu) yang telah dikeluarkan oleh SKM pada tahun 2013. Namun begitu, pada 25 Jun 2019, Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia (BNM) telah memutuskan terdapat keperluan untuk memperkemas struktur produk Ar-rahnu sedia ada berikutan terdapatnya isu syariah yang berkaitan kontrak pembiayaan (Fatimah dan Mohamad, 2021).

Rentetan daripada itu, SKM selaku badan yang bertanggungjawab mengawal selia sektor koperasi telah mengeluarkan arahan penguatkuasaan pelaksanaan produk alternatif Ar-Rahnu melalui Arahan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (ASK) Bilangan 2 Tahun 2022- Aktiviti Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu) bagi koperasi yang menjalankan aktiviti pajak gadai Islam berkuatkuasa 29 November 2022. Penguatkuasaan ASK bilangan 2 tahun 2022 ini telah membatalkan keseluruhan GP25: Garis Panduan Menjalankan Aktiviti Pajak Gadai Islam yang diguna pakai oleh Koperasi sejak 10 tahun yang lalu. Peralihan ini menjamin keadilan bagi semua pihak yang terlibat dalam aktiviti Ar-Rahnu serta dapat memberikan keyakinan kepada anggota koperasi terhadap tadbir urus dan pengawal seliaan Ar-Rahnu koperasi.

Seiring dengan penguatkuasaan pemakaian produk alternatif yang baharu, ASK Bilangan 2 tahun 2022 masih mengekalkan beberapa aspek utama seperti keperluan mendapatkan kelulusan SKM untuk pembukaan cawangan bagi menjalankan aktiviti Ar-Rahnu, proses lelongan dan tiada kekangan jarak antara koperasi Ar-Rahnu. Namun begitu, beberapa perkara lain telah diperkasakan bagi memantapkan lagi industri Ar-Rahnu dalam kalangan koperasi seperti akad pembiayaan yang digunakan, had pembiayaan

yang dibenarkan, kadar keuntungan, tempoh gadaian dan sistem berkaitan yang diguna pakai dalam pembiayaan ini. Antara perkara utama

yang terkandung dalam arahan tersebut adalah Jadual seperti di bawah.

JADUAL 4.3

Perubahan Konsep Ar-Rahnu

BIL	PERKARA	PERUBAHAN
1.	Konsep	<ul style="list-style-type: none"> • Kontrak Rahn; dan • Kontrak yang bersesuaian dengan pembiayaan Islam.
2.	Kumpula Wang Anggota (KWA)	Jumlah KWA ditingkatkan sekurang-kurangnya daripada RM500,000 kepada RM1 juta.
3.	Kawalan Had Pembiayaan	Pembiayaan oleh koperasi setiap penggadaai tidak melebihi RM300,000 (Asal RM50,000) atau tidak melebihi 80% (Asal: 70%) daripada nilai marhun.
4.	Tadbir Urus	<p>Mewujudkan Jawatankuasa syaria koperasi menurut GP28: Garis Panduan Tadbir Urus Syariah.</p> <p>Mewujudkan unit aduan koperasi.</p> <p>Aduan boleh disalurkan melalui sesawang rasmi Suruhjaya Koperasi Malaysia,</p>


Sumber: Artikel Bertajuk Ar-Rahnu di Koperasi Tidak Perlu Diragui Oleh Raimi Aziyan (Majalah Gagasan Koperasi Edisi 2/2023)

Dari segi akad pembiayaan, konsep Tawarruq iaitu jual beli berasaskan komoditi telah dijadikan sebagai alternatif. Kontrak ini dinamakan Tawarruq kerana melibatkan kontrak pembelian komoditi secara bayaran tangguh, kemudiannya

komoditi tersebut dijual semula secara tunai kepada pihak lain selain penjual asal. Aliran proses Tawarruq di koperasi adalah seperti rajah di bawah.

RAJAH 4.2

Aliran Proses Tawarruq di Koperasi



KETERANGAN:

1.	Pelanggan ke koperasi bagi membuat permohonan pembiayaan Ar-Rahnu dengan membawa emas sebagai cagaran;
2.	Koperasi akan membuat penilaian terhadap emas yang akan dicagarkan untuk menentukan jumlah pembiayaan yang layak dimohon oleh pelanggan;
3.	Pelaksanaan Tawarruq:
	(a) Koperasi membeli komoditi daripada pembekal komoditi melalui penyedia platform perdagangan komoditi;
	(b) Koperasi seterusnya menjual komoditi kepada pelanggan berdasarkan jumlah pembiayaan yang telah diluluskan dan jumlah keuntungan yang ditetapkan oleh koperasi dengan pembayaran secara tangguh. Koperasi selaku ejen akan menerima pembelian bagi pihak pelanggan; dan
	(c) Pelanggan kemudiannya menjual komoditi kepada penyedia platform perdagangan komoditi secara tunai (koperasi selaku ejen jualan bagi pihak pelanggan);
4.	Hasil jualan akan diserahkan kepada pelanggan setelah aturan Tawarruq selesai.
5.	Pelanggan akan membuat pembayaran kepada koperasi amaun keuntungan pada setiap enam (6) bulan dan amaun prinsipal akan dibayar semasa tempoh matang pembiayaan. Dalam situasi kegagalan pembayaran, koperasi berhak untuk melelong aset cagaran bagi tujuan melangsaikan jumlah pembiayaan.

Antara koperasi yang telah mematuhi Arahan Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu) ini sepenuhnya adalah Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad (KPD). KPD yang didaftarkan pada 24 April 1928 telah dinobatkan sebagai Koperasi Premier bagi tahun 2023. Sehingga Disember 2023 KPD telah membuka lima buah cawangan Ar-Rahnu, yang mana perniagaan Ar-Rahnu ini baharu sahaja diceburi bermula Februari 2021.

Prestasi aktiviti Ar-Rahnu KPD juga ditahap yang baik dengan jumlah pembiayaan terkumpul sehingga 31 Disember 2023 berjumlah RM44,530,933.00 dan perolehan aktiviti ini mencatatkan peningkatan daripada RM945,276.00 bagi tahun 2022 kepada RM2,944,409.00 bagi tahun 2023.

Selain itu, Koperasi Kakitangan Petronas Berhad (KOPETRO) juga antara koperasi yang mematuhi Arahan Pajak Gadai Islam (Ar-Rahnu). KOPETRO didaftarkan pada 30 Oktober 1980 dengan keanggotaan seramai 15,093 orang yang terdiri daripada kakitangan tetap dan kontrak PETRONAS dan subsidiari-subsidiarinya. KOPETRO menjalankan pelbagai cabang perniagaan antaranya aktiviti Ar-Rahnu.

Perniagaan Ar-Rahnu di KOPETRO mula dilaksanakan pada tahun 2022 dan sehingga Disember 2023, KOPETRO telah berjaya membuka empat cawangan Ar-Rahnu. Sehingga 31 Disember 2023 jumlah terkumpul pembiayaan Ar Rahnu adalah berjumlah RM26,581,992.95 dan jumlah keuntungan yang diperoleh berjumlah RM5,149,654.90.

Perkembangan revolusi perindustrian Ar-Rahnu koperasi melalui peralihan konsep Ar-Rahnu 1.0 kepada Ar-Rahnu 2.0 tidak perlu diragukan lagi. Koperasi yang melaksanakan Arahan ini masih boleh memperolehi keuntungan di samping bergerak seiring perkembangan kewangan Islam yang lebih patuh syariah serta menitikberatkan ketulusan operasinya.



Gambar 4.5 Cawangan Ar-Rahnu KPD

Sumber: Laman sesawang koperasi www.kpdrm.com.my

AKTIVITI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) komited dalam membantu usaha Kerajaan untuk memastikan keterjaminan makanan negara melalui penglibatan koperasi dalam aktiviti pertanian dan industri asas tani. Sehingga 31 Disember 2023, sebanyak 172 koperasi telah terlibat secara khusus dalam aktiviti ini yang meliputi aktiviti penternakan, perikanan, tanaman dan pembekalan input pertanian.

Pertanian dilihat sebagai perniagaan yang memberi prospek besar kepada seluruh masyarakat Malaysia, membantu merapatkan jurang sosio-ekonomi dalam komuniti dan turut menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Bidang pertanian dilihat dapat mengurangkan kebergantungan terhadap pengimportan bahan makanan dari negara lain.

Di Malaysia, koperasi yang berfokus kepada sektor pertanian tidak hanya berfungsi sebagai organisasi perniagaan, tetapi juga sebagai entiti sosial yang membantu dalam pengembangan komuniti. Melalui kerjasama antara anggota, koperasi dapat menyediakan kemudahan seperti akses kepada modal, pasaran yang lebih luas, serta bantuan teknikal dan latihan. Ini seterusnya menyumbang kepada peningkatan kapasiti dan kemampuan petani dalam menghadapi cabaran global yang semakin meningkat.

Selain itu, industri asas tani yang melibatkan pemprosesan hasil pertanian juga mendapat manfaat daripada Gerakan Koperasi. Koperasi dapat membantu dalam pengumpulan dan pemprosesan hasil pertanian secara teratur dan efisien, memastikan produk yang dihasilkan memenuhi piawaian yang ditetapkan serta meningkatkan daya saing di pasaran.



Gambar 4.6 Cawangan Ar-Rahnu KOPETRO

Sumber: Laman sesawang koperasi www.kopetro.com.my

Selaras dengan inisiatif Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan melalui Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan 2021-2025 yang memfokuskan kepada pengukuhan sekuriti makanan negara di sepanjang rantai bekalan makanan, Koperasi memainkan peranan penting dengan menyediakan platform bagi petani dan pengusaha untuk bekerjasama dalam pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran

dalam masa jangka panjang. Dengan pendekatan ini, koperasi dapat memainkan peranan penting dalam memperkukuh kedudukan petani dan meningkatkan keberkesanan operasi pertanian di negara ini.

Model aktiviti input pertanian, yang merangkumi aspek seperti penyediaan benih, baja, dan teknologi pertanian, memainkan peranan kritikal dalam meningkatkan produktiviti dan keberkesanan hasil pertanian. Di Malaysia, Gerakan Koperasi telah menunjukkan bagaimana penggabungan model input pertanian dengan pendekatan kolektif dapat memberikan impak positif yang besar.

Sebagai contoh, Koperasi Ladang Berhad berjaya merekodkan pendapatan daripada aktiviti input pertanian (jualan pengguna) dan juga daripada aktiviti tapak semaian (jualan anak pokok) berjumlah RM44,301,260.00 sepanjang tahun 2023. Aktiviti ini merupakan penyumbang utama kepada pendapatan Koperasi dan telah memainkan peranan penting dalam menempatkan Koperasi dalam Indeks 100 Koperasi Terbaik di Malaysia pada tahun 2023.

hasil pertanian. Koperasi juga berfungsi untuk mengurangkan kesan situasi luar jangka dengan memastikan ada sokongan dan sumber daya yang mencukupi bagi anggotanya.

Menyingkap landskap keseluruhan bagi aktiviti pertanian dan industri asas tani sepanjang tahun 2023, koperasi menyumbang sebanyak RM133.46 juta kepada perolehan. Aktiviti pembekalan input pertanian menyumbang sebanyak RM58.09 juta dan diikuti dengan aktiviti penternakan menyumbang sebanyak RM31.75 juta.

Model Aktiviti Input Pertanian

Gerakan Koperasi di Malaysia digalakkan untuk lebih aktif terutamanya dalam sektor agromakanan dan pertanian. Hal ini adalah penting untuk membentuk blok yang kukuh dalam memastikan kestabilan bekalan makan

Selain itu, Koperasi NLFCS Berhad yang merupakan salah sebuah Koperasi Premier di Malaysia pada tahun 2023, telah mencatatkan jualan anak pokok dengan nilai berjumlah RM123,442.00 di ladang Koperasi di sekitar Perak. Koperasi ini tidak ketinggalan untuk memanfaatkan model ini dengan menyediakan input berkualiti dan sokongan teknikal kepada anggotanya, sekaligus mempertingkatkan hasil pertanian seterusnya membina asas ekonomi yang lebih kukuh dan mampan.

Model Perniagaan Pembasmian Kemiskinan Melalui Aktiviti Pertanian

Selain itu, antara model perniagaan yang boleh diketengahkan adalah Koperasi Kebuniti Selangor Berhad (KOBUNITI) di mana Koperasi ini telah menjalankan projek tanaman fertigasi yang berkonsepkan 'Pertanian Dalam Bandar' (*Urban*



Farming) di Agro-Park, No. 10 Jalan Selasih U12/13, Cahaya Alam, Seksyen U12, 40170 Shah Alam, Selangor sejak bulan Jun 2021. Tanaman yang diusahakan terdiri daripada tanaman kontan (*cash-crops*) yang boleh dituai dalam tempoh kurang enam bulan seperti terung, cili sakata 461 / kulai minyak, peria dan lain-lain.

Bagi memastikan projek ini boleh dimanfaatkan oleh masyarakat khususnya B40, pada tahun 2023, Koperasi telah menerima peruntukan daripada Kementerian Ekonomi sebanyak RM957,100.00 di bawah Program Inisiatif Rakyat - Usahawan Tani (IPR-INTAN) bagi membiayai kos pelaksanaan projek tanaman cili yang memberi manfaat kepada 16 peserta kategori B40.

Objektif IPR-INTAN ialah menumpukan usaha membasmi kemiskinan dan menambah pendapatan rakyat menerusi inisiatif pertanian dengan mewujudkan ekosistem antara pelaksana, pemegang taruh dan masyarakat setempat. Skop penggunaan geran adalah terhad kepada perkara seperti berikut:

(i) Infrastruktur (Penyediaan tapak);

(ii) Infrastruktur (Sistem Fertigasi); dan

(iii) Perbelanjaan operasi.

KOBUNITI berperanan sebagai pelaksana projek dan menjadi pemasar hasil pertanian di bawah projek ini. KOBUNITI juga telah mengenal pasti 16 orang peserta kategori B40 untuk melaksanakan Inisiatif Usahawan Tani (IPR-INTAN) di mana peserta dibimbing menerusi latihan ilmu pertanian serta tanaman sayur-sayuran atas tanah dalam rumah dalam rumah hijau.

keluar daripada garis kemiskinan. Program ini juga boleh diperluaskan kepada koperasi lain yang mempunyai kapasiti dalam melaksanakan program seperti ini.



Pelaksanaan projek ini juga adalah selaras dengan Anjakan Besar Pertanian dan Industri Asas Tani Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas iaitu Program Inisiatif Usahawan Tani (INTAN) di bawah IPR sebagai strategi untuk mengukuhkan rantai bekalan makanan dan meningkatkan pendapatan.



AKTIVITI PELANCONG

Aktiviti ini merupakan yang paling terjejas berikutan penularan pandemik Covid-19 pada tahun 2020 hingga 2022. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang menghadkan pergerakan orang ramai sama ada pelancong dari dalam mahupun luar negara telah menjejaskan lagi perniagaan koperasi dalam aktiviti ini. Tahun 2023 merupakan tahun pemulihan bagi aktiviti pelancongan.

Konsep program ini boleh dijadikan model perniagaan bagi koperasi membantu meningkatkan pendapatan golongan miskin tegar, miskin dan B40 dan dalam masa yang sama dapat membekalkan ilmu serta kemahiran pertanian kepada golongan B40. Secara tidak langsung, golongan miskin/miskin tegar boleh



Gambar 4.7 Cawangan Tapak Projek Tanaman Fertigasi berkonsepkan 'Pertanian dalam Bandar'

Aktiviti pelancongan koperasi menyumbang perolehan sebanyak RM241.23 juta direkodkan pada tahun 2023. Aktiviti ejen pelancongan menyumbang sebanyak RM113.41 juta dan diikuti dengan aktiviti perhotelan menyumbang sebanyak RM20.25 juta.

Model Aktiviti Ekopelancongan Koperasi

Secara amnya, ekopelancongan bertumpu kepada interaksi dengan komponen alami dalam persekitaran semula jadi. Ekopelancongan memberi tumpuan kepada perjalanan bertanggungjawab, pembangunan diri, dan kelestarian alam sekitar. Ekopelancongan lazimnya melibatkan perjalanan ke destinasi di mana flora, fauna, dan warisan budaya merupakan tarikan utama.

Ekopelancongan bertujuan untuk menawarkan kepada pelancong gambaran tentang kesan manusia terhadap alam sekitar dan secara tidak langsung memupuk penghargaan yang lebih besar terhadap habitat semula jadi. Ekopelancongan menyasarkan kepada kesan alam sekitar yang

minimum terhadap kawasan yang dilawati. Selain memupuk rasa hormat terhadap persekitaran semula jadi, ekopelancongan juga membantu dalam mewujudkan faedah sosioekonomi kepada masyarakat di kawasan yang dilawati.

Dalam sektor koperasi, terdapat peluang untuk memanfaatkan sumber yang sedia ada dalam mewujudkan perniagaan atau aktiviti ekopelancongan. Sebagai contoh, koperasi yang mempunyai kebun, ladang, atau terletak di kawasan yang menarik dari segi geografi, boleh mengembangkan aktiviti ekopelancongan yang mampu menarik pengunjung.

Bagi memperkasakan aktiviti ekopelancongan, Koperasi Pegawai-Pegawai Melayu Malaysia Berhad (MOCCIS) telah memanfaatkan Ladang MOCCIS berkeluasan 3,110 ekar yang bertempat di Teluk Intan, Perak, sebagai tempat tarikan pelancongan dengan mewujudkan resort yang menawarkan pengalaman berbeza di mana pengunjung boleh menikmati istirahat sambil menyelami keindahan semula jadi ladang tersebut. Dē Moccis Lake Resort yang telah

dijenamakan semula pada tahun 2022 daripada Homestay Changkat Jong dimiliki dan diuruskan sepenuhnya oleh Ladang MOCCIS bermula tahun 2014. Hasil daripada perniagaan resort ini berjaya mencatatkan pendapatan sebanyak hampir RM200 ribu pada tahun 2023.

Terdapat 10 buah rumah di resort ini yang boleh menempatkan seramai lebih kurang 60 pengunjung. Di resort ini, pengunjung boleh menyewa set barbeque, berkanayak, berbasikal dan



Gambar 4.8 Antara Kemudahan dan Aktiviti Menarik di De Moccis Lake Resort



sukan ATV (*all-terrain vehicle*), memancing serta memberikan makan kepada haiwan ternakan di 'Mini Zoo' yang mempamerkan haiwan peliharaan seperti rusa Timorensis dan Axis - axis (rusa bintik), kucing bengal, ikan talapia, arnab, angsa serta pelbagai unggas.



Selain itu, contoh lain yang boleh dilihat adalah inisiatif yang dilaksanakan oleh Koperasi Desa Keda Kuala Sungai Udang Yan Berhad yang memanfaatkan keindahan Pulau Songsong sebagai sumber pendapatan utama. Pulau Songsong, yang merupakan salah satu daripada empat pulau dalam kawasan Jerai Geopark, terkenal dengan kejernihan air laut dan hidupan marin yang masih terpelihara. Keindahan semulajadi pulau ini menyediakan peluang unik bagi para pelancong untuk menikmati suasana tropika yang menenangkan, sambil menyelam ke dalam dunia bawah laut yang kaya dengan terumbu karang dan spesies marin eksotik.

Walaupun hanya ditubuhkan pada tahun 2016, inisiatif Koperasi Desa Keda Kuala Sungai Udang Yan Berhad menjadikan Pulau Songsong sebagai tarikan pelancong telah memanfaatkan lebih 40 orang nelayan sekitarnya pada tahun 2023. Nelayan-nelayan tersebut menjadi Malim Laut untuk membawa pelancong mengunjungi Pulau Songsong dan pulau berdekatan yang lain iaitu Pulau Bunting, Pulau Bidan dan Pulau Telur. Melalui aktiviti ini, para nelayan tempatan berpeluang untuk menjadi pemandu pelancong, memperkenalkan pengunjung kepada kekayaan alam sekitar, sambil menjana pendapatan daripada tangkapan hasil laut. Pendekatan ini tidak hanya meningkatkan ekonomi komuniti tetapi juga mempromosikan amalan pelancongan yang lestari dan menyokong usaha pemeliharaan sumber semula jadi yang berharga.

SKM juga tidak ketinggalan dalam menyokong usaha Koperasi di mana Koperasi ini telah ditawarkan geran bantuan sebanyak RM90,000.00 bagi tujuan pembelian bot untuk meningkatkan lagi aktiviti pelancongan yang diusahakan.



Gambar 4.9

Pulau Songsong, destinasi "hidden gem" dalam kawasan Jerai Geopark, Kedah

Di samping itu, Koperasi Eko Pelancongan Gua Sireh Baling Berhad juga menjalankan model perniagaan ekopelancongan yang boleh dijadikan sebagai contoh untuk dilaksanakan oleh Gerakan Koperasi di mana Koperasi ini menawarkan perkhidmatan membawa pelancong menikmati keindahan suasana dalam Gua Sireh yang terletak di Baling, Kedah. Keistimewaan utama gua ini

terletak pada formasi stalagmit dan stalaktitnya yang menakjubkan, memancarkan keindahan semula jadi yang memikat dan menjadi daya tarikan utama bagi pengunjung. Gua ini secara fizikalnya menjulang setinggi 60 hingga 80 meter dengan lebar 192 meter, menawarkan ruang yang luas dan mengagumkan untuk diterokai.

Pada tahun 2023, Koperasi mempunyai lebih kurang 20 orang jurupandu yang bekerja sambil sebagai pemandu pelancong. Pada masa akan datang, Koperasi merancang untuk membina kolam bagi menarik lebih ramai pengunjung terutamanya kanak-kanak. Bagi memulakan operasi di Gua Sireh ini, SKM memberikan insentif geran bantuan sebanyak RM10,000.00 di mana geran ini sedikit sebanyak dapat membantu Koperasi dalam perkembangan aktiviti ekonomi dan sosial dalam kalangan anggota dan komuniti setempat.



Gambar 4.10

Gua Sireh yang menjadi tarikan pelancong ke Baling, Kedah

Melalui inisiatif ini, koperasi tidak hanya meningkatkan daya tarik destinasi pelancongan tetapi juga memastikan bahawa kesan negatif terhadap alam sekitar diminimumkan dan manfaat ekonomi dapat dirasakan oleh komuniti tempatan. Dengan pendekatan ini, ekopelancongan menjadi platform yang berdaya maju untuk mengintegrasikan pelancongan dengan tanggungjawab sosial dan alam sekitar, seterusnya menyokong pembangunan yang lebih mampan.

PEMERKASAAN PERNIAGAAN KOPERASI MELALUI KOPERASI MENENGAH

RAJAH 4.3

Jenis Koperasi yang boleh Didaftarkan



SURUHANJAYA KOPERASI Malaysia

3 JENIS KOPERASI YANG BOLEH DIDAFTARKAN


KOPERASI ASAS

Anggota terdiri daripada orang-orang individu sahaja dan matlamatnya ialah untuk meningkatkan kepentingan ekonomi anggota-anggotanya mengikut prinsip-prinsip koperasi.



KOPERASI MENENGAH

Anggota terdiri daripada koperasi-koperasi asas sahaja dan matlamatnya adalah untuk memudahkan operasi koperasi sedemikian.



KOPERASI ATASAN

Anggota terdiri daripada koperasi-koperasi menengah sahaja atau koperasi menengah dan asas yang matlamatnya adalah untuk memudahkan operasi koperasi sedemikian.



Koperasi Menengah yang dianggotai oleh Koperasi Asas sahaja memainkan peranan yang sangat penting dalam Gerakan Koperasi terutamanya dalam meningkatkan kesejahteraan anggota dan masyarakat secara keseluruhan. Koperasi menengah dapat mencipta jaringan dan kerjasama antara anggota secara kolektif yang membolehkan mereka untuk mengakses pasaran yang lebih luas. Dengan kerjasama ini, anggota dapat berkongsi sumber daya, mengumpul dana keanggotaan yang lebih besar dan memaksimumkan peluang perniagaan.

Antara contoh Koperasi Menengah yang berjaya adalah Koperasi Peserta-Peserta FELCRA Malaysia Berhad (KPFMB). Koperasi yang dianggotai oleh Koperasi Peserta-Peserta Rancangan Felcra Berhad berdaftar di peringkat asas ini mempunyai jumlah aset Koperasi bernilai RM138.11 juta dengan jumlah kumpulan wang anggota bernilai RM17.02 juta. KPFMB aktif dalam menjalankan aktiviti jualan input pertanian, pembinaan, kontrak FELCRA, mengangkut dan membeli buah sawit, membekal tenaga kerja asing dan

mengusahakan ladang sawit. Dengan keuntungan bersih mencecah hampir RM3 juta pada tahun kewangan berakhir 30 Jun 2023, Koperasi ini berjaya dinobatkan di tempat kedua dalam Profil 100 Koperasi Terbaik Malaysia bagi tahun 2023.

Hal ini menunjukkan dengan memanfaatkan sumber yang ada, Koperasi Menengah mempunyai peluang yang besar untuk berjaya. Fokus pada penglibatan anggota, pengelolaan yang berkesan, dan inovasi yang tepat dapat membantu memastikan kejayaan dalam jangka masa yang panjang

Federasi Koperasi

Selaras dengan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) 2021 – 2025, sebanyak enam (6) Federasi Koperasi telah didaftarkan pada 1 April 2021. Federasi Koperasi yang merupakan Koperasi Menengah diwujudkan bertujuan untuk membentuk sinergi Gerakan Koperasi dan menerajui pelbagai sektor ekonomi berdasarkan konsep payung seterusnya membina

kekuatan Gerakan Koperasi dalam mendepani suasana ekonomi semasa dan mengurangkan tekanan orang tengah selaras dengan Garis Panduan 20A : Garis Panduan Penubuhan dan Pengoperasian Federasi Koperasi.

Pada tahun 2021, setiap Federasi Koperasi memberi fokus kepada program promosi dan kempen keanggotaan. Bermula tahun 2022, setiap Federasi Koperasi telah mula menjalankan perniagaan masing-masing dan melaksanakan sesi *engagement* bersama Kementerian/Agensi Kerajaan yang berkaitan dengan aktiviti masing-masing.

Sehingga hujung tahun 2023, jumlah keanggotaan Federasi Koperasi adalah sebanyak 156 Koperasi dengan catatan fi masuk yang diterima berjumlah RM146,500.00 dan jumlah modal syer diterima berjumlah RM1,147,500.00. Statistik ini menunjukkan peningkatan sebanyak 22 buah Koperasi yang baru menyertai Federasi Koperasi berbanding tahun sebelumnya.

Fokus kepada pemerksaan ini adalah selaras Strategi 8 DaKoM 2030 iaitu meningkatkan pengetahuan koperasi melalui pengukuhan peranan federasi koperasi. Dalam hal ini, Federasi Koperasi digalakkan mengambil peranan yang lebih aktif dalam pembangunan sektor koperasi.

JADUAL 4.4

Status Keanggotaan Federasi Koperasi Tahun 2023

BIL.	FEDERASI KOPERASI	JUMLAH KEANGGOTAAN (sehingga 31 Disember 2023)
1.	FEDERASI KOPERASI PEMBORONGAN DAN PERUNCITAN MALAYSIA BERHAD	49
2.	FEDERAL KOPERASI PELANCONGAN PENJAGAAN DIRI DAN KESIHATAN MALAYSIA BERHAD	31
3.	FEDERASI KOPERASI PERKHIDMATAN KEWANGAN MALAYSIA BERHAD	15
4.	FEDERASI KOPERASI HARTANAH DAN INDUSTRI KOPERASI PEMBINAAN BERHAD	34
5.	FEDERASI KOPERASI PERLADANGAN BERHAD	21
6.	FEDERASI KOPERASI INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA BERHAD	6
	JUMLAH KESELURUHAN	156




SISIPAN KOPERASI MENENGAH FUNGSI PENGGUNA DI NEGARA JEPUN

Sebagai contoh di Negara Jepun, Japanese Consumers' Co-operative Union (JCCU) telah ditubuhkan pada Mac 1951 sebagai federasi koperasi pengguna di Jepun. Sebanyak kira-kira 306 koperasi pengguna dan kesatuan koperasi pengguna menyertai JCCU dan jumlah pusing ganti perniagaan koperasi anggota kira-kira 3.7 trilion JPY. Terdapat dua fungsi utama JCCU seperti berikut:

- (i) Pembangunan produk jenama CO-OP. JCCU membangunkan dan menambah baik produk jenama CO-OP untuk memenuhi keperluan anggota dalam kehidupan seharian mereka; dan
- (ii) Pengedaran produk kepada koperasi anggota di seluruh negara. JCCU menguruskan pengedaran Produk Jenama CO-OP secara menyeluruh daripada pengurusan pesanan kepada logistik dan penghantaran, bekerjasama dengan pengeluar untuk pengurusan yang optimum.

JADUAL 4.3

Struktur JCCU



PENDIGITALAN KOPERASI

SKM senantiasa cakna dengan inisiatif bersama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) bagi suatu Pelan Tindakan Digitalisasi Koperasi 2030 yang akan meningkatkan keupayaan koperasi menjalankan perniagaan berasaskan teknologi. Pendigitalan koperasi merupakan antara fokus utama kini selepas melalui fasa pasca Pandemik Covid-19, iaitu menyediakan program intervensi bagi memulihkan semula perniagaan koperasi mengikut norma baharu.

Pelan Tindakan Digitalisasi Koperasi (DigiKOP) sedang dirangka dengan tujuan bagi meningkatkan keupayaan koperasi kepada perniagaan berasaskan teknologi. Inisiatif melalui kerjasama SKM, Institut Koperasi Malaysia (IKMa) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) itu dijangka mampu membawa perubahan dalam mentransformasikan Gerakan Koperasi ke arah pendigitalan. Selain itu, koperasi-koperasi juga digalakkan menggunakan kaedah promosi masa kini yang mempunyai sebaran maklumat yang amat meluas iaitu menerusi platform media sosial mengikut kumpulan sasar.

Menyedari kepentingan koperasi dalam mengadaptasi teknologi, KUSKOP dengan kerjasama SKM, IKMa dan ANGKASA telah melancarkan Pelan Tindakan Digitalisasi Koperasi 2030 (DigiKOP2030) pada 10 Julai 2023.

Pelan ini menggariskan empat (4) Teras Strategik utama yang menjadi sumber dalam memacu agenda transformasi digitalisasi koperasi di Malaysia iaitu:

(a)	pembangunan ekosistem digital dan data raya bersepadu serta inklusif;
(b)	pemeriksaan modal insan dan bakat digitalisasi dalam Gerakan Koperasi;
(c)	pemeriksaan penggunaan digitalisasi dalam pentadbiran dan pengurusan koperasi; dan
(d)	peningkatan penggunaan teknologi digital dalam perniagaan koperasi.

Program Mapping of Supply Chain (MOSC)

Program *Mapping of Supply Chain* (MOSC) merupakan strategi bagi mendigitalisasi rantaian bekalan koperasi menerusi sistem pengurusan pemborongan dan peruncitan yang efisien. Pendigitalan rantaian bekalan ini akan memastikan pengurusan Pusat Pengedaran (DC) Gerakan Koperasi lebih sistematik dan seterusnya menyumbang kepada pembekalan produk yang stabil ke kedai-kedai koperasi.

Program ini bagi membiayai sebahagian kos pembangunan sistem pengurusan sektor pemborongan dan peruncitan koperasi termasuk perkakasan, perisian serta kerjasama perkhidmatan kepada 24 buah pusat pengedaran DC koperasi serta satu (1) pusat

pengedaran utama (CDC) yang diuruskan oleh Federasi. Program ini dilaksanakan oleh Federasi Koperasi Pemborongan dan Peruncitan Malaysia Berhad dengan hasrat untuk membentuk sinergi Gerakan Koperasi yang terlibat dalam aktiviti pemborongan dan peruncitan.

Menerusi konsep Federasi, koperasi-koperasi yang mempunyai kedai runcit, pusat pengedaran dan mempunyai produk akan bernaung di bawah satu koperasi peringkat menengah dalam memperkukuhkan aktiviti perniagaan secara bersama dalam mendepani persekitaran ekonomi yang mencabar serta penubuhannya adalah selaras dengan dasar Kerajaan supaya Gerakan Koperasi dapat membantu dalam mengurangkan kos sara hidup rakyat.

JADUAL 4.5

Jualan melalui Sistem MOSC Tahun 2023

BIL.	NEGERI	BILANGAN KOPERASI	JUMLAH JUALAN (RM)
1.	Johor	3	52,332.32
2.	Kedah	1	26,028.00
3.	Kelantan	6	91,919.80
4.	Negeri Sembilan	2	13,368.12
5.	Pahang	4	90,845.48
6.	Perak	4	9,598.40
7.	Perlis	1	77,033.00
8.	Pulau Pinang	3	24,030.96
9.	Sabah	5	53,584.80
10.	Selangor	22	263,367.60
11.	Terengganu	4	29,077.60
12.	Wilayah Persekutuan	10	59,188.14
13.	Selain Koperasi	4	127,200.00
JUMLAH		69	917,574.22


Operasi CDC akan mengguna pakai serta mengaplikasikan *warehouse management system* yang akan menghubungkan pembekal, pusat pengedaran utama dan DC koperasi.


promosi, pemasaran dan pengiklanan produk/perkhidmatan koperasi secara atas talian, bayaran fi penyertaan platform atas talian dan lain-lain kos yang berkaitan.

Program Dagang Produk/Perkhidmatan Koperasi Atas Talian (e-DAPAT)

Program e-DAPAT adalah program promosi, pemasaran dan jualan produk/perkhidmatan koperasi melalui pelbagai platform/medium atas talian bagi meningkatkan jualan produk/perkhidmatan koperasi yang tidak hanya tertumpu kepada bentuk perniagaan kedai fizikal semata-mata. Pada tahun 2023, peruntukan sehingga RM95,000.00 telah diluluskan kepada enam (6) koperasi bagi membiayai kos penyediaan bahan

Antara koperasi yang menerima peruntukan ini adalah Koperasi Kumpulan Halagel Kedah Berhad. Koperasi ini telah dilantik oleh syarikat Halagel (M) Sdn. Bhd. sebagai pengedar tunggal untuk memasarkan produk-produk keluaran Halagel bagi pasaran jualan secara langsung (*single level/direct sales channel*). Penggunaan platform atas talian sebagai medium pemasaran membolehkan produk-produk ini diperkenalkan kepada pelanggan dengan lebih meluas, mudah dan cepat.





Gambar 4.11 Paparan Pemasaran Produk secara Atas Talian oleh Koperasi melalui Aplikasi Shopee Malaysia

Pelaksanaan Seminar Pendigitalan Koperasi

Pada tahun 2023, SKM mengadakan Seminar Pendigitalan Koperasi mengikut zon/ negeri bertujuan untuk meningkatkan kefahaman koperasi dalam mengadaptasi teknologi,

digitalisasi dan automasi dalam operasi perniagaan koperasi. Melalui seminar ini, koperasi boleh merangka model perniagaan dengan mengadaptasi digitalisasi dalam operasi perniagaan koperasi. Antara pengisian seminar ini adalah seperti di Jadual 4.

JADUAL 4.6

Pengisian Seminar Pendigitalan

PENGISIAN SEMINAR DIGITAL		
BIL	TAJUK	AGENSI KOPERASI
1.	Cooperative Digital Empowerment (C.O.D.E)	Institut Koperasi Malaysia (IKMa)
2.	Program Domain COOP.MY	Malaysia Network Information Centre (MYNIC Berhad)
3.	Peluang Pemasaran Produk dan Perkhidmatan Koperasi Melalui Platform eDagang	MyMALL Malaysia
4.	Peluang Pemasaran Produk dan Perkhidmatan Koperasi Melalui Platform eDagang	Agrobazaar Online - FAMA
5.	Aplikasi Tap Taplah	Koperasi Tanjong Keramat Malaysia Berhad

BAB 05

DASAR DAN PROSPEK 2024

DASAR DAN PROSPEK 2024

Dasar-Dasar Pemangkin Gerakan Koperasi

Dasar Koperasi Malaysia (DaKoM) 2030

Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM)
2021-2025

Pembangunan Pelan Pendigitalan Koperasi

Inisiatif dan Insentif

Melangkah ke Hadapan

Pemeriksaan Koperasi sebagai Perusahaan Sosial

Pemerdayaan Ekonomi Golongan Rentan

Sinergi Industri

Penguatan Peranan Badan Berautoriti

Penutup



DASAR-DASAR PEMANGKIN Gerakan Koperasi

Gerakan Koperasi kini menjadi elemen penting dalam strategi pembangunan negara, sebagaimana yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12). Rancangan ini bertujuan untuk merencanakan pertumbuhan ekonomi negara bagi tempoh 2021 hingga 2025 dengan berpandukan tiga tema utama: menjana semula ekonomi, memperkukuh keselamatan, kesejahteraan dan inklusiviti serta melanjakkan kemampanan. Ketiga-tiga tema ini bertujuan memastikan ekonomi negara bukan sahaja pulih daripada kesan pandemik, tetapi juga berkembang dengan lebih mapan dan menyeluruh.

Pembangunan koperasi di Malaysia pula terus diperkasakan melalui pelbagai dasar dan polisi yang sejajar dengan perubahan landskap ekonomi dan keutamaan Kerajaan dari masa ke masa. Dasar koperasi bukan hanya pelan jangka panjang, tetapi juga diperincikan melalui pelan-pelan sokongan jangka pendek seperti Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) dan Pelan Tindakan Digitalisasi Koperasi (DigiKOP). Pelaksanaan dasar-dasar ini memberi impak besar kepada Gerakan Koperasi, memastikan ia berkembang secara berterusan, mampan, dan relevan dalam ekosistem ekonomi negara yang semakin mencabar.

DASAR KOPERASI MALAYSIA (DaKoM) 2030


Dasar Koperasi Malaysia (DaKoM) 2030 diperkenalkan sebagai kesinambungan selepas berakhirnya Dasar Koperasi Negara 2011-2020 dan pelan-pelan pembangunan berkaitan pada tahun 2020. DaKoM 2030 merupakan dasar koperasi yang baharu, berfungsi sebagai panduan pembangunan jangka panjang untuk tempoh sepuluh tahun, dengan fokus kepada kesejahteraan holistik anggota koperasi secara menyeluruh.

Diluncurkan pada 12 Oktober 2023, DaKoM 2030 diselaraskan dengan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN 2030) dan Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025 (RMKe-12). Dasar ini berperanan sebagai pemangkin dalam merealisasikan aspirasi menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang mampan, dengan pengagihan ekonomi yang lebih adil dan inklusif bagi meningkatkan taraf hidup rakyat. Kerangka dasar yang disediakan (seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 5.1) mengenal pasti bidang-bidang penting yang perlu diberi penekanan, demi membuka lebih banyak peluang kepada koperasi untuk terus maju ke hadapan.

DaKoM 2030 juga menumpukan kepada sasaran perolehan sebanyak RM60 bilion pada tahun 2025, dan RM73 bilion menjelang tahun 2030. Selain itu, sekurang-kurangnya 65% daripada

RAJAH 5.1

Kerangka DaKoM 2030





Gambar 5.1 Majlis Peluncuran Dasar Koperasi Malaysia 2030 (DaKoM 2030)

PELAN TRANSFORMASI KOPERASI MALAYSIA (TransKoM) 2021-2025

Pembangunan koperasi di Malaysia terus berkembang seiring dengan pembentukan dasar dan perubahan polisi Kerajaan yang dinamik dari masa ke semasa. Dalam konteks ini, Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) diperkenalkan sebagai panduan khusus yang menekankan langkah-langkah strategik jangka sederhana selama lima tahun. TransKoM berfungsi sebagai pelan tindakan yang bertujuan merealisasikan inisiatif dan program berdasarkan teras dasar serta strategi yang digariskan di bawah Dasar Koperasi Malaysia (DaKoM) 2030.

Pelaksanaan TransKoM ini merupakan usaha yang menyeluruh dan terarah untuk mengukuhkan lagi kedudukan koperasi sebagai entiti penting dalam pembangunan ekonomi negara. Dalam fasa pertama, tumpuan diberikan kepada pemeraksanaan koperasi sedia ada, termasuk meningkatkan kebolehan pengurusan dan daya saing mereka di pasaran. Langkah ini termasuk program latihan dan peningkatan kemahiran, yang diharapkan dapat melahirkan pemimpin koperasi yang lebih berpengetahuan dan berdaya saing. Selain itu, koperasi didorong untuk meneroka peluang baru dalam perniagaan dan inovasi produk, selaras dengan perkembangan teknologi dan keperluan pasaran semasa.

TransKoM juga menetapkan sasaran untuk memperluas penglibatan koperasi dalam sektor-sektor strategik seperti pertanian,

perkhidmatan, dan teknologi maklumat. Dalam fasa kedua, koperasi akan didorong untuk menjalin kerjasama dengan sektor swasta dan institusi kewangan bagi meningkatkan akses kepada sumber pembiayaan yang diperlukan untuk pengembangan dan inovasi. Di samping itu, fasa ini juga menekankan pentingnya koperasi untuk membina rangkaian dan kerjasama antara satu sama lain, bagi mengukuhkan kedudukan mereka di pasaran yang semakin kompetitif.

Transformasi yang dibawa oleh pelaksanaan TransKoM ini dapat dilihat melalui pelaksanaan langkah-langkah strategik dan program-program yang diatur dalam tiga fasa utama sehingga tahun

2025, seperti yang digambarkan dalam Rajah 5.2. Fasa ketiga, yang dirancang untuk dilaksanakan menjelang tahun 2025, akan memberi tumpuan kepada penilaian dan pengukuran kejayaan setiap inisiatif yang telah dilaksanakan. Ini bertujuan untuk memastikan bahawa koperasi bukan sahaja mampu bertahan dalam persekitaran ekonomi yang mencabar, tetapi juga berkembang dengan pesat dan menyumbang secara signifikan kepada pembangunan ekonomi dan sosial negara. Melalui usaha yang berterusan dan komitmen daripada semua pihak yang terlibat, diharapkan koperasi di Malaysia akan mencapai kejayaan yang lebih besar di masa hadapan.

RAJAH 5.2

Fasa Transformasi TransKoM

FASA TRANSFORMASI TransKoM 2021 - 2025





TransKoM memainkan peranan penting dalam membina asas yang kukuh dan berstruktur bagi Gerakan Koperasi, dengan tujuan membentuk momentum yang mantap untuk memacu pertumbuhan serta meningkatkan prestasi koperasi. Pelaksanaan TransKoM Fasa 2 telah menunjukkan pencapaian yang amat memberangsangkan iaitu mencapai 98% daripada sasaran yang ditetapkan. Rajah 5.3 memberikan gambaran yang jelas tentang pencapaian keseluruhan TransKoM Fasa 2, yang mencerminkan kejayaan pelan ini dalam mencapai objektif pembangunan yang disasarkan.

norma baharu ekosistem teknologi masa kini, seperti yang digambarkan dalam Rajah 5.4. Ketetapan dan indikator yang telah ditetapkan dalam pelan ini berfungsi sebagai penanda aras (*benchmarking*) bagi Gerakan Koperasi dalam proses adaptasi digitalisasi. Fasa pelaksanaan yang dirancang, seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 5.5, akan membantu memastikan koperasi dapat bergerak seiring dengan perkembangan teknologi yang pesat.

Tahap pencapaian di bawah pelan ini dipantau secara berkala mengikut ketetapan badan berautoriti bagi memastikan ia dipandu sejajar dengan ketetapan dan sasaran yang telah digariskan.

PEMBANGUNAN PELAN PENDIGITALAN KOPERASI

Pelan Tindakan Digitalisasi Koperasi (DigiKOP) 2030 dilancarkan pada 10 Julai 2023, dengan tujuan menetapkan hala tuju bagi adaptasi pendigitalan koperasi dalam menghadapi

RAJAH 5.3

Kerangka TransKom dan status pencapaian Fasa 2

PENCAPAIAN TRANSKOM FASA 2				
BIDANG TUJAHAN				
1	2	3	4	5
Pemangkin Nilai Kemakmuran Bersama	Pemantapan sistem Perundangan dan struktur Governan	Pengukuhan Bakat dan Pembangunan Modal Insan	Pembentukan Persekitaran Perniagaan yang Mampan dan Lestari	Pemeriksaan Badan Induk dan Sistem Penyampaian Koperasi
100%	99%	100%	98%	91%
PERATUS PENCAPAIAN FASA 2				
LANGKAH STRATEGIK				
<p>Memasyarakatkan Gerakan Koperasi terutama dalam kalangan B40, OKU, miskin bandar, masyarakat luar bandar, pedalaman dan masyarakat Urang Asli Asal.</p> <p>Memperkasakan koperasi sebagai Perusahaan Sosial (SE) yang memberi impak kepada masyarakat ekonomi dan alam sekitar.</p> <p>Meningkatkan tahap sosioekonomi dan kesejahteraan anggota koperasi.</p> <p>Mengoptimimumkan Kumpulan Wang Koperasi (KWAP) untuk manfaat bersama Gerakan Koperasi.</p>	<p>Meliberalisasikan perundangan koperasi untuk memudahcara koperasi bagi menjelankan perniagaan dan meningkatkan keabjekan anggota.</p> <p>Memperkuatkan penguatkuasaan undang-undang pengawal selia.</p> <p>Mewujudkan sistem semak dan imbang ke atas Ahli lembaga Koperasi (ALK) serta pengurusan koperasi dan subsidiari koperasi merangkumi aspek berkecuali, akauntabiliti dan komposisi.</p> <p>Memperkuatkan peranan dan akauntabiliti Koperasi Puncak (APEX).</p>	<p>Memperkasakan program latihan dan pembangunan kapasiti kepada ALK, anggota dan pengurusan koperasi serta pengurusan subsidiari.</p> <p>Menarik minat golongan profesional yang mempunyai kepakaran dan kelayakan akademik serta golongan belia termasuk pelajar IPT sebagai tenaga kerja, pelapis dan <i>agent of change</i> kepada Gerakan Koperasi di Malaysia.</p> <p>Melaksanakan <i>Cross Fertilization Programme</i>/Program Latihan Industri/Program Sangkutan kepada pengurusan koperasi bagi mendalami ilmu pemiagaan dan pengurusan syarikat.</p> <p>Memantapkan Program Intervensi Bersasar kepada koperasi mikro yang berpotensi.</p>	<p>Menyediakan ekosistem yang kondusif bagi pembangunan perniagaan koperasi.</p> <p>Meningkatkan sokongan dan fasiliti kepada koperasi untuk menceburi bidang pertumbuhan baharu (<i>New Growth Areas</i>) seperti ekonomi digital, teknologi hijau, pertanian moden dan perniagaan berteraskan industri 4.0.</p> <p>Membentuk persekitaran yang kondusif bagi penggabungan koperasi agar lebih berdaya saing dan mampan.</p> <p>Memperkuatkan jalinan kerjasama strategik sesama koperasi dan di antara pihak industri, Kementerian dan agensi serta pihak berkepentingan yang lain.</p>	<p>Memperkasakan peranan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) sebagai agensi induk kawal selia dan pembangunan koperasi.</p> <p>Memperkasakan peranan Institut Koperasi Malaysia (IKMa) sebagai sebuah Institusi pendidikan tinggi.</p> <p>Mendigitalisasikan operasi dan sistem penyampaian koperasi.</p> <p>Menambahbaik sistem pengumpulan, pengurusan dan pengukuran data.</p>
PROGRAM AKTIVITI				
<ol style="list-style-type: none"> Program kesedaran turun padang. Membangunkan Indeks Gerakan Koperasi (IGK). Membangunkan Indeks Kesejahteraan Anggota (IndeKA) yang lebih bermakna dan Inklusif. Menambah baik skop dan pelaksanaan Kumpulan Wang Amanah (KWA). 	<ol style="list-style-type: none"> Pindaan Akta Koperasi 1993. Melaksanakan Pelan Pemutihan Koperasi. Menambah baik proses kutipan, pemantauan dan penguatkuasaan pembiayaan Tabung Modal Pusingan. Memantapkan kriteria dan garis panduan bagi pelantikan ALK, pengurusan koperasi dan subsidiari. Menambah baik struktur governan dan tatacara pengoperasian Koperasi Puncak. 	<ol style="list-style-type: none"> Pembangunan Modul Latihan Bersepadu berdasarkan keperluan dan / atau permintaan kumpulan sasar. Menyediakan Latihan Pensijilan Profesional kepada ALK, pengurusan dan tenaga kerja koperasi. Menubuhkan Jawatankuasa Pencarian (<i>Search Committee</i>). Menjalinkan kerjasama strategik bersama Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Belia dan Sukan serta pertumbuhan belia dan profesional. Memantapkan peranan Koperasi Siswa. Membangunkan Program <i>Cross Fertilization</i>. Membangunkan modul latihan berperingkat khususnya dalam pengurusan kewangan dan adaptasi teknologi. 	<ol style="list-style-type: none"> Meningkatkan pembiayaan bersasar koperasi melalui SKM, Bank Rakyat dan Bank Koperasi. Menyediakan pembiayaan alternatif kepada koperasi. Membangunkan program adaptasi teknologi berstruktur dengan kerjasama pihak Industri. Membangunkan program adaptasi teknologi berstruktur dengan kerjasama pihak Industri. Menyediakan pembiayaan automasi dan digitalisasi. Mewujudkan Pusat Sehati Koperasi (PSK) secara fizikal dan virtual. Mempergiatkan program promosi dan pemasaran produk koperasi di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa. Membangunkan platform padanan perniagaan (<i>business matching</i>) koperasi. Mengetahui pasti dan menilai keupayaan serta kebolehlaksanaan koperasi dalam bidang pertumbuhan baharu. Memberikan latihan, <i>coaching</i> dan <i>mentoring</i> bagi koperasi terpilih. Menyediakan insentif dalam pelbagai bentuk bagi menggalakkan penggabungan koperasi. Melaksanakan kerjasama strategik antara koperasi, Kementerian, agensi, Industri, dan pihak berkepentingan. 	<ol style="list-style-type: none"> Pindaan Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007. Membangun dan melaksanakan Pelan Transformasi Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Membangun dan melaksanakan Pelan Transformasi Institut Koperasi Malaysia (IKMa). Membangun dan melaksanakan Pelan Digitalisasi Koperasi. Penjajaran semula kategori dan klasifikasi koperasi agar selari dengan situasi dan perkembangan semasa. Membangunkan Pusat Repositori Maklumat Koperasi.

PENCAPAIAN TRANSKOM FASA 2

BIDANG TUJAHAN

1	2	3	4	5
Pemangkin Nilai Kemakmuran Bersama	Pemantapan Sistem Perundangan dan Struktur Governan	Pengukuhan Bakat dan Pembangunan Model Insan	Pembentukan Persekitaran Perniagaan yang Mampan dan Lestari	Pemeriksaan Badan Induk dan Sistem Penyampaian Koperasi
100%	99%	100%	98%	91%

PERATUS PENCAPAIAN FASA 2

PETUNJUK PRESTASI UTAMA

<p>Pendaftaran koperasi Baharu</p> <ul style="list-style-type: none"> ~ 1,899 koperasi baharu ditubuhkan (Sasaran: 1,600) <p>Pelan Intervensi IndeKA</p> <ul style="list-style-type: none"> ~ Pelan Intervensi IndeKA terdapat di dalam Laporan Akhir Kajian Lanjutan IndeKA 	<p>Pelan Pemutihan (Koperasi tidak aktif dipulihkan)</p> <ul style="list-style-type: none"> ~ 2,165 koperasi dipulihkan daripada sasaran 1,249 koperasi <p>Pelan Pemutihan (Pembatalan koperasi dorman)</p> <ul style="list-style-type: none"> ~ 923 daripada sasaran 822 koperasi dorman diperakui batal <p>Kutipan pembiayaan tidak berbayar (NPF)</p> <ul style="list-style-type: none"> ~ Kutipan RM26.5 juta (Sasaran: RM25 juta) 	<p>Jalinan Kerjasama Strategik Bersama Kementerian Pendidikan, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Belia dan Sukan serta Pertubuhan Belia dan Profesional & Pemantapan Peranan Koperasi Siswa</p> <ul style="list-style-type: none"> ~ 476 ALK telah dilantik di kalangan belia dan profesional. ~ 76 peserta telah terlibat di dalam program kesedaran berkoperasi untuk pemantapan koperasi siswa. ~ 835 peserta terlibat di dalam program jalinan kerjasama strategik membabitkan UKM, UPM, USIM. ~ 2,347 peserta melibatkan UITM, UMT, UPM dan UPNM mengikuti Taklimat Kosiswa. <p>Membangunkan Program <i>Cross Fertilization</i></p> <ul style="list-style-type: none"> ~ 15 ahli pengurusan koperasi telah terlibat dan taklimat turut diberikan kepada peserta mengenai Desa Nglangeran yang telah berjaya mendapat pengiktirafan daripada pihak UNWTO sebagai <i>Best Tourism Village</i> pada 2021 	<p><i>Product Transformation Program</i> (PUTRA)</p> <ul style="list-style-type: none"> ~ 14 koperasi di bawah program PUTRA melibatkan 26 SKU ~ Produk-produk dibawah PUTRA mencatatkan peningkatan Jualan 17% berbanding sebelum pelaksanaan program. <p><i>Halal Technology Transformation Program</i> (HTTP)</p> <ul style="list-style-type: none"> ~ 8 koperasi terlibat dalam program HTTP (Sasaran Fasa 2: 8 koperasi) <p>Peningkatan pembiayaan automasi dan digitalisasi</p> <ul style="list-style-type: none"> ~ RM8.30 juta telah disalurkan kepada 357 koperasi untuk pembiayaan automasi dan digitalisasi (Sasaran Fasa 2: RM8.65 juta) <p>Memberikan Latihan, <i>coaching</i> dan <i>mentoring</i> bagi koperasi terpilih</p> <ul style="list-style-type: none"> ~ 70 koperasi telah terlibat dan diberikan penerangan berkenaan sistem i-Koap di bawah Program CODE e- COOM dan bimbingan menggunakan platform digital tempahan homestay koperasi dalam talian di bawah Program CODE E-Tourism. <p>Program promosi pemasaran produk koperasi secara fizikal dan virtual</p> <ul style="list-style-type: none"> ~ 52 program telah dijalankan, 48 secara fizikal dan 4 secara virtual (Sasaran Fasa 2: 21 program) <p>Bilangan program padanan perniagaan yang dianjurkan</p> <ul style="list-style-type: none"> ~ 100 program telah dianjurkan (Sasaran Fasa 2: 60 program) <p>Peningkatan bilangan koperasi menceburi bidang pertumbuhan Baharu</p> <ul style="list-style-type: none"> ~ 23 koperasi yang dikenal pasti menceburi bidang pertumbuhan baharu (Sasaran Fasa 2: 12 koperasi) <p>Peningkatan bilangan Memorandum Persefahaman (MoU) kerjasama strategik</p> <ul style="list-style-type: none"> ~ 51 kerjasama strategik telah dilaksanakan (Sasaran Fasa 2: 30 MoU dilaksanakan) 	<p>Pindaan Akta Suruhanjaya Koperasi Malaysia 2007 (Akta 665)</p> <ul style="list-style-type: none"> ~ Telah diwartakan dan berkuatkuasa pada 1 Oktober 2023 (pengasingan kuasa) <p>Perubahan kepada komposisi Lembaga</p> <ul style="list-style-type: none"> ~ Kuasa dan Fungsi Ketua Pegawai Eksekutif dan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif ~ Fungsi Setiausaha Lembaga ~ Perwakilan Kuasa dan Fungsi Suruhanjaya ~ Kecualian dan Peralihan
--	---	---	---	--

RAJAH 5.4

Kerangka Pelan DigiKOP 2030



RAJAH 5.5

Fasa Pelaksanaan Pelan DigiKOP 2030



INISIATIF DAN INSENTIF

Pada tahun 2023, sebagai insentif kepada pengukuhan dan perkembangan Gerakan Koperasi di Malaysia dalam mendepani arus ekonomi semasa, SKM telah diperuntukkan

dengan dana Geran Pembangunan di bawah RMK Ke-12 sebanyak RM8 juta merangkumi Program Pembangunan Perniagaan Melalui Koperasi 2.0 (PPMK 2.0) sebanyak RM5 juta dan Program Pemeraksanaan Rantainya Bekalan Koperasi (SCOPE) sebanyak RM3 juta.

JADUAL 5.1

Geran pembangunan di bawah RMK ke-12

PROGRAM	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	PRESTASI PROGRAM
Program Pembangunan Perniagaan Melalui Koperasi 2.0 (PPMK 2.0)	RM5 juta	Perbelanjaan: RM5 juta (100%) Penerima Manfaat: 53 Koperasi
Program Pemeraksanaan Rantainya Bekalan Koperasi (SCOPE)	RM3 juta	Perbelanjaan: RM3 juta (100%) Penerima Manfaat: 15 Koperasi
JUMLAH DANA	RM8 JUTA	100% DIBELANJAKAN

Melalui pakej rangsangan ekonomi yang diperoleh daripada sumber dana RMKe-12 ini, limpahan manfaat dana tersebut telah diterima oleh koperasi di seluruh Malaysia yang berpotensi serta mematuhi terma ketetapan yang telah digariskan dalam garis panduan program-program tersebut. Matlamat utama program-program ini adalah bagi mengukuhkan keupayaan rantaian

Gerakan Koperasi dalam ekonomi semasa seterusnya memastikan kesinambungannya dalam ekosistem ekonomi masa hadapan. Kerangka pertumbuhan ekonomi semasa memberikan kesan kesinambungan kepada ketersediaan pakej rangsangan ekonomi khusus buat Gerakan Koperasi.

JADUAL 5.2

PECAHAN DANA PROGRAM MENGIKUT NEGERI

NEGERI	PPMK 2.0		SCOPE	
	BIL.	RM	BIL.	RM
Johor	5	380,000.00	-	-
Kedah	3	165,000.00	1	129,160.00
Kelantan	5	380,000.00	2	405,000.00
Melaka	4	260,000.00	2	382,840.00
Negeri Sembilan	2	140,000.00	-	-
Pahang	3	125,000.00	1	90,000.00
Perak	2	340,000.00	-	-
Perlis	4	580,000.00	1	260,000.00
Pulau Pinang	1	70,000.00	-	-
Sabah	3	430,000.00	-	-
Sarawak	8	810,000.00	-	-
Selangor	5	400,000.00	4	727,000.00
Terengganu	2	210,000.00	3	760,000.00
Wilayah Persekutuan	6	710,000.00	1	246,000.00
JUMLAH	53	5,000,000.00	15	3,000,000.00

Selaras dengan ketetapan melalui RMKe-12 iaitu bagi tempoh tahun 2021 sehingga 2025, SKM telah diperuntukkan dengan kelulusan bagi PPMK 2.0 sebanyak RM25 juta dan SCOPE sebanyak RM10 juta. Pencapaian keseluruhan dana ini bagi tempoh semasa sehingga tahun

2023 adalah amat memberangsangkan di mana prestasi 100% dibelanjakan dengan manfaat kepada 154 buah koperasi dengan peruntukan berjumlah RM17.5 juta. Pecahan prestasi bagi kedua-dua program adalah seperti di Jadual 5.3 dan Jadual 5.4.

JADUAL 5.3		PRESTASI PROGRAM PEMBANGUNAN PERNIAGAAN MELALUI KOPERASI 2.0 (PPMK 2.0)		
TAHUN	PERUNTUKAN	PERMOHONAN	KELULUSAN	
2021	RM4,500,000	RM15,696,000 (115 Koperasi)	RM4,500,000 (57 Koperasi)	
2022	RM2,000,000	RM4,072,345 (14 Koperasi)	RM2,000,000 (10 Koperasi)	
2023	RM5,000,000	RM14,709,698.55 (78 Koperasi)	RM5,000,000 (53 Koperasi)	

JADUAL 5.4		Prestasi Program Pemeraksanaan Rantaian Bekalan Koperasi (SCOPE)		
TAHUN	PERUNTUKAN	PERMOHONAN	KELULUSAN	
2021	RM2,000,000	RM3,924,000 (15 Koperasi)	RM2,000,000 (12 Koperasi)	
2022	RM1,000,000	RM2,842,500 (12 Koperasi)	RM1,000,000 (7 Koperasi)	
2023	RM3,000,000	RM3,815,000 (15 Koperasi)	RM3,000,000 (15 Koperasi)	

Sejajar dengan aspirasi dasar Kerajaan merencanakan pertumbuhan ekonomi yang lebih aktif dan berdaya saing, SKM turut menyediakan pakej rangsangan ekonomi menggunakan peruntukan dana dalamannya. Usaha ini adalah sebagai galakan (*booster*) dan dokongan sebagai regulator kepada pertumbuhan aktiviti ekonomi koperasi supaya diiktiraf setara entiti perniagaan tempatan di Malaysia.

Pakej-pakej yang disediakan juga adalah berfokus kepada peralihan kehendak pasaran di samping sebagai sistem sokongan (*support system*) untuk mengukuhkan dan mengantarabangsakan ekosistem ekonomi koperasi Malaysia.

JADUAL 5.5

AKSES BANTUAN DI BAWAH DANA DALAMAN SKM

PROGRAM	SUMBER & JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	PRESTASI PROGRAM
<p>Prestasi Program Sektor Peneraju Ekonomi Koperasi (PROSPEK)</p> <p>Geran bantuan bagi mengukuh dan memantapkan perniagaan koperasi</p>	<p>SKM - Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi – KWAPb (2023)</p> <p>RM3 juta</p>	<p>Perbelanjaan: RM2.907 juta (97%)</p> <p>Penerima manfaat: 34 Koperasi</p>
<p>Tabung Bantuan Kecemasan Koperasi (TBKK)</p> <p>Fokus kepada koperasi yang terjejas akibat dari bencana alam & faktor luar kawalan</p>	<p>SKM</p>	<p>Perbelanjaan: RM810,700</p> <p>Penerima Manfaat: 47 Koperasi</p>
<p>Co-Operative Emergency Relief Fund (CERF)</p> <p>Fokus kepada koperasi yang terjejas akibat dari bencana alam & faktor luar kawalan dalam kadar segera di peringkat kelulusan SKM Cawangan Negeri</p>	<p>SKM</p>	<p>Perbelanjaan: RM13,000</p> <p>Penerima Manfaat: 5 Koperasi</p>

Akses pembiayaan dan geran program pembangunan mengikut sektor ekonomi koperasi juga turut difokuskan kepada kumpulan sasar yang menyeluruh (B40, wanita, belia, siswa, OKU, sekolah, kariah masjid dan lain-lain) dalam memastikan limpahan pakej rangsangan ekonomi ini memberi manfaat kepada koperasi. Inisiatif ini disokong dengan penetapan dalam Pelan Strategik SKM, Teras Strategik III (Penyampaian Perkhidmatan Berkesan) dibawah Strategi 2: Memperkasa Pembangunan Koperasi Yang Inklusif, yang menggariskan pembiayaan program pembangunan meliputi Bantuan Pembangunan (RM5 juta pada tahun 2023) dan Pembiayaan

TMPSKM (RM100 juta pada tahun 2023) selaras dengan Bidang Tujahan 4, (Langkah Strategik 1) TransKOM.

Selain itu, Kerajaan juga memperuntukkan dana pembiayaan TMPSKM bagi memberi akses kemudahan pembiayaan kepada koperasi untuk melaksanakan, memantapkan atau meneruskan projek- projek yang berdaya maju. Pembiayaan yang ditawarkan adalah merangkumi aktiviti untuk membiayai modal pusingan perniagaan, pemilikan bangunan dan hartanah, perladangan dan pertanian serta kenderaan.

JADUAL 5.6

PEMBIAYAAN TABUNG MODAL PUSINGAN SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA (TMPSKM)

PROGRAM	SUMBER & JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	PRESTASI PROGRAM
Pembiayaan Tabung Modal Pusingan (TMPSKM) Kemudahan pinjaman/ pembiayaan kewangan kepada koperasi bagi melaksanakan atau meneruskan projek-projek yang berdaya maju	KWA TMPSKM Baki boleh guna RM215.09 juta	Kelulusan: RM301.78 juta Penerima Manfaat: 189 buah Koperasi
JUMLAH DANA	RM215.09 JUTA	

Berdasarkan pakej-pakej rangsangan ekonomi yang disediakan oleh Kerajaan dan SKM amnya sepanjang tahun 2023, peningkatan prestasi koperasi dapat dilihat kepada perolehan tahunan sebanyak RM64.5 juta berbanding tahun 2022 iaitu sebanyak RM45.5 juta, di mana peningkatan sebanyak 41.70% (RM19 juta).

Berdasarkan trend pertumbuhan ekonomi semasa, tahun 2024 dijangka peningkatan perolehan koperasi secara total antara 25% hingga 30% dengan mengambil kira peralihan arus aktiviti ekonomi koperasi ke arah era pendigitalan dan juga pakej-pakej rangsangan ekonomi yang telah disediakan oleh Kerajaan dan SKM bagi tahun 2023.

Pertumbuhan Gerakan Koperasi juga dapat dilihat berdasarkan jumlah koperasi berdaftar sehingga 31 Disember 2023 iaitu sebanyak 15,809 buah koperasi berbanding 15,315 buah koperasi pada 2022 yang menggambarkan peningkatan sebanyak 3.20% (494 buah).

Selaras dengan Pelan Strategik SKM, Teras Strategik III (Penyampaian Perkhidmatan Berkesan) dibawah Strategi 2: Memperkasa Pembangunan Koperasi Yang Inklusif, pada tahun 2024 pertumbuhan Gerakan Koperasi berdaftar di Malaysia disasarkan meningkat dengan mengambil kira aspek keyakinan rakyat terhadap Gerakan Koperasi dalam membantu mengurangkan kos sara hidup dan akses kepada pasaran yang kompetitif.



MELANGKAH KE HADAPAN

Ke arah mendepani arus peredaran ekonomi semasa, koperasi hendaklah mempunyai daya saing yang kompeten dengan pesaing ekonomi sedia ada. Kompetensi Gerakan Koperasi perlu dikukuhkan selaras dengan matlamat-matlamat yang digariskan dalam dasar-dasar yang menyokongnya. Pengukuhan perniagaan yang didasari oleh tadbir urus koperasi yang baik (*good governance*) akan mendukung hasrat pertumbuhan sosioekonomi negara.

PENGUKUHAN TADBIR URUS (GOOD GOVERNANCE)

Selaras dengan unjuran pertumbuhan ekonomi negara yang berkembang 3.6 peratus, langkah-langkah strategik yang digariskan di bawah DaKoM 2030 dapat memperkukuhkan lagi sistem pengawalseliaan dan pembangunan koperasi di Malaysia. Kaedah penyeliaan koperasi akan ditambah baik atau *re-model* dengan mengambil kira kaedah penyeliaan dan proses pemantauan pelaporan seiring dengan objektif untuk membangunkan Gerakan Koperasi yang responsif dan dinamik dalam menjalankan aktiviti berkoperasi bersama anggota. Satu kerangka Model Penyeliaan Koperasi Berkesan (MPKoB) akan disediakan bagi memastikan koperasi kekal aktif melalui proses pemantauan dan penyeliaan yang berkesan.

PEMERKASAAN KOPERASI SEBAGAI PERUSAHAAN SOSIAL

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) telah melancarkan Rangka Tindakan Keusahawanan Sosial 2030 (SEMy2030) bertemakan “Mengarus Perdana Perusahaan Sosial, Menormalisasi Impak Sosial” bertujuan untuk mengarusperdanakan perusahaan sosial sebagai penyumbang yang efektif kepada pembangunan sosioekonomi negara. Kajian Separuh Penggal (KSP) RMK-12 juga telah menggariskan inisiatif pembangunan ekosistem inklusif dan penggalakan inovasi dalam projek keusahawanan sosial bersama koperasi.

Ekosistem keusahawanan sosial di Malaysia masih berada pada peringkat awal berbanding ekosistem sedia ada bagi Gerakan Koperasi dan PMKS, di mana hanya kira-kira 0.2% daripada sembilan (9) juta pertubuhan perniagaan di

Malaysia adalah perusahaan sosial. Sehingga 31 Disember 2023, sebanyak 92 koperasi telah berjaya mendapat penarafan sebagai Perusahaan Sosial Asas (SE.B) dan satu (1) koperasi mendapat penarafan sebagai Perusahaan Sosial Akreditasi (SE.Ac). SKM bersama KUSKOP dan Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) akan melancarkan program baharu bagi menggalakan koperasi menjalankan aktiviti Perusahaan melalui khidmat bimbingan, latihan dan insentif yang akan disediakan bagi tahun 2024.

PEMBERDAYAAN EKONOMI GOLONGAN RENTAN

Seiring dengan aspirasi Kerajaan untuk meringkankan kos sara hidup rakyat dan membasmi kemiskinan golongan rentan, pelbagai inisiatif telah direncanakan untuk kesejahteraan sosioekonomi masyarakat. SKM dan KUSKOP telah mengambil inisiatif memperkenalkan Program Jualan Madani Koperasi (JMKU). Program ini mula diperkenalkan pada tahun 2023 dan merupakan satu bentuk bantuan Kerajaan kepada rakyat khususnya golongan B40 di mana barang-barang keperluan harian seperti minyak masak, beras, gula, tepung, telur, ayam dan daging yang dijual adalah sekitar 20% lebih rendah daripada harga pasaran. Pada tahun 2023, sebanyak RM1.82 juta insentif bagi tujuan pengurangan harga barangan keperluan asas telah dilulus dan disalurkan bagi melaksanakan 86 program JMKU di seluruh negara dengan prestasi jualan yang direkodkan adalah berjumlah RM7,154,900.75. Program JMKU akan dilaksanakan pada tahun 2024 dengan sasaran sekurang-kurangnya 20 siri Program JMKU di seluruh negara.

SINERGI INDUSTRI

Pelaksanaan program baharu Jom Jelajah Koperasi (JEJAK) dapat menyokong penglibatan

koperasi dalam industri pelancongan domestik serta memberi peluang kepada koperasi untuk mempromosikan aktiviti pelancongan koperasi merangkumi perhotelan, homestay, inap desa, pusat riadah serta rangkaian aktiviti pelancongan yang telah diceburi.



PENGUKUHAN PERANAN BADAN BEROTORITI

Kerjasama rentas antara pelbagai pihak juga wajar dilaksanakan oleh badan berotoriti bersama Gerakan Koperasi bagi menyebarkan kewujudan, komposisi dan peranan koperasi dalam meningkatkan taraf ekonomi anggota seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Dalam arus era semasa ini juga, Gerakan Koperasi hendaklah proaktif dan celik digital seiringan dengan arus peredaran IR4.0 supaya produk dan perkhidmatan yang ditawarkan koperasi adalah sejajar dengan pertumbuhan teknologi baharu.

Pemantapan tahap digitalisasi oleh SKM, IKMa dan ANGKASA dalam memacu penyertaan koperasi dalam penggunaan teknologi dan permulaan teknologi akan dilaksanakan melalui DigiKOP 2030. Matlamat penggunaan teknologi kepada setiap koperasi di Malaysia yang mempunyai tahap keupayaan pengurusan dan sumber gunaan teknologi yang berbeza akan memberikan pencapaian yang berbeza. Namun koperasi seharusnya tidak menjadikan ia sebagai suatu limitasi walaupun berhadapan dengan isu dan cabaran yang berbeza dalam menuju matlamat ekonomi digital. Prinsip Koperasi ke-6 iaitu “Kerjasama Antara Koperasi-Koperasi” amat digalakkan ke atas Gerakan Koperasi dalam menzahirkan proses perkongsian dan pemindahan ilmu (*transfer of knowledge*).



PENUTUP

Segala pelan tindakan yang dilaksanakan bersama Gerakan Koperasi dirangka dan dikaji dari semasa ke semasa berdasarkan polisi dan hasrat Kerajaan dalam memajukan sektor ekonomi negara dan secara lebih komprehensif yang mana koperasi dikenali sebagai salah satu model perniagaan pilihan yang menyelesaikan masalah sosioekonomi komuniti dan meningkatkan kesejahteraan anggota.

DaKoM 2030 mewakili langkah dan aspirasi nasional untuk memartabat dan mentransformasikan sektor koperasi sebagai pemacu utama pertumbuhan sosioekonomi negara dengan objektif untuk mentransformasikan sektor koperasi sebagai penyumbang signifikan kepada pertumbuhan ekonomi Malaysia serta penubuhan koperasi yang berkemampuan dan kukuh serta diterima rakyat Malaysia. Ke arah mendepani arus peredaran ekonomi semasa, koperasi hendaklah mempunyai daya saing yang kompeten dengan pesaing ekonomi sedia ada.

Kejayaan pelaksanaan dasar dan polisi untuk mentransformasikan sektor koperasi selaras dengan aspirasi DaKoM 2030 bergantung kepada kerjasama dan sokongan yang berkesan daripada semua pihak termasuk badan berotoriti, pemimpin industri serta anggota koperasi.

Penglibatan golongan belia berminda kelas pertama hendaklah diterapkan dalam pelan penggantian modal insan Gerakan Koperasi supaya transformasi pentadbiran koperasi seiring dengan perubahan digital dan memperkukuhkan pelaksanaan DigiKOP 2030. Kompetensi Gerakan Koperasi turut akan dikukuhkan selaras dengan matlamat-matlamat yang digariskan dalam dasar-dasar yang menyokongnya. Pengukuhan perniagaan yang didasari oleh tadbir urus koperasi yang baik (*good governance*) akan mendukung hasrat pertumbuhan sosioekonomi negara.



Penulis
**LAPORAN
EKONOMI
SEKTOR KOPERASI
TAHUN 2023**



PENASIHAT

Hajah Wan Zuraini
Wan Yusof

*Pengarah Bahagian Perangkaan dan Penyelidikan
Suruhanjaya Koperasi Malaysia*



PENULIS BAB 01

Nasarudin
Manan

Mohammad Farhan
Mohammad Sabri

Faezatul Fazlin
Fauzi



PENULIS BAB 02

**Luqman
Nurhakim**
Wahid

Noor Azura
Maslan

Nor Ashikin
Kamarul



PENULIS BAB 03

'Abdullah Khairi
Mohd Asri

Mohammad Haffiz
Mohd Zamani

Mariana
Mat Jusoh



PENULIS BAB 04

Haji Hafiez Syafran
Ahmad Sidi

Norazlina
Abu Bakar

Aisyah
Ismail



PENULIS BAB 05

**Muhamad
Ammar**
Ahmad Ramli

Deweswary
A/P Selvarajoo

Siti Marlina
Mainon@Hj. Jamil





**SURUHANJAYA
KOPERASI**
Malaysia

SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

Menara Suruhanjaya Koperasi Malaysia,
Changkat Semantan,
Off Jalan Semantan
50490 Kuala Lumpur
www.skm.gov.my



03-20834000



03-20834100

ISSN 0126-1741



9 770126 174004